



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM
Sixth Parliament

PENGGAL KEDUA
Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 3061]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 3130]

USUL-USUL:

Aturan Urusan Mesyuarat [Ruangan 3131]

Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 3189]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Penilai dan Pentaksir [Pindaan]
[Ruangan 3132]

Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Penerbangan
[Ruangan 3147]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Tapak Pembuangan Radioaktif di Papan [Ruangan 3190]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang Dipertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGGU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGGU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y. M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Pelajaran, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

Yang Berhormat Menteri Penerangan, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

- „ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri merangkap Duta Besar Malaysia ke Indonesia, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Renggam).
- „ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABU SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ Menteri Pertanian, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO MOHAMED KHALIL YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, PUAN HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P. (Temerloh).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Baru).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, A.M.P. (Telok Anson).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ DATO ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Terengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Ĺabis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).

- Yang Berhormat TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ DATUK EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.N.B.S., P.B.S. (Saratok).
- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S., (Batang Lupar).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).

- Yang Berhormat DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT³ GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulai).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (TAMPIN).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPENG ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).

- Yang Berhormat TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P. B. Menon.

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Nghoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd . Saleh bin Mohd . Yusof.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam .

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd . Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 17hb Julai, 1984

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang Dipertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

HARGA BERAS MAHAL

1. Tuan Haji Mohamed Amin bin Haji Daud minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

- (a) sama ada benar dakwaan orang ramai mengenai harga beras yang dijual kepada orang ramai pada masa ini adalah mahal dan tidak berpatutan;
- (b) apakah formula yang digunakan oleh LPN untuk menetapkan harga beras sama ada yang dikeluarkan di dalam negeri atau yang diimport dari luar negeri bagi satu kilo serta harga yang ditetapkan mengikut gred;
- (c) mengapakah ada perbezaan di antara harga beras di Selangor dengan harga di Pahang dan Pantai Timur iaitu di Selangor \$1.04 bagi beras gred A1 manakala di Pahang dan Pantai Timur \$1.11; dan
- (d) mengapakah LPN tidak mengimport berasnya yang dibeli daripada Thailand melalui Pelabuhan Kuantan memandangkan segala keperluan bagi kerja-kerja tersebut terdapat di Pelabuhan

Kuantan supaya harga beras tersebut dapat diseimbangkan dengan harga di Selangor.

Setiausaha Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Haji Hussein bin Mahmud): Tuan Yang Dipertua, Kerajaan telah menguatkuasakan Perintah Kawalan Harga Beras pada bulan Mei, 1974 di mana harga bagi beras di semua peringkat perniagaan iaitu di peringkat kilang, borong dan runcit adalah ditetapkan. Ini adalah bertujuan untuk menjaga kepentingan pengguna-pengguna khususnya yang berpendapatan rendah. Sejak dari tahun 1974 hingga ke hari ini paras harga yang ditetapkan itu tidak pernah dinaikkan meskipun harga barang-barang keperluan lain telah meningkat. Ini bermakna kadar harga beras sekarang ialah kadar asal tahun 1974.

Sebaliknya, Kerajaan telah terpaksa mengalami kerugian akibat dari perbezaan harga di antara harga jualan dalam negeri dengan harga beras yang diimport yang lebih tinggi pada masa-masa yang lepas. Semenjak tahun 1973 hingga 1983 Kerajaan telah terpaksa menampung kerugian berjumlah \$82 juta. Keadaan ini mencerminkan bahawa pihak pengguna dalam negeri di masa-masa lepas telah diberi subsidi oleh Kerajaan atas pembelian beras oleh mereka. Semua kerugian dan keuntungan yang diperolehi oleh LPN adalah dilaporkan dalam akaun LPN bagi satu-satu tahun dan dilampirkan di dalam laporan tahunan LPN yang berkenaan.

Harga beras adalah ditetapkan berasaskan kepada beberapa faktor iaitu harga padi, kos pengilangan

beras, kadar penghasilan dari pengilangan, kos pengangkutan, kos pengendalian, kos guni, sewa gudang dan insuran serta kadar keuntungan untuk perniagaan. Hasil sampingan dari pengilangan iaitu hasil daripada jualan beras hancur dan dedak yang diterima oleh pengilang akan diambil kira sebagai hasil yang akan diterima dan dengan itu ianya ditolak dari jumlah kos untuk menetapkan kos sebenar bagi tujuan penetapan harga. Beras yang dipasarkan di dalam negeri adalah ditentukan mengikut gred seperti yang telah ditetapkan semenjak 1974. Beras import pula adalah dijual mengikut harga beras dari gred beras tempatan yang setara dengannya. Umpamanya, beras Siam 100% gred B adalah dijual sebagai beras gred A1 di pasaran tempatan.

Bagi menjawab soalan bahagian (c), perbezaan harga beras di antara kawasan-kawasan adalah kerana di bawah Perintah Kawal Harga Beras 1974, harga ditetapkan kepada zon-zon tertentu (iaitu 6 zon harga di seluruh negara). Perbezaan harga antara zon adalah berdasarkan kepada kos pengangkutan dari punca bekalan beras ke zon-zon berkenaan. Inilah faktor yang menyebabkan terdapatnya perbezaan harga antara negeri Selangor dengan harga beras di Pahang dan di Pantai Timur.

Bagi menjawab bahagian (d) LPN tidak dapat menumpukan kemasukan beras import semata-mata kepada satu pelabuhan oleh kerana di masa sekarang LPN bukan sahaja mengimport beras dari Thailand tetapi juga dari Burma dan Pakistan yang mana pemunggahan lebih sesuai dilakukan di pelabuhan-pelabuhan Pulau Pinang, Pelabuhan Kelang dan Pasir Gudang. Dalam menentukan pelabuhan pemunggahan bagi beras yang diimport, LPN juga mengambil kira beberapa perkara seperti kos pengangkutan dan pengendalian serta juga taburan permintaan antara kawasan. Juga perlu diambil kira

keupayaan gudang-gudang simpanan beras LPN yang berdekatan dengan sesuatu pelabuhan yang berkenaan itu. Pengangkutan berasa import tidak sahaja dibawa masuk dengan kapal bahkan di mana yang wajar kemudahan-kemudahan pengangkutan keretapi telah digunakan untuk membawa masuk beras dari Thailand.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Tuan Yang Dipertua, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam telah menerangkan bahawa ada beras-beras yang diimport daripada luar negeri, Burma dan sebagainya. Memandangkan beras atau nasi, dengan lain-lain perkataan, merupakan makanan utama rakyat di negeri ini, adakah Kerajaan bercadang untuk menghasilkan beras negara bagi mencukupi keperluan rakyat seluruhnya dengan tidak lagi payah kita mengimport daripada luar negeri. Kalau tidak Kerajaan menentukan satu matlamat untuk mencukupkan keperluan beras negara di dalam negara sendiri, mengapa keadaan itu dibiarkan berterusan.

Tuan Hussein bin Mahmud: Tuan Yang Dipertua, jawapan kepada soalan Yang Berhormat itu sebenarnya kita boleh dapati melalui Dasar Pertanian Negara. Jadi oleh sebab perkara ini tidak termasuk di bidang kuasa Kementerian ini maka selebih-lebihnya dapat saya menganjurkan supaya Yang Berhormat merujuk kepada Dasar Pertanian Negara yang baru diisytiharkan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang Dipertua, tadi Yang Berhormat berkata bahawa kerugian dan keuntungan LPN ada dalam laporan tahunan LPN tetapi kalau saya tidak silap laporan tahunan LPN tahun 80an belum siap, belum diodit. Bukankah ini tidak boleh menunjuk, menjelaskan kedudukan keuntungan dan kerugian LPN, bukankah benar bahawa

keuntungan-keuntungan yang dibuat oleh LPN menunjuk bahawa kalau LPN menurunkan profit-profit margin untuk menurunkan harga-harga beras pengguna-pengguna akan dapat faedah dan adakah LPN atau pihak Kerajaan akan menimbangkan perkara ini.

Tuan Hussein bin Mahmud: Tuan Yang Dipertua, mengenai laporan daripada LPN sebagaimana dikehendaki oleh Akta LPN ianya apabila disiapkan dan diodit mengikut peraturan-peraturan biasa ianya dikemukakan di Dewan yang mulia ini.

Mengenai syor ataupun pandangan Yang Berhormat tadi, perkara ini sebenarnya adalah dikaji dari semasa ke semasa dan ianya akan diambil tindakan apabila difikirkan masanya sesuai.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Saya mengucapkan terima kasih di atas jawapan-jawapan yang begitu baik tetapi ada praktikal yang tidak sesuai iaitu pada masa bulan puasa dan hari raya yang lalu terdapat harga beras ini tinggi. Jadi, apakah langkah-langkah penguatkuasa LPN telah dijalankan dan sekiranya langkah-langkah ini apakah tindakan telah diambil kerana beras pulut melambung tinggi, ada tempat harganya baik tetapi ada tempat tidak ada penguatkuasa LPN datang menyaksikannya.

Tuan Hussein bin Mahmud: Tuan Yang Dipertua, sekurang-kurangnya dua langkah dijalankan oleh LPN dalam menghadapi perkara seperti ini. Yang pertama setiap kali menjelang musim-musim perayaan demi untuk mengelakkan pendapat umum bahawa beras tidak mencukupi, pihak Kerajaan khususnya LPN mengumumkan bahawa bekalan beras pulut adalah mencukupi.

Yang keduanya, adalah menjadi tanggungjawab LPN yang mempunyai Cawangan Penguatkuasa yang meneliti perkara seperti ini.

Walau bagaimanapun, oleh sebab kawasan taburan peruncitan beras itu adalah begitu luas kerana di mana sahaja terdapat pengguna maka di situlah terdapat peruncit-peruncit beras.

Saya yakin kita tidak berjaya untuk mengesan semua tempat. Di dalam hal ini kita mengharapkan sekiranya terdapat mana-mana pihak yang dapat mengesan perkara ini diharapkan dapat menyampaikan kepada pihak-pihak yang berkenaan dan insya Allah, pengesanan mengejut sekalipun dapat kita buat.

PEKERJA-PEKERJA DI PUSAT PENYELIDIKAN/ KAJIAN—PAMPASAN

2. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan sama ada beliau sedar bahawa mereka yang bertugas di pusat-pusat penyelidikan/kajian seperti IMR, MARDI dan lain-lain adalah terdedah kepada bahan-bahan kimia yang beracun dan merbahaya yang boleh mencacatkan anggota, penglihatan, pendengaran dan juga boleh membawa maut; jika ya, sama ada sebarang pampasan akan diberi kepada mereka kiranya mereka mendapat sebarang kecederaan semasa menjalankan penyelidikan/kajian.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze): Tuan Yang Dipertua, saya adalah sedar bahawa kakitangan di beberapa makmal dari sebilangan institut penyelidikan mungkin dari masa ke masa terdedah kepada bahan-bahan kimia toksik atau merbahaya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Skim Pencen bagi kakitangan sektor awam telah sedia ada peruntukan yang membolehkan kaedah Pencen Hilang Upaya diberi kepada seseorang kakitangan yang

disarankan dari perkhidmatan kerana mendapat penyakit akibat daripada pendedahan kepada unsur-unsur yang membahayakan kesihatan semasa menjalankan urusan rasminya. Sekiranya kakitangan itu mati dalam perkhidmatan atau mati dalam tempoh 7 tahun dari tarikh mendapat sesuatu penyakit yang berpunca daripada pendedahan tersebut, maka tanggungan bagi kakitangan yang mati itu akan layak diberi Pencen Tanggungan.

Setakat ini, belum ada berbangkit sebarang tuntutan untuk Pencen Hilang Upaya ataupun Pencen Tanggungan daripada kakitangan sektor awam yang telah mengalami bencana atau kecacatan akibat daripada pendedahan kepada alam pekerjaannya.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang Dipertua, daripada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri tadi menyatakan bahawa pampasan pencen dan segala-galanya itu adalah merupakan bayaran biasa yang dibuat oleh Kerajaan kepada semua kakitangan bukan sahaja kakitangan penyelidikan yang dinyatakan di sini. Jadi, oleh kerana dalam kajian/penyelidikan yang melibatkan kimia ini akan mudah mendatangkan bahawa dan juga akan melibatkan kecacatan selain daripada pencen yang biasa diberi itu tidakkah pihak Kementerian bercadang untuk mengambil insurans atau bayaran pampasan yang istimewa kepada mereka ini sekiranya mereka ini mendapat kecacatan daripada tugas-tugas yang merbahaya ini.

Kedua, adakah setakat ini atau berapakah bilangan orang di dalam penyelidikan dan kajian di IMR, MARDI dan lain-lain yang telah mendapat kecederaan atau kecacatan anggota sebagaimana yang dinyatakan di sini.

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Tuan Yang Dipertua, memandangkan rekod keselamatan di dalam pusat penyelidikan ada baik, perkara yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tidaklah perlu.

Soalan yang kedua tadi saya sudah jelaskan setakat ini belum ada apa-apa tuntutan berbangkit dari mereka.

Tuan Sim Kwang Yang: Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Dalam jawapan daripada Yang Berhormat Menteri tadi beliau menyatakan bahawa sehingga masa sekarang tidak ada apa-apa tuntutan daripada kakitangan dalam sektor awam mengenai penyakit-penyakit yang dikenakan dalam tugas mereka. Tetapi bidang nuklear itu adalah suatu bidang saintifik yang tebal dan kesan radioaktif tidak begitu jelas. Apa yang kita dapat pastikan adalah bahawa kesan radioaktif nuklear berkuasa hanya selepas masa yang panjang.

Saya ada tiga soalan. Soalan yang pertama, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu apa langkah Kementerian beliau mengambil untuk memastikan pekerja-pekerja bukan sahaja di sektor awam tetapi di Kilang ASEAN Rare Earth Sdn Bhd di Ipoh dan penduduk-penduduk di sekelilingnya selamat daripada sebarang penyakit akibat daripada pendedahan kepada bahan-bahan dan sisa-sisa nuklear.

Yang kedua, adakah Yang Berhormat Menteri bercadang untuk merundingkan dengan Atomic Energy Commission atau Pertubuhan Tenaga Nuklear Antarabangsa untuk menjemput mereka memeriksa langkah-langkah Kerajaan di dalam sektor awam dan sektor swasta mengenai langkah-langkah untuk memastikan keselamatan kakitangan yang bekerja dalam bidang nuklear.

Yang ketiga, adakah benar satu syarikat Jepun memiliki ekuiti dalam Asia Red-Earth Sdn Bhd dan jika

benar adakah Kerajaan bercadang untuk memerlukan syarikat Jepun itu mengambil dan mengirim sisa-sisa nukelar kepada negeri Jepun sendiri.

Datuk Amar Stephen Yong Kuet Tze: Tuan Yang Dipertua, sungguhpun soalan itu ada jauh dari soalan asal tetapi soalan No. 1 iaitu soalan keselamatan pekerja-pekerja kilang dari sektor swasta adalah diselenggarakan di bawah Akta Kilang dan Jentera di mana pihak majikan dikehendaki menyediakan kemudahan-kemudahan dan langkah-langkah yang tertentu untuk melindungi keselamatan pekerja.

Mengenai soalan No. 2 dan No. 3 saya minta maaf, sebab soalan ini memang lain dari soalan asal.

AHLI-AHLI PARLIMEN— PERKHIDMATAN SEPENUH MASA

3. Tuan Seow Hun Khim minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan merangka dan melaksanakan satu sistem di mana Ahli-ahli Parlimen, akan berkhidmat sepenuh masa dan tidak dibenarkan melibatkan diri dalam sebarang aktiviti perniagaan/perdagangan agar polisi Barisan Nasional yang bercorak "BERSIH, CEKAP DAN AMANAH" akan dapat terpelihara.

Menteri Pelajaran (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menjawab bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Kerajaan tidak bercadang untuk merangka dan melaksanakan sistem di mana Ahli-ahli Parlimen berkhidmat sepenuh masa dan melarang mereka dari melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti perniagaan dan perdagangan. Saya percaya dengan sistem demokrasi yang diamal dan pengawasan yang dilaksanakan pada masa ini, polisi Kerajaan dengan konsep "BERSIH, CEKAP DAN AMANAH" akan tetap

terpelihara. Mereka yang menyeleweng dan terbukti kesnya akan dihadapkan ke muka pengadilan. Oleh itu, sistem yang diamalkan pada masa ini akan terus berjalan sebagaimana yang ada sekarang.

Tuan Gooi Hock Seng: Soalan tambahan. Untuk mempertingkatkan perkhidmatan Ahli-ahli Parlimen, adakah Kerajaan bersedia memperuntukkan setiap kawasan Parlimen dengan satu pejabat perkhidmatan serta kemudahan administrative termasuk kerani dan lain-lain; dan adakah Kerajaan sedia untuk mengikut cogankata "BERSIH, CEKAP DAN AMANAH" untuk dikehendaki semua Ahli-ahli Parlimen memberitahu aset mereka.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang Dipertua, sebenarnya soalan itu tidak timbul kerana Ahli-ahli Parlimen yang ada, terutamanya dari Barisan Nasional adalah semua cekap dan memang membuktikan kecekapan mereka dalam perjalanan mereka dan usaha-usaha mereka mendampingi rakyat dan sebab itulah beberapa kali mereka dapat kemenangan dalam pilihanraya.

Berhubung dengan soalan yang kedua kita tidak ada cadangan seumpama itu.

HICOM/PERUSAHAAN SEPADU SDN BHD— PERJANJIAN

4. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah minta Perdana Menteri menyatakan sama ada benar Perbadanan Industri Berat Malaysia (HICOM) akan menandatangani perjanjian dengan Perusahaan Sepadu Sdn Bhd bagi menubuhkan sebuah syarikat pemasaran kereta Malaysia yang akan dikenali sebagai Edaran Otomobil Nasional Sdn Bhd, jika benar:

(a) apakah keutamaan atau kriteria yang dibuat oleh HICOM untuk memilih Perusahaan Sepadu

Sdn Bhd, sebagai rakan kongsi-niaganya dengan Syarikat tersebut dan siapakah tuan punya syarikat itu;

- (b) berapa peratus kadar ekuiti yang dimiliki oleh HICOM dalam syarikat usahasama itu; dan
- (c) adakah HICOM akan melepaskan kepentingan dalam Edaran Otomobil Nasional Sdn Bhd, pada masa yang sesuai sesudah syarikat itu dapat berjalan dengan licin dan teratur.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang Dipertua, saya mohon izin untuk menjawab bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, Perbadanan Perusahaan Berat Malaysia Berhad (HICOM) telah pun menandatangani perjanjian usaha sama dengan Perusahaan Sepadu Sdn Bhd pada 1hb Jun, 1984 bagi menubuhkan syarikat pemasaran kereta Malaysia iaitu Edaran Otomobil Nasional Sendirian Berhad.

Perusahaan Sepadu Sdn Bhd telah dipilih sebagai rakan usaha sama di dalam syarikat berkenaan berdasarkan kepada pengalaman dan kepakarannya yang luas dalam bidang pengedaran, pemasaran dan perkhidmatan selepas jualan kereta. Syarikat tersebut adalah sebuah anak syarikat United Motor Works iaitu sebuah syarikat terkemuka dalam industri motor di negara ini.

Dari segi ekuiti dalam syarikat berkenaan, HICOM memegang 65% sementara Perusahaan Sepadu Sdn Bhd 35%. Buat permulaan ini adalah difikirkan sangat penting HICOM memegang sebahagian besar daripada saham syarikat berkenaan untuk menentukan kejayaan projek kereta nasional ini dan segala dasar-dasar Kerajaan dipatuhi. Adalah menjadi harapan HICOM untuk menawarkan ekuiti di dalam syarikat ini kepada

syarikat-syarikat lain untuk orang ramai pada masa yang sesuai nanti.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang Dipertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan memberi penjelasan yang lebih lanjut tentang apakah strategi pemasaran dan pengedaran yang berkesan yang dapat diambil oleh Edaran Otomobil Nasional Sdn Bhd bagi tujuan untuk menjayakan projek kereta nasional Malaysia ini memandangkan bahawa syarikat Jepun iaitu Mitsubishi Motor Corporation nampaknya tidak begitu terlibat langsung di dalam masalah pemasaran dan pengedaran kereta nasional kita.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang Dipertua, strategi pemasaran dan pengedaran adalah rahsia perniagaan dan tidak sepatutnya diumumkan. Dan berhubung dengan soal yang kedua tentang kata Ahli Yang Berhormat bahawa syarikat Jepun yang berkenaan tidak terlibat, ini pun tidak menjadi masalah kerana syarikat yang saya sebutkan tadi E.O.N. itu adalah sebuah syarikat yang mempunyai kepakaran dalam hal pemasaran, pengedaran dan juga perkhidmatan selepas jualan.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan bolehlah beliau memberi penjelasan iaitu oleh sebab satu pihak dalam syarikat Perusahaan Sepadu Sdn Bhd ialah United Motor Works sebuah syarikat yang pada masa sekarang telah menjalankan perusahaan mengedar satu jenis kereta dari Jepun iaitu Toyota. Adakah perlantikan mereka di dalam E.O.N. ini merupakan satu keadaan yang menjadikan dengan izin, conflict of interest.

Yang kedua, oleh sebab United Motor Works ini ada mempunyai branches di dalam Semenanjung Malaysia untuk menjalankan

pengedaran kereta jenis Toyota itu, adakah pihak E.O.N. bercadang melantik segala branches untuk memasarkan motokar Malaysia.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang Dipertua, sebagaimana yang saya jelaskan tadi bahawasanya HICOM memilih untuk bekerjasama dengan pihak UMW dalam Syarikat yang saya sebutkan tadi Syarikat E.O.N. itu semua faktor-faktor telah diambil perhitungan dan dengan itu saya tidak fikir akan berlakunya conflict of interest kerana banyak juga syarikat-syarikat motor yang memasarkan bukan satu jenis kereta, tetapi berbagai-bagai jenis kereta dan tidak ada sebarang kesusahan yang akan timbul daripadanya, jadi soalan yang kedua itu pada pendapat saya tidak timbul.

PENCEN KEPADA PESARA-PESARA

5. Tuan Mohammad Idris bin Mohammad Basri minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan Kerajaan telah menaikkan pencen bagi pesara-pesara berpencen rendah ke tahap \$180 sebulan mengikut Akta 238 (Akta Penyelarasan Pencen 1980), mengapakah hanya setengah kategori pesara sahaja yang mendapat kenaikan ini dan bukan semua yang berpencen rendah. Apakah tindakan Kerajaan mengenai perkara ini, memandangkan kos sara hidup yang tinggi sekarang.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang Dipertua, sekali lagi saya bangun untuk menjawab bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang Dipertua, peruntukan bayaran pencen minima sebanyak \$180 sebulan di dalam Akta Penyelarasan Pencen 1980 itu ialah bagi pesara-pesara yang telah berkhidmat tidak kurang daripada 25 tahun. Mereka yang berkhidmat kurang daripada 25 tahun dibayar pencen mengikut satu

formula tertentu berdasarkan kepada lama tempoh perkhidmatan mereka dan tidak ditetapkan paras minima pencen yang boleh dibayar. Oleh yang demikian, bukan semua pesara Kerajaan mendapat bayaran pencen minima \$180 sebulan itu.

Kerajaan tidak bercadang hendak membuat apa-apa perubahan ke atas kadar bayaran pencen pada masa ini.

DOKTOR PAKAR DI HOSPITAL DAERAH TELOK INTAN

6. Tuan Yahya bin Haji Zakaria minta Menteri Kesihatan menerangkan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah kekurangan doktor pakar dan peralatan-peralatan di Hospital-hospital Daerah terutama Hospital Daerah, Hilir Perak, Teluk Intan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Yeoh Poh San): Tuan Yang Dipertua, saya suka memberitahu Yang Berhormat bahawa hanya Hospital-hospital Daerah yang besar sahaja disediakan dengan perkhidmatan pakar selain dari Hospital-hospital Besar.

Di negeri Perak, Tuan Yang Dipertua, selain dari Hospital Besar Ipoh, perkhidmatan kepakaran ada terdapat di Hospital Daerah Taiping dan juga di Hospital Daerah Teluk Intan.

Tuan Yang Dipertua, di Hospital Daerah Teluk Intan terdapat 5 jawatan pakar pada 1-7-1984, 4 dari jawatan itu telah diisi.

Memanglah usaha Kementerian untuk melengkapkan semua hospital dengan alat kelengkapan yang mencukupi dan perlu bagi menyediakan rawatan perubatan

ke tahap sebagaimana yang dibincangkan.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Mengenai kekurangan doktor pakar bukan sahaja di Hospital-hospital Daerah pada amnya, jadi adakah Setiausaha Parlimen yang berkenaan sedar bahawa negara kita masih menghadapi masalah kekurangan doktor pakar. Adakah beliau juga sedar bahawa terdapat banyak pakar perubatan Malaysia yang muda yang baru sahaja tamat pengajian mereka di luar negeri dan sangat berminat untuk berkhidmat dengan Kerajaan harus tertunggutunggu buat satu jangka masa yang panjang sebelum mereka ditawarkan tempat kerja di dalam perkhidmatan kesihatan Kerajaan, dan ada pula mereka yang tidak menerima jawapan sama sekali mengenai permohonan mereka. Sekiranya ada, apakah sebabnya proses memproses permohonan mereka ini mengambil masa yang begitu panjang dan apakah langkah untuk mengatasi masalah ini?

Tuan Yeoh Poh San: Tuan Yang Dipertua, ingin saya menjawab soalan yang kedua dahulu berkenaan dengan orang muda warganegara daripada luar negeri yang ada minat berkhidmat dalam Kementerian saya. Ingin saya memberitahu Yang Berhormat bahawa dasar Kementerian saya ialah di mana terdapat warganegara yang berminat berkhidmat dalam Kementerian Kesihatan kita beri keutamaan dalam proses permohonannya dan jika Yang Berhormat tahu di mana ada warganegara yang berminat berkhidmat dalam Kementerian Kesihatan dan juga di kawasan luar bandar, saya minta kerjasama Yang Berhormat berhubung dengan saya.

Berkenaan dengan pakar-pakar yang bukan warganegara, kementerian saya juga menjalankan proses permohonan-permohonan mereka dengan segera.

Berkenaan dengan kekurangan pakar-pakar di negara ini, Kementerian saya sedar dan insentif-insentif telah diberi oleh Kerajaan untuk menggalakkan pakar-pakar perubatan supaya terus berkhidmat di Hospital-hospital Kerajaan. Sebagai contoh seperti menambahkan pengujudan jawatan-jawatan Tingkatan Tertinggi dalam bidang-bidang kepakaran dan lain-lain.

ALAT DOBI DI HOSPITAL DAERAH BALING

7. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron minta Menteri Kesihatan menyatakan mengapa alat-alat perkakas dobi yang tidak dapat digunakan sejak beberapa tahun dibeli dan disimpan di Hospital Daerah Baling.

Tuan Yeoh Poh San: Tuan Yang Dipertua, saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa alat-alat dobi yang dihantar ke Hospital Daerah Baling pada bulan Februari, 1984 tidak dapat digunakan memandangkan keadaan kurang tekanan air di situ. Walau bagaimanapun tindakan telah diambil dengan pihak Jabatan Kerjaraya untuk membekalkan tambahan satu tangki air dengan booster pump, dengan izin, di tingkat bahawa supaya air dapat disedut atau dipam ke tangki air di bumbung (overhead tank) yang sedia ada.

Tuan Yang Dipertua, mesyin alat-alat dobi akan digunakan sebaik sahaja tangki air baru itu dibina.

PENGANGKUTAN AWAM DI HARI PERAYAAN

8. Tuan Ng Cheng Kual minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (i) sama ada beliau sedar bahawa pada musim-musim hari cuti, pengangkutan awam tidak mampu memenuhi tekanan hebat untuk pengangkutan kembali ke kampung; dan

- (ii) sama ada beliau akan mencari ikhtiar-ikhtiar untuk mengatasi masalah ini yang wujud dari semasa ke semasa.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang Dipertua, saya memang sedar bahawa pengangkutan awam harian memang tidak mampu memenuhi tekanan hebat untuk pengangkutan balik ke kampung semasa musim-musim hari cuti atau hari perayaan.

Kedua, walau bagaimanapun sebenarnya ikhtiar sentiasa dicari untuk mengatasi masalah berkenaan supaya keadaan tersebut dapat diperbaiki dari masa ke semasa.

KUTIPAN TOL DI LEBUHRAYA

9. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Kerjaraya menyatakan:

- (a) mengapa kutipan tol dikenakan ke atas lebuhraya menuju ke bandar-bandar utama seperti Bentong dan mengapa lebuhraya-lebuhraya yang menuju ke negara-negara jiran seperti Thailand dan Singapura tidak dikenakan tol; dan
- (b) apakah peraturan-peraturan yang dibuat berkaitan dengan kenderaan-kenderaan yang melintasi rumah-rumah tol ulang-alik tiap-tiap hari sebagai satu cara untuk memudahkan pemandu-pemandu.

Menteri Kerja Raya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan adalah sentiasa membuat kajian tentang lebuhraya-lebuhraya yang mana patut dikenakan tol iaitu sama ada lebuhraya-lebuhraya itu menghubungkan di antara satu bandar dengan bandar yang lain di dalam negara ini ataupun yang menghubungkan di antara negara ini dengan negara-negara jiran.

Saya suka memaklumkan bahawa setelah kajian dibuat Kerajaan sekarang telah memutuskan bahawa semua kenderaan-kenderaan yang melalui jambatan Tambak Johor dari Singapura ke Sememanjung Malaysia dan semua kenderaan-kenderaan yang datang dari Thailand ke negara ini melalui jalan Bukit Kayu Hitam akan dikenakan tol. Berikutan daripada keputusan-keputusan ini, Kementerian saya sekarang ini sedang mengambil tindakan-tindakan untuk melaksanakan keputusan-keputusan tersebut.

Bagi mereka yang berulang-alik tiap-tiap hari melalui rumah-rumah tol. Lembaga Lebuhraya Malaysia ada menyediakan Pre Paid Voucher yang mengandungi 50 tiket dengan potongan harga sebanyak 20% dari kadar tol biasa. Voucher ini boleh dibeli di rumah-rumah tol berkenaan atau di ibu pejabat Lembaga Lebuhraya Malaysia dengan cara menggunakan voucher ini beban kewangan bagi mereka yang berkenaan adalah diringankan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri Kerjaraya selama tol diadakan, berapakah banyak kutipan yang dapat dipungut oleh pihak Kementerian ini ataupun khasnya pihak Kerajaan dan apakah kutipan ini dapat menampung bagi menjaga (maintenance) lebuhraya-lebuhraya yang dikutip tol itu berada dalam keadaan yang baik dan sesuai dengan bayaran yang dibayar oleh pihak tuannya kenderaan yang melalui Lebuhraya tersebut.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang Dipertua, butir-butir berkenaan dengan tol yang kita dapat setakat ini saya minta notis daripada Ahli Yang Berhormat.

Berkenaan dengan tol-tol yang kita akan kenakan kepada kenderaan-kenderaan menggunakan jalan di

seluruh tanahair ini, kita mesti menggunakan wang itu bukan sahaja untuk menyelenggara atau memperbaiki jalan tetapi untuk membina jalan-jalan baru yang mana kita boleh juga memberi infrastruktur yang baik kepada rakyat jelata.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Dengan kegilaan kutipan tol pada masa ini adakah Menteri yang berkenaan menimbang sama ada kita terpaksa adakan jalan alternatif sebelum adakan satu tol di satu jalan, termasuk Tambak Johor? Adakah Menteri berkenaan bercadang untuk mengadakan satu tambak yang baru sebelum kutipan tol ini diadakan? Begitu juga dengan persimpangan bertingkat di Jalan Kepong dan Jalan Kuching.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang Dipertua, saya minta ulang balik daripada Ahli Yang Berhormat tadi apa beliau kata mengutip tol jadi gila, yakah? (*Ketawa*)

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang Dipertua, kegilaan untuk mengutip tol! (*Ketawa*)

Dato' S. Samy Vellu: Mengikut undang-undang dan rancangan-rancangan, siapa yang tidak gila boleh nampak apakah kemajuan telah dicapai dalam tanahair ini (*Tepuk*). Untuk memberi kemudahan-kemudahan asas kepada rakyat jelata, kita mesti guna otak kita dengan baik (*Ketawa*), barulah kita boleh dapat tahu tindakan-tindakan Kerajaan jadi tindakan gila atau tidak.

Kepada Ahli Yang Berhormat dari Kepong saya harap sebabnya Ahli Yang Berhormat tiap-tiap hari menggunakan Bulatan Jalan Kuching Jalan Kepong, maka Ahli Yang Berhormat pun sudah pusing kepala sedikit (*Ketawa*). Walau bagaimanapun, saya akan ambil tindakan untuk membuat satu jejambat baru di tempat tersebut

dengan harga yang saya harap lebih kurang \$60 juta, di tempat itu pun saya akan mengutip tol (*Ketawa*).

TELEFON—KADAR SEWAAN

10. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan:

- (a) kadar sewaan telefon sebulan bagi rumah kediaman, pejabat-pejabat dan tempat-tempat perniagaan;
- (b) apakah garis panduan bagi menentukan jumlah sewaan tiap-tiap bulan dan berapakah panggilan tempatan yang dikecualikan daripada sewaan bulanan; dan
- (c) Kadar sewaan telefon luar negeri bagi panggilan ke Amerika Syarikat, Kanada, United Kingdom, Australia, New Zealand, Belgium, Mesir dan Arab Saudi.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Au How Cheong): Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kadar sewaan bulanan telefon talian terus di Semenanjung Malaysia dalam lingkungan jarak 4 km dari ibusawat adalah seperti berikut:

Muatan Talian Ibusawat	Kadar Perniagaan dan Pejabat	Kadar Kediaman
Melebihi 10,000	\$35.00	\$20.00
501-10,000	\$30.00	\$17.00
500 dan ke bawah	\$20.00	\$10.00

Bagi setiap tambahan jarak di luar lingkungan 4 k.m., sewa tambahan sebanyak \$2 sebulan akan dikenakan bagi setiap 0.5 km tambahan atau sebahagian daripada 0.5 km.

(b) Garis panduan bagi menentukan jumlah sewaan setiap bulan adalah seperti yang telah diterangkan tadi. Namun begitu, jumlah bayaran

pengguna telefon setiap bulan ditentukan oleh jumlah unit yang digunakan.

Bayaran bagi setiap unit penggunaan ialah 10 sen. Di bawah adalah jadual had masa percakapan bagi setiap unit penggunaan:

<i>Jarak Jauh (KM)</i>	<i>7.00 pagi— 6.00 petang</i>	<i>6.00 petang— 7.00 pagi</i>
Tidak melebihi 50	60 saat	90 saat
Melebihi 50 tetapi tidak melebihi 150	20 saat	40 saat
Melebihi 150 tetapi tidak melebihi 550	7½ saat	15 saat
Melebihi 550	4 saat	8 saat

Bagi panggilan tempatan, tiap-tiap panggilan dikira sebagai satu unit, tidak mengira masa percakapan. Setiap nombor telefon akan mendapat 100 unit penggunaan percuma setiap bulan. 100 unit ini mungkin termasuk panggilan tempatan dan panggilan jauh, hanya tidak dapat dibezakan kerana cara perkiraan dibuat adalah sebagai berikut:

Sekiranya bacaan meter telefon bulanan pelanggan di ibusawat adalah 400 unit, maka jumlah unit pemakaian yang dikira cuma sebanyak 300 unit sahaja, iaitu \$30 setelah ditolak 100 unit.

(c) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat kadar bayaran panggilan telefon ke luar negeri adalah berbeza mengikut cara panggilan tersebut dibuat, iaitu sama ada melalui telefonis ataupun panggilan secara Antara Terus Dail. Kadar bayaran panggilan melalui telefonis adalah berdasarkan kepada jumlah minima panggilan selama 3 minit dan setiap tambahan satu minit atau sebahagian daripadanya. Manakala bagi panggilan yang dibuat secara dail sendiri, bayaran yang dikenakan bergantung kepada jumlah unit penggunaan sewaktu membuat panggilan.

Di sini, Tuan Yang Dipertua, suka saya memberi perbezaan bayaran di antara panggilan menerusi telefonis dengan cara dail terus sendiri.

Bagi negara-negara seperti Amerika, Saudi Arabia, United Kingdom dan Kanada, melalui telefonis bayaran minimanya untuk 3 minit ialah \$40.50.

Bagi pelanggan-pelanggan mempunyai kemudahan ATD bayarannya ialah 90 sen bagi 6 saat ataupun \$9 bagi satu minit.

Bagi negara Australia dan New Zealand bayaran melalui telefonis bagi 3 minit minima ialah \$34 dan bagi mereka yang mempunyai kemudahan terus dail ialah 75 sen bagi setiap 6 saat ataupun bersamaan dengan \$7.50 satu minit.

Bagi negara Belgium bayaran melalui telefonis ialah \$36 bagi 3 minit minima dan 90 sen bagi 6 saat bagi mereka yang mempunyai kemudahan terus dail. Bagi negara Mesir bayarannya ialah \$48 minima bagi 3 minit dan buat sementara waktu ini pelanggan tidak dapat membuat dail secara terus kepada negara Mesir.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed: Tuan Yang Dipertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos oleh kerana perkhidmatan telefon ini merupakan keperluan kepada setiap rakyat dan juga banyak pemohon-pemohon yang tidak dapat menikmati pekhidmatan telefon ini, apakah perancangan Kementerian ini untuk memberikan kepada semua kehendak-kehendak rakyat ini memiliki penggunaan telefon ini bagi keperluan sendiri kerana perkhidmatan telefon ini adalah menguntungkan dan kalau tidak bayar sudah tentu akan dipotong dengan serta-merta. Jadi tidak ada yang tidak membayarnya.

Yang kedua, kalau sekiranya Kerajaan tidak mampu untuk memberi keperluan kepada semua kehendak atau keperluan rakyat, apakah pihak Kerajaan bercadang untuk menswastakan perkhidmatan telefon ini kepada swasta yang mungkin akan memberi perkhidmatan yang lebih baik dan juga memenuhi keperluan walaupun bayaran lebih tinggi kerana ini adalah merupakan keperluan yang amat diperlukan di zaman moden ini.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang Dipertua, permintaan tambahan untuk mendapat perkhidmatan telefon ini pun telah mencerminkan kejayaan dasar Kerajaan bahawa di mana Kerajaan dapat membantu rakyat kita menaikkan taraf hidup mereka.

Kerajaan sedar bahawa alat telefon ini telah menjadi satu alat keperluan dan sentiasa merancang supaya memberi perkhidmatan seluas-luasnya sejauh mana yang boleh.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, baru-baru ini sahaja Kerajaan pun telah menyediakan suatu peruntukan yang lebih daripada \$2 billion untuk menyediakan kemudahan ini dan kawasan-kawasan yang tertentu akan diberi perkhidmatan. Memang ini bermaksud kawasan-kawasan yang terpencil akan diberi kemudahan yang sedikit lewat. Ini tidak dapat dielakkan.

Mengenai sama ada perkhidmatan yang telah diberi setakat ini adalah baik ataupun tidak, Kerajaan pun telah memutuskan bahawa perkhidmatan telefon ini akan diserahkan kepada pihak swasta dan sebuah syarikat yang dimiliki 100% oleh Kerajaan sendiri akan mengurus dan akan menjalankan perkhidmatan telefon dan sekiranya tidak ada apa-apa masalah tertentu syarikat ini akan mengambil alih pada tahun hadapan juga.

LESEN MEMBELI/MENYIMPAN GETAH

11. Tuan Othman bin Abdul minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan:

- (a) apakah syarat-syarat yang dikenakan oleh Kementerian bagi seseorang pemohon untuk mendapatkan lesen membeli dan menyimpan getah dari Lembaga Pelesenan;
- (b) adakah Kerajaan sedar bahawa terlalu sukar seseorang pemohon untuk mendapatkan lesen membeli dan menyimpan getah dari Lembaga Pelesenan. Jika sedar apakah langkah-langkah bagi memudahkan permohonan orang ramai untuk memohon lesen berkenaan; dan
- (c) apakah Kerajaan masih memandang penting bagi mengawal pembelian getah secara runcit di negara ini kerana ianya menimbulkan kesulitan kepada penduduk-penduduk di luar bandar bagi menjual getah mereka kerana ketiadaan pembeli berlesen.

Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang Dipertua, menjawab soalan (a) sukacita saya memaklumkan bahawa sebelum lesen membeli dan menyimpan getah dapat dikeluarkan oleh Lembaga Pasaran dan Pelesenan Getah Malaysia permohonan tersebut hendaklah terlebih dahulu dikemukakan untuk pertimbangan Pihak Berkuasa Pelesenan Kawasan yang mana ahlinya terdiri dari wakil-wakil dari pihak tertentu seperti pengeluar sama ada estet ataupun pekebun kecil, peniaga, MARDEC, RISDA, FELDA dan wakil Kerajaan-kerajaan Negeri. Pihak Berkuasa ini sebelum meluluskan lesen-lesen yang berkenaan hendaklah terlebih dahulu berpuas hati dengan permohonan yang dikemukakan dan

mengikuti syarat-syarat yang dikenakan oleh pihak berkuasa pelesenan.

Antara syarat-syarat itu ialah:

- (i) premis ataupun tempat untuk kegunaan perniagaan tersebut hendaklah diluluskan oleh Pegawai Daerah/Kerajaan Tempatan, Bomba dan Pejabat Kesihatan, dan
- (ii) modal pemohon hendaklah tidak kurang dari \$5,000 bagi Bumiputera dan \$10,000 bagi bukan Bumiputera.

Selain dari itu, Tuan Yang Dipertua, dalam mempertimbangkan permohonan ini Pihak Berkuasa Pelesenan Kawasan mempunyai garis-garis panduan tertentu yang antaranya ialah:

- (i) Luas kawasan tanaman getah di kawasan yang berkenaan,
- (ii) Jumlah lesen yang aktif yang sedia ada di kawasan yang berkenaan.
- (iii) Kedudukan agensi-agensi Kerajaan di kawasan berkenaan seperti MARDEC, FELDA, RISDA dan FELCRA.
- (iv) Keutamaan diberikan kepada syarikat-syarikat Pekebun-pekebun Kecil.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pihak-pihak Berkuasa Kawasan masing-masing boleh mengadakan garis-garis panduan yang tersendiri bagi menyesuaikan dengan kawasan-kawasan masing-masing.

Syarat-syarat dan garis-garis panduan ini adalah perlu untuk menentukan supaya perniagaan getah di negara ini dapat dikawal bagi menjamin perkembangan sihat industri itu dan bagi mengelakkan amalan-amalan dan penyelewengan-penyelewengan yang tidak diingini. Dalam merangka garis panduan ini

ianya bertujuan supaya apabila lesen-lesen tersebut dikeluarkan ianya hendaklah menentukan supaya peniaga-peniaga mendapat kuantiti getah yang sewajarnya untuk menentukan perniagaan yang berdaya maju dan mengelakkan pertandingan ataupun persaingan yang tidak sihat.

Untuk menjawab soalan (b), Tuan Yang Dipertua, ianya sudah tentu mengambil sedikit masa untuk memproses setiap permohonan bagi mendapatkan lesen membeli dan menyimpan getah. Ini adalah kerana tugas Lembaga Pasaran dan Pelesenan Getah (sebagaimana yang saya telah nyatakan tadi) adalah untuk mengawal dan menentukan supaya aktiviti pemasaran dan pembelian getah di negara ini berjalan dengan licin, dan dengan itu sebelum lesen-lesen tersebut dikeluarkan ianya hendaklah mematuhi beberapa peraturan dan syarat-syarat untuk mengelakkan amalan-amalan yang tidak sihat wujud di dalam perniagaan getah. Syarat-syarat ini juga penting dan perlu bagi menentukan supaya mereka yang betul-betul berupaya, berminat dan mempunyai kebolehan memasuki perniagaan ini oleh kerana adalah tidak mungkin bagi Kerajaan untuk mengeluarkan lesen bagi setiap pemohon.

Tuan Yang Dipertua, walau bagaimanapun, sukacita saya memaklumkan bahawa pihak Lembaga Pasaran dan Pelesenan Getah Malaysia (MRELB) dari semasa ke semasa mengkaji dan memperbaiki cara-cara untuk memudahkan pemohon-pemohon mendapatkan lesen terutamanya bagi mempercepatkan proses permohonan tanpa menjejaskan hasrat Kerajaan untuk menentukan perkembangan yang sihat dan lebih sistematik.

Mengenai soalan (c) memandangkan kawalan pelesenan adalah penting untuk menentukan perniagaan getah berjalan dengan licin dan sihat untuk

kepentingan peniaga-peniaga dan juga pengeluar-pengeluar terutamanya pekebun-pekebun kecil, didapati pengawalan pembelian getah secara runcit melalui pelesenan adalah perlu diteruskan dan malah diperketatkan bagi mengurangkan penyelewengan dan penindasan terhadap pengeluar-pengeluar terutamanya pekebun-pekebun kecil

LEBUHRAYA RANAU/ SANDAKAN—PEMBINAAN

12. Tuan Fung Ket Wing minta Menteri Kerjaraya menyatakan bilakah pembinaan lebuhraya di antara Ranau dan Sandakan akan bermula dan sama ada beliau sedar semasa musim hujan baru-baru ini beratus-ratus buah kenderaan terperangkap berminggu di bahagian jalan raya tersebut, jika ya, nyatakan sebab-sebab terdapat kelewatan dalam pembinaan lebuhraya tersebut dan sama ada kelewatan ini disebabkan oleh ketidak cekapan Kementeriannya.

Dato' S. Samy Velu: Tuan Yang Dipertua, kajian terperinci lebuhraya Ranau/Sandakan telah pun disiapkan dan urusan berkeelayakan kontraktor juga telah pun disempurnakan. Kerja-kerja pembinaan lebuhraya tersebut telah dijadualkan bermula dalam tahun 1983 yang lalu tetapi disebabkan oleh ketiadaan peruntukan pembinaan lebuhraya tersebut telah ditangguhkan.

Mengenai masalah banyak kenderaan tidak dapat menggunakan jalan raya tersebut semasa musim hujan baru-baru ini, sukalah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian saya telah berusaha sedaya upaya bagi memperbaiki keadaan jalan tersebut supaya dapat digunakan oleh kenderaan. Walau bagaimanapun, oleh kerana musim hujan yang berpanjangan maka tidaklah banyak yang boleh dilakukan oleh pegawai dan

kakitangan Kementerian saya bagi memperbaiki keadaan jalan tersebut ketika itu.

WAD KELAS TIGA— BAYARAN DEPOSIT \$30

13. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada benar bahawa Jabatan Kesihatan telah mencadangkan kepada Kerajaan supaya mengenakan satu bayaran sebanyak \$30.00 sebagai deposit kepada pesakit-pesakit sebelum mereka dimasukkan ke dalam wad kelas tiga di mana-mana hospital di seluruh negara, jika ya, mengapa.

Tuan Yeoh Poh San: Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa sekarang berikutan daripada pelaksanaan Perintah Fee Perubatan 1982 yang telah berkuatkuasa bayaran seperti berikut telah dikenakan kepada pesakit-pesakit yang dimasukkan ke dalam Wad Kelas 3 di hospital-hospital di Semenanjung Malaysia sahaja. \$30 untuk rawatan pembedahan, \$20 untuk rawatan perubatan dan \$15 untuk rawatan bersalin.

Walaupun bagaimanapun bagi pesakit-pesakit yang tidak mampu, mereka boleh memohon pengecualian penuh atau sebahagian daripada bayaran tersebut melalui pihak berkuasa hospital.

PEKAN KUKUP, JOHOR DI- JADIKAN PELABUHAN KECIL

14. Tuan Mokhtaram bin Rabidin minta Menteri Pengangkutan menyatakan adakah Kerajaan bercadang, pekan Kukup, Pontian, Johor yang mempunyai pejabat Imigresennya sejak 1hb November, 1983, supaya dijadikan pelabuhan kecil, terutama pelabuhan tukar barang dengan kepulauan Indonesia yang berdekatan.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang Dipertua, adalah dimaklumkan bahawa Kementerian Pengangkutan pada masa ini belum ada rancangan untuk menjadikan pengkalan di pekan Kukup, Pontian, Johor sebagai pelabuhan kecil.

Pada masa ini sebuah pelabuhan bertaraf antarabangsa telah didirikan di Pasir Gudang yang dikenali sebagai Pelabuhan Johor. Beberapa projek pembesaran pelabuhan ini sedang dijalankan bagi memperluaskan aktiviti-aktiviti pengendalian kargo khususnya bagi negeri Johor dan bagi sebahagian selatan Semenanjung Malaysia.

Projek-projek pembesaran ini menggunakan perbelanjaan yang banyak dan dengan itu pihak Kerajaan perlulah mengkaji cadangan tentang Pengkalan Kukup ini, secara teliti dengan mengambilkira rancangan pembangunan pelabuhan-pelabuhan yang sedia ada.

PEGAWAI/KAKITANGAN PUSAT ISLAM

15. Tuan Ahmed Hambal bin Yeop Majlis minta Perdana Menteri menyatakan di dalam pemilihan pegawai dan kakitangan untuk berkhidmat di Pusat Islam, apakah penilaian yang diberikan dengan mengenalpasti akan semangat dan perjuangan mereka itu bersesuaian dengan dasar Islam yang diamalkan di dalam negara kita Malaysia.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Tuan Yang Dipertua, saya pohon izin untuk menjawab bagi pihak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Pengisian-pengisian jawatan-jawatan di Bahagian Pentadbiran Agama Islam di Jabatan Perdana Menteri adalah dibuat berdasarkan di atas beberapa faktor seperti kekananan, seperti latar belakang

akademik, kesesuaian pengalaman dan juga sifat-sifat peribadi pegawai-pegawai yang dipilih untuk mengisi jawatan-jawatan itu.

Tuan Yang Dipertua: Yang Berhormat Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong.

(Soalan No. 16 Y. B. Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong tidak hadir)

BARANG KEPERLUAN DI LUAR BANDAR SARAWAK— HARGA

17. Tuan Justine Jinggut minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan bahawa adakah beliau sedar bahawa harga barang keperluan di luar bandar di Sarawak adalah terlalu tinggi. Misalnya harga 1 gallon minyak di daerah Kapit adalah \$6.80 tetapi harga 1 gallon minyak di daerah Belaga adalah \$10.00 dan kadang-kadang melambung tinggi hingga \$20.00. Begitu juga harga barang-barang keperluan yang lain. Apakah tindakan-tindakan Kementerian tersebut terhadap perkara ini.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Oo Gin Sun): Tuan Yang Dipertua, saya sedar bahawa harga minyak dan barang-barang keperluan lain di kawasan-kawasan luar bandar di negeri Sarawak khususnya di daerah Belaga adalah tinggi jika dibandingkan dengan di kawasan-kawasan lain di negara ini. Ini adalah disebabkan oleh kerana keadaan alam semulajadi di kawasan berkenaan yang terletak jauh di pedalaman dan perhubungan terpaksa dilakukan melalui jalan air yang amat sukar.

Di masa-masa tertentu seperti musim landas, perhubungan ini akan terputus langsung. Dari siasatan yang dijalankan oleh pegawai-pegawai saya, kos pengangkutan untuk membawa 4.5 liter atau 1 gellen minyak petrol dari

Sibu ke Kapit adalah antara \$1.00 hingga \$2.00 dan ke Belaga pula ialah antara \$4.00 hingga \$6.00 bergantung kepada masa dan keadaan.

Oleh yang demikian, minyak ini terpaksa dijual oleh peniaga-peniaga dengan harga yang tinggi untuk menampung kos pengangkutan yang berkenaan. Adalah dipercayai bahawa minyak ini dijual dengan harga \$20.00 segelen semasa musim landas di mana perhubungan terputus dan bekalan tidak dapat dihantar dan pegawai-pegawai saya juga tidak dapat pergi ke sana menjalankan siasatan.

Dipandang dari sudut lain pula, peniaga-peniaga ini telah memberikan perkhidmatan baik, kerana tanpa penglibatan mereka, penduduk-penduduk di kawasan ini mungkin tidak akan mendapat bekalan langsung.

Dalam keadaan seperti sekarang ini, kita terpaksa mengakui hakikat bahawa selagi keadaan dan kemudahan pengangkutan tidak diperbaiki dan dimajukan, selagi itulah harga minyak dan barang-barang keperluan lain akan tetap tinggi. Sungguhpun demikian, Kementerian saya sentiasa mengawasi kedudukan bekalan dan harga barang-barang perlu supaya kepentingan pengguna-pengguna dipelihara sewajarnya.

Tuan Yang Dipertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 16 dan 18 hingga 52 adalah diberi di bawah ini)

KEMAS—MENUBUHKAN KHUTUBKHANAH DESA

16. Tuan Hassan Alban Haji Sandukong minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan bilangan

Khutubkhanah yang telah ditubuhkan oleh KEMAS di kawasan luar bandar di Sabah.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Sanusi bin Junid): Khutubkhanah Desa (KKD) merupakan salah satu program pembangunan masyarakat yang dijalankan oleh KEMAS. Ianya dijalankan sebagai satu aktiviti bagi mengisi kekosongan perkhidmatan perpustakaan yang terdapat di kawasan-kawasan luar bandar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan, di Negeri Sabah pada waktu ini KEMAS sudahpun menubuhkan lima (5) Khutub Khanah Desa, iaitu di tempat-tempat seperti berikut:

1. Balai Raya Bubul, Sempurna (dalam Kawasan Parlimen Silam).
2. Balai Raya Kampung Melinsau, Sugut (dalam Kawasan Parlimen Lubok Sugut).
3. Pusat Kegiatan KEMAS, Beaufort (dalam Kawasan Parlimen Hilir Pedas).
4. Pusat Kegiatan KEMAS, Kampung Jawi-Jawi (dalam Kawasan Parlimen Kota Belud).
5. Pejabat KEMAS Kudat (dalam Kawasan Parlimen Marudu).

CEK DALAM BAHASA CINA

18. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Kewangan menyatakan sebab-sebab mengapa jabatan-jabatan Kerajaan yang selama ini mengutip/menerima wang daripada orang ramai di arah supaya jangan lagi menerima cek-cek yang ditulis dalam Bahasa Cina; bilakah peraturan baru ini dikenakan oleh Kerajaan yang telah menimbulkan kesulitan kepada orang ramai.

Menteri Kewangan (Tuan Daim Zainuddin): Saya memohon menjawab

soalan ini bersama dengan satu soalan lain daripada Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar pada 23 Julai 1984. Setakat ini tidak ada arahan yang dikeluarkan oleh Kerajaan bagi menghentikan penerimaan cek-cek yang ditulis di dalam Bahasa Cina. Malahan cek-cek tersebut boleh ditulis di dalam apa bahasa sekalipun asalkan tulisan itu dapat difahami oleh kedua-dua pembayar dan penerima cek berkenaan dan pihak bank pembayar bersedia menjelaskan cek-cek itu. Dalam pada itu memandangkan bukan semua Kaunter pungutan hasil Kerajaan mempunyai pegawai yang faham dalam bahasa selain daripada Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris maka kebanyakan Jabatan-jabatan Kerajaan meminta kerjasama orang awam supaya menulis cek-cek mereka di dalam Bahasa Malaysia. Ini adalah juga untuk menggalakkan penggunaan Bahasa Malaysia di dalam Negara kita sendiri.

PELAJAR MALAYSIA KE JEPUN

19. Tuan Mohd. Razlan bin Haji Abdul Hamid minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar, terdapat pelajar-pelajar kita yang dihantar menuntut ke Negara Jepun apabila tamat pengajian dan balik dihantar bertugas dibidang lain dari apa yang dipelajarinya di Negara Jepun. Jika sedar, apakah langkah-langkah yang akan beliau ambil bagi mengatasi perkara ini.

Menteri Pelajaran (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Saya mohon izin untuk menjawab bagi pihak Y.A.B. Perdana Menteri. Kerajaan baru sahaja menghantar sekumapulan pelajar-pelajar kita ke negeri Jepun mulai tahun 1983 untuk mengikuti kursus-kursus di peringkat Ijazah dan Diploma. Oleh hal yang demikian, dakwaan yang berkenaan tidaklah terbangkit.

PELAN INDUK PERIKANAN

20. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai satu Pelan Induk Perikanan (Master Fisheries Plan) yang lengkap dan kemaskini, di mana pihak awam, swasta dan pelabur asing atau pelabur antarabangsa dapat mengambil bahagian. Jika ya, nyatakan butir-butir yang terkandung dalam pelan tersebut. Jika tidak, mengapa.

Menteri Pertanian (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim): Kementerian Pertanian telah menyiapkan satu pelan pembangunan perikanan bagi seluruh Malaysia berasas Dasar Pertanian Negara. Pelan tersebut menghuraikan strategi dan program-program pembangunan perikanan sehingga tahun 2000. Peranan swasta telah diberi perhatian dalam pelan ini, khasnya dalam program-program komersial seperti dalam pemasaran ikan, ternakair dan penangkapan ikan. Kerajaan akan menumpukan perhatian kepada program-program sokongan teknikal dan sosial. Di antara program-program utama yang terkandung dalam pelan ini ialah program pemulihan perikanan pantai, program penerokaan perikanan laut dalam di kawasan Zon Ekonomi Eksklusif yang begitu luas di Laut China Selatan dan pembangunan ternakair yang mempunyai potensi yang amat baik di Malaysia. Di antara program-program sokongan teknikal dan sosial yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan, penyelidikan perikanan telah diberi perhatian yang utama. Penyelidikan termasuk kajian sumber-sumber perikanan laut dan kajian aspek-aspek ternakair seperti di bidang pembiak-biak ikan, makanan ikan dan penyakit ikan.

Dalam menyiapkan pelan pembangunan perikanan sehingga tahun 2000 ini, Kementerian Pertanian telah dipandu oleh matlamat Dasar

Pertanian Negara yang menekankan memaksimumkan pendapatan dari perikanan melalui sumber-sumber negara dengan cekap dan mempergiatkan semula sumbangan sektor perikanan kepada pembangunan ekonomi negara keseluruhannya. Dasar Pertanian Negara juga menekankan bahawa pengeluaran ikan berdasarkan kepada aspek teknikal serta pulangan dari segi ekonomi.

JANDA BAIK BAGI WILAYAH PERSEKUTUAN

21. Dr Tan Seng Giaw minta Perdana Menteri menyatakan mengapa Kerajaan telah memilih Janda Baik sebagai tapak Wilayah Persekutuan yang ketiga dan menyatakan sama ada benar atau tidak bahawa kawasan ini merupakan tempat rehat ramai orang kebesaran dan tindakan ini akan menggandakan harga tanah di Janda Baik. Apakah perkara ini dibangkitkan di Kabinet, mesyuarat EXCO Negeri Pahang atau Dewan Undangan Negeri Pahang sebelum ia diumumkan; jika ya, bilakah ini berlaku dan jika tidak, mengapakah begitu.

Perdana Menteri: Kerajaan telah memilih kawasan sekitar Janda Baik sebagai tapak Wilayah Persekutuan yang ketiga oleh sebab kawasan ini merupakan tapak yang sesuai dimajukan sebagai sebuah bandar kembar kepada Kuala Lumpur yang mempunyai ruang yang terhad untuk pembangunan masa hadapan selepas tahun 2000. Kawasan berkenaan terletak kira-kira 25 kilometer daripada Kuala Lumpur dan jarak ini akan mengurangkan masa perjalanan dan menyenangkan perhubungan di antara bandar Kuala Lumpur dengan bandar kembar ini. Dengan yang demikian, ia juga akan dapat menarik dengan lebih mudah pelaburan ke kawasan baru ini. Pembangunan kawasan berkenaan sebagai bandar kembar kepada Kuala Lumpur akan

juga menjadi perancang kepada pembukaan dan pembangunan Wilayah tengah Semenanjung Malaysia yang masih mempunyai potensi untuk membangun. Rupa bumi kawasan di sekitar Janda Baik masih di dalam keadaan semula jadi dan kedudukannya setinggi melebihi 400 meter daripada paras laut memberikan kebebasan kepada pihak perancang mereka dan merancang sebuah bandar yang istimewa yang akan mempunyai iklim yang rendah dari segi suhu. Soal sama ada kawasan Janda Baik menjadi tempat rehat ramai orang kebesaran dan dengan terbangunnya bandaraya kembar akan menggandakan harga tanah tidak berbangkit dari segi pemilihan kawasan ini. Sepertimana yang telah dijelaskan pemilihan kawasan ini adalah berdasarkan faedah-faedah lokasi kawasan Janda Baik yang strategik sebagai bandar kembar Kuala Lumpur untuk menarik pelaburan di samping ianya mempunyai iklim yang istimewa.

Pemilihan kawasan ini dibuat dengan persetujuan Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya bertarikh 21hb Mac, 1984. Pihak Kerajaan Negeri telah mengetahui secara sulit mengenai cadangan penubuhan Wilayah Persekutuan baru ini sebelum Jemaah Menteri membuat keputusan tersebut.

CETAKROMPAK FILEM/ LAGU

22. Tuan Khadri bin Sabran minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) adakah terdapat undang-undang yang mengawal perilaku cetakrompak filem dan lagu melalui pita-pita video, kaset dan yang seumpamanya; dan
- (b) jika ada, setakat manakah keberkesanan pelaksanaan penguatkuasaan undang-undang tersebut. Jika tidak adakah Kerajaan menyedari

tentang adanya perbuatan mencetakrompak itu hingga menyebabkan pengusaha-pengusaha filem mengalami kerugian besar.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Undang-undang yang berkenaan dengan perlindungan hakcipta di Malaysia ialah Akta Hak Cipta 1969. Akta ini adalah mencukupi untuk menjaga dan melindungi karya-karya yang layak mendapat perlindungan hakcipta. Akta ini juga menjelaskan tatacara bagaimana pemunya-pemunya hakcipta boleh membuat pengaduan mengenai kegiatan-kegiatan cetakrompak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jenis-jenis karya yang mendapat perlindungan hakcipta termasuklah karya-karya sastera, musik, seni, filem, rakaman bunyi dan siaran.

Mengenai penguatkuasaan undang-undang yang berkenaan, pihak berkuasa, dalam hal ini Polis, hanya dapat bertindak setelah menerima pengakuan dan aduan dari pemunya-pemunya hakcipta. Pengakuan dan aduan dari pemunya-pemunya hakcipta adalah penting kerana hanya pemunya-pemunya karya sahaja yang mengetahui sama ada karya-karya yang dicetak itu telah dibuat dengan atau tanpa izinnnya. Mengikut laporan yang diberi oleh pihak Polis, mereka telah menerima sebanyak 23 aduan dalam tahun 1982 dan sebanyak 13 aduan dalam tahun 1983 mengenai kegiatan cetak rompak. Bagaimanapun, suka saya menjelaskan di sini bahawa aduan-aduan yang diterima adalah berkaitan dengan rakaman bunyi sahaja. Aduan-aduan ini melibatkan perampasan sebanyak 46,053 kaset dan 1,145 katrij.

Mengenai filem, belum ada kes cetakrompak yang diterima. Tetapi dengan adanya pindaan kepada Akta

Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia, Perbadanan berkenaan diberi kuasa untuk mengawal dan mengawasi industri perfileman termasuk industri video dan ini diharapkan dapat membantu mengurangkan kegiatan-kegiatan cetakrompak.

SETTINGGAN DI TANAH KERETAPI TANAH MELAYU

23. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Keretapi Tanah Melayu (KTM) bercadang mengambil langkah-langkah tertentu bagi menempatkan semula setinggan-setinggan yang sedang menduduki tanah KTM sebelum mereka diusir. Sekiranya ada, apakah langkah-langkah itu dan sekiranya tidak, mengapa.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Keretapi Tanah Melayu (KTM) telah pun mengeluarkan Pemberitahu Am kepada semua setinggan yang tinggal di atas tanah KTM di seluruh rangkaian KTM untuk mengingatkan mereka supaya berpindah sendiri sebelum tindakan menyingkir diambil oleh pihak KTM. Pada masa sekarang, pihak KTM hanya merobohkan rumah-rumah setinggan yang baru, yang belum diduduki dan yang sedang dibina. Berkenaan dengan yang lama, rundingan telah dan sedang dibuat dengan Kerajaan Negeri untuk menyelesaikan masalah ini.

PERJANJIAN INDONESIA— MALAYSIA MENGENAI TENAGA BURUH

24. Tuan Lim Liang Seng minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah Kerajaan satu perjanjian di antara Indonesia dan Malaysia telah ditandatangani baru-baru ini untuk membenarkan kemasukan tenaga buruh dari Indonesia ke Malaysia sedangkan kini Malaysia masih memperolehi jumlah Malaysia masih memperolehi jumlah bilangan pengangguran yang besar.

Menteri Dalam Negeri (Dato Musa Hitam): Jawapan kepada soalan yang hampir sama maksudnya telah diberi pada 16 Julai 1984 semasa saya menjawab soalan ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar. Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan kepada jawapan tersebut.

TOL DI TAMBAK JOHOR

25. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) apakah sebabnya dikenakan bayaran tol merintasi tambak Johor Bahru—Singapura setelah ianya percuma sejak ditubuhkan dan tambahan lagi tiada bayaran tol di pihak Singapura;
- (b) adakah tol yang dikutip akan digunakan untuk membina sebuah lagi tambak menyeberangi ke Singapura; dan
- (c) pihak mana yang membayar untuk penyelenggaraan dan jagaan jalan-jalan tambak.

Dato' S. Samy Vellu:

- (a) Sebagaimana juga tujuan untuk mengenakan tol ke atas lebuh raya-lebuh raya yang lain di negara ini, maka pengenaan tol di jambatan Tambak Johor adalah bertujuan untuk menambahkan lagi sumber kewangan Kerajaan di dalam tanggungjawabnya untuk mengemaskinikan lebuh raya-lebuh raya yang sedia ada di negara ini, membina lebuh raya-lebuh raya yang baru dan juga menyelenggara lebuh raya-lebuh raya yang telah sedia ada itu.
- (b) Oleh kerana tidak ada cadangan untuk membina sebuah lagi jambatan tambak yang baru di

antara Johor dengan Singapura, maka soal menggunakan kutipan tol yang diperolehi ini untuk pembinaan sebuah lagi jambatan tambak itu tidaklah berbangkit.

- (c) Oleh kerana jambatan Tambak Johor tersebut adalah sebuah Jalan Persekutuan, maka penyelenggaraannya ialah di bawah Kerajaan Persekutuan.

KENAIKAN HARGA BARANG-BARANG

26. Tuan Abdul Raman bin Sullman minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) Adakah beliau sedar bahawa barang-barang dinaikkan harga dengan tidak menasabah kecuali barang-barang kawalan sahaja. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi mengelakkan kenaikan harga barang-barang oleh pengeluar-pengeluar atau ejen-ejen mereka sesuka hati sahaja; dan
- (b) Adakah beliau sedar begitu banyak jenis barang-barang di dalam pasaran yang sudah lapuk atau lebih dari tempoh bolehguna tetapi masih juga dijual. Apakah tindakan atau langkah-langkah yang wajar telah dan akan diambil oleh Kementerian bagi menghapuskan perkara ini terus dilakukan oleh penjual-penjual.

Tuan Oo Gin Sun: Tidak semua barang-barang dikawal harganya. Oleh itu bagi barang-barang seperti ini Kerajaan tidak dapat mengambil apa-apa tindakan sekiranya harga-harganya dinaikkan. Cuma, sekiranya barang-barang itu merupakan barang-barang perlu, Kerajaan bolehlah mengambil tindakan menggesa

pembuat atau pekedai-pekedainya supaya menjualnya dengan harga yang lebih berpatutan.

Bagi barang-barang yang sudah lapuk atau lebih dari tempoh bolehguna tetapi masih juga dijual, salah satu tindakan yang boleh diambil ialah di bawah Akta Makanan 1983. Akta ini di bawah bidangkuasa Kementerian Kesihatan.

AGENSI KERAJAAN DISWASTAKAN

27. Tuan Yew Foo Weng minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) Jumlah nilai Perkhidmatan awam yang dahulunya dikendalikan oleh Jabatan dan Agensi-agensi Kerajaan, telah diswastakan kepada sektor swasta sejak Konsep Pengswastaan disaran dan diterima sebagai amalan negara.
- (b) Bolehkah beliau menjelaskan cara-cara dan langkah-langkah diambil oleh Kerajaan untuk menentukan sesuatu syarikat ataupun pihak-pihak yang berminat adalah layak dan mempunyai kemahiran yang sesuai untuk menjalankan projek yang diserahkan kepada mereka. Di antara syarikat yang berjaya mendapat kontrak Pengswastaan disaran dan diterima sebagai amalan negara. Menteri memberi angka-angka komposisi syarikat berkenaan mengikut saham-saham yang dipunyai oleh kaum bumiputera dan bukan bumiputera.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Saya mohon izin untuk menjawab bagi pihak Y.A.B. Perdana Menteri. Berhubung dengan soalan (a), terlebih dahulu saya ingin menegaskan bahawa langkah-langkah yang telah dan sedang diambil oleh

pihak Kerajaan dalam pelaksanaan dasar pengswastan ini terus menunjukkan kemajuan yang menggagalkan. Ketika ini, agensi-agensi sedang giat mengenalpasti dan mengkaji kemungkinan mengswastakan perkhidmatan-perkhidmatan yang berkaitan

Di samping itu, Kerajaan juga telah membuat keputusan untuk mengswastakan beberapa perkhidmatan tertentu sebagai tindakan positif ke arah matlamat pengswastan ini. Ini termasuk perkhidmatan-perkhidmatan seperti rancangan Televisyen Ketiga, Telekom, Membaiki-pulih Kapal Terbang TUDM (DEBKAT), pengurusan jalan Lintas Selat Kelang Utara dan beberapa perkhidmatan bandar seperti pengurusan tempat letak kereta.

Beberapa perkhidmatan lain khasnya termasuk perkhidmatan terminal kontena di Pelabuhan Kelang, perkhidmatan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS), beberapa komponen perkhidmatan pengangkutan jalan serta perkhidmatan keretapi juga sedang dipertimbangkan oleh Kerajaan untuk diswastakan.

Oleh kerana maklumat-maklumat yang terperinci mengenai semua perkhidmatan-perkhidmatan yang saya sebutkan tadi masih lagi sedang dikumpul dan dianalisa, saya tidak dapat menyatakan jumlah nilai yang terlibat dalam pengswastan perkhidmatan-perkhidmatan tersebut. Maklumat ini akan diumumkan sebaik-baik sahaja perkiraan-perkiraan yang berkenaan dapat disiapkan.

Mengenai soalan (b), langkah yang diambil setakat ini pada umumnya terbahagi kepada dua bentuk. Pertamanya, Kerajaan sendiri mengenalpasti, menganalisa dan memilih syarikat-syarikat yang mempunyai kemampuan dan

kemahiran yang perlu bagi menguruskan perkhidmatan yang diswastakan itu.

Kedua, syarikat-syarikat yang berminat mengemukakan sendiri cadangan-cadangan mereka kepada Kerajaan untuk pertimbangan. Di samping itu, menerusi proses tawaran terbuka, Kerajaan juga berpeluang mengkaji keupayaan dan kemahiran syarikat-syarikat yang berminat.

Berhubung dengan soal pemegang saham dalam syarikat-syarikat yang telah mendapat tawaran pengswastaan setakat ini, seperti yang diketahui kedua-dua syarikat, iaitu Sistem Televisyen Malaysia Berhad (STMB) dan Shapadu Holding Sdn Bhd yang masing-masing mengendalikan perkhidmatan televisyen dan jalan raya adalah dimiliki sebahagian besarnya oleh Bumiputera. Sementara itu, perkhidmatan membaikpulih Kapal Terbang TUDM akan diuruskan oleh sebuah syarikat usahasama antara tiga pihak iaitu, Kerajaan sendiri, MAS dan UMW, dengan masing-masing memegang kepentingan sebanyak satu pertiga. Perkhidmatan telekom pula akan dikendalikan pada peringkat awalnya oleh sebuah syarikat kerajaan.

Maklumat-maklumat mengenai hakmilik juga sedang dikemaskinikan oleh agensi-agensi berkenaan dan akan diumumkan dari semasa ke semasa.

HOSPITAL DI SARAWAK— KEKURANGAN DOKTOR/ JURURAWAT

28. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar hospital-hospital di Sarawak masih mengalami kekurangan doktor-doktor dan jururawat-jururawat secara serius; dan nyatakan jumlah kekurangan doktor-doktor dan jururawat-jururawat; langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengisi kekurangan tersebut di hospital masing-masing di negeri Sarawak.

Dato Chin Hon Ngian: Saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa kekurangan doktor-doktor dan Jururawat-jururawat yang terdapat di Sarawak adalah juga dialami oleh semua negeri di dalam Malaysia. Walau bagaimanapun, keadaan ini tidaklah begitu serius. Kementerian saya sedang berusaha sedaya upaya untuk menyediakan perkhidmatan yang mencukupi dan seimbang di Hospital-hospital di seluruh negara. Dalam perkara ini, Sarawak sebagai negeri yang kurang maju, adalah diberi keutamaan yang lebih dari segi penempatan doktor dan kakitangan para-medik yang lain. Kedudukan doktor-doktor dan jururawat-jururawat di hospital-hospital di Sarawak adalah seperti berikut:

Nama Jawatan	Perjawatan	Pengisian	Kekosongan	Peratusan Kekosongan
Pakar	28	25	3	10.7%
Pegawai Perubatan	99	69	30	30.3%
Jururawat (Ketua Jururawat, Jururawat, Penolong Jururawat)	1066	1021	45	4.4%

Saya suka juga memberitahu Yang Berhormat bahawa langkah-langkah sedang diambil oleh Kementerian ini untuk mengisi kekosongan-kekosongan jawatan di hospital-hospital di Sarawak seperti berikut:

1. Lebih ramai doktor akan ditempatkan di Sarawak apabila keadaan mengizinkan.
2. Doktor-doktor yang diambil dari luar negeri juga akan ditempatkan di Sarawak.

Saya suka meyakinkan Yang Berhormat bahawa Kementerian saya memberi keutamaan ke atas negeri-negeri yang kurang maju termasuklah Sarawak dalam menempatkan doktor-doktor dan jururawat-jururawat. Sarawak akan menerima pembahagian yang saksama apabila ada doktor-doktor dan jururawat-jururawat untuk ditempatkan.

MINYAK DI PERAIRAN KEDAH

29. Tuan Ismail bin Arshad minta Perdana Menteri menyatakan apakah hasil kajian sumber minyak dipersisiran pantai barat Semenanjung khasnya di perairan Negeri Kedah berdekatan Pulau Langkawi yang dilaksanakan baru-baru ini, dan apakah usaha-usaha seterusnya berikutan hasil kajian tersebut.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Saya mohon izin untuk menjawab bagi pihak Y. A. B. Perdana Menteri.

Kajian-kajian ke atas data seismik berjumlah 2376 km yang diperolehi di Selat Melaka di antara bulan Ogos dan September, 1983, menunjukkan wujudnya struktur-struktur yang dianggap sesuai untuk menyekat hidrokarbon di bahagian barat laut Selat Melaka di luar pantai Kedah. Memandangkan hanya dengan cara penggerudian sahaja yang dapat memastikan wujudnya hidrokarbon

dalam struktur-struktur ini. PETRONAS sedang membuat persediaan untuk menawarkan kawasan tersebut untuk diterokai, mungkin dalam suku penggal pertama 1985.

TULISAN JAWI BAGI PELAJAR BUKAN MELAYU

30. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada diwajibkan bagi pelajar-pelajar bukan Melayu mempelajari tulisan Jawi di dalam semua sekolah rendah, jika diwajibkan, sama ada ianya berlawanan dengan Fasal 152 Perlembagaan Malaysia.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Soalan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar ini telah pun dijawab dalam Dewan Yang Mulia ini pada 16hb Julai, 1984 bersama dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Mertajam. Dengan yang demikian saya tidaklah berhajat untuk menjawabnya.

NATIONAL UNIVERSITY OF SINGAPORE—IJAZAH DIKTIRAF

31. Dr Chen Man Hin minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada National University of Singapore merupakan sebuah universiti yang diiktiraf (scheduled University) dan sama ada semua atau beberapa daripada ijazahnya sahaja diiktiraf memandangkan terdapat aduan daripada graduan-graduan NUS bahawa mereka diberitahu oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam bahawa ijazah-ijazah mereka tidaklah sah bagi membolehkan mereka bekerja dalam perkhidmatan awam.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, hanya beberapa ijazah sahaja yang diiktiraf dari

National University of Singapore, diantaranya:

1. Bachelor of Pharmacy
2. Ijazah-ijazah dalam bidang Kejuruteraan Awam, Mekanikal dan Letrik.
3. Licentiate in Dental Surgery dan Bachelor of Dental Surgery.
4. Licentiate in Medicine and Surgery dan Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery (MBBS).
5. Bachelor of Science (Building).
6. Bachelor of Science (Estate Management).
7. Bachelor of Law.

KEBOCORAN PEPERIKSAAN SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA

32. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) adakah Kerajaan bercadang menerbitkan dengan sepenuhnya laporan khas yang disediakan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia mengenai pembocoran soalan-soalan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) tahun lalu, jika tidak, mengapa;
- (b) apakah langkah-langkah Kerajaan akan mengambil dalam masa akan datang untuk memastikan pembocoran seumpama itu tidak akan berlaku supaya melindungi kredibility Majlis tersebut dan juga kebajikan pelajar-pelajar pada keseluruhannya; dan
- (c) apakah tindakan-tindakan dari segi undang-undang atau lain-lain langkah punitif yang akan diambil oleh Kerajaan terhadap pihak-pihak yang bersalah yang bertanggungjawab terhadap pembocoran tersebut.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat termaklum bahawa Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) telah menubuhkan satu Jawatankuasa Khas untuk mengkaji kes kebocoran ini. Laporan penuh Jawatankuasa ini telah pun diumumkan sedikit masa lalu.

Di samping itu, Jawatankuasa ini juga telah memperakukan langkah-langkah untuk mencegah kebocoran daripada berulang lagi. Di antara perakuan-perakuan itu ialah mengetatkan lagi kawalan keselamatan di Urusetia Majlis Peperiksaan Malaysia, menyusun semula Urusetia Majlis dengan mengwujudkan Unit Keselamatan, Unit Penyelidikan dan Pembinaan, Unit Perhubungan Awam, memansuhkan sistem penal penilaian kertas soalan sebelum peperiksaan, menubuhkan bank soalan (items bank) dan memberi kuasa otonomi yang lebih kepada Majlis Peperiksaan Malaysia. Dengan langkah-langkah tersebut adalah dipercayai sistem keselamatan peperiksaan di Majlis Peperiksaan Malaysia akan dapat diperkukuhkan. Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat termaklum bahawa mengikut Akta Majlis Peperiksaan Malaysia seksyen 28, mereka yang disabitkan kesalahan membocorkan kertas-kertas peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia boleh dikenakan denda tidak lebih daripada \$10,000 atau penjara selama tempoh tidak lebih dari dua tahun atau keduanya sekali.

(Soalan No. 33 dijawab pada 16-7-84)

KOPERASI YANG DITUBUHKAN

34. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar, bahawa dalam jangka masa sepuluh tahun kebelakangan ini, banyak

koperasi-koperasi telah ditubuhkan oleh orang ramai dan pertubuhan-pertubuhan, demi kepentingan ahli-ahli mereka, dengan tujuan utama bagi memperbangunkan projek-projek perumahan:

- (b) setiap koperasi ini didapati telah mengutip berjuta-juta ringgit dari ahli-ahli mereka, dengan menyatakan bahawa mereka akan membangunkan projek-projek perumahan, tetapi malangnya koperasi-koperasi ini tidak berjaya dalam tujuan mereka, sebagai salah satu contoh iaitu Koperasi Pekerja Jaya;
- (c) sama ada pihak menterinya akan bersetuju dengan saya, bahawa kegagalan pihak koperasi-koperasi ini termasuk Koperasi Pekerja Jaya, adalah disebabkan campurtangan politik, maka keadaan ini menyebabkan pemimpin-pemimpin politik yang terlibat dalam koperasi-koperasi ini, sedang mempergunakan sumber kewangan koperasi tersebut untuk kegunaan aktiviti politik mereka; dan
- (d) jika pihak menterinya bersetuju dengan ini dan mengetahui keadaan seperti ini, inginkah pihak Kementerian membentuk suatu jawatankuasa yang terkhass dan yang terkecuali bagi menganalisis kira-kira koperasi-koperasi yang terlibat dalam golongan ini termasuk Koperasi Pekerja Jaya.

Dato' Sanusi bin Junid:

- (a) Sebagai Menteri yang bertanggungjawab atas pergerakan koperasi saya sedar banyak koperasi ditubuhkan dengan maksud melaksanakan projek perumahan akan tetapi di antara 445 buah koperasi yang

ditubuhkan dalam masa 10 tahun kebelakangan ini hanya 67 buah sahaja yang menjalankan aktiviti perumahan.

- (b) Setiap koperasi yang menjalankan projek perumahan memang ada mengutip wang, akan tetapi dikutip daripada mereka yang berkehendakkan rumah dan hanya sebanyak yang lazim dibayar sebagai pendahuluan. Koperasi-koperasi yang memunggut wang memang mempunyai dan berupaya melaksanakan projek, dengan yang demikian berjaya menyiapkan projek masing-masing. Saya akui ada koperasi yang lewat menyiapkan projek ataupun mengambil masa yang panjang untuk melaksanakan projek mereka walaupun telah mengutip wang daripada ahli-ahli bakal pembeli. Bagaimanapun perkara-perkara yang membawa kepada kelewatan adalah diluar kawalan koperasi-koperasi berkenaan. Akan tetapi tidak ada koperasi yang gagal sama sekali untuk melaksanakan projek yang dirancangan.
- (c) Sebagaimana saya ketahui tidak ada koperasi yang gagal oleh itu saya tidak nampak bagaimana saya boleh bersetuju campurtangan politik telah menyebabkan kegagalan koperasi. Saya tahu banyak tokoh-tokoh politik telah mengambil bahagian dalam memimpin koperasi masing-masing ke arah kejayaan. Koperasi adalah dikawal oleh undang-undang dan saya tidak nampak kemungkinan tokoh-tokoh politik boleh menggunakan sumber kewangan koperasi untuk kegunaan aktiviti politik mereka.

- (d) Pihak Kementerian saya berpuashati dengan kecapaian koperasi-koperasi kini termasuklah Koperasi Pekerja Jaya. Oleh itu saya tidak bercadang menubuh sebarang jawatankuasa khas bagi membuat sebarang kajian. Sekiranya didapati perlu menganalisa kira-kira koperasi-koperasi yang menjalankan aktiviti perumahan, Jabatan Pembangunan Koperasi di bawah Kementerian saya mempunyai keupayaan untuk menjalankan tugas ini.

PEMBORONG BUMIPUTERA DALAM PROJEK PEMBANGUNAN

35. Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed minta Perdana Menteri menyatakan apakah perkembangan kepada rancangan Kerajaan untuk memasukkan syarat-syarat di dalam dokumen tawaran kontrak "Turnkey" bagi perkara-perkara berikut:

- (a) penglibatan pemborong bumiputera di dalam projek-projek pembangunan yang besar-besar;
- (b) mewajibkan pihak-pihak pemborong melatih tenaga mahir tempatan sebagai langkah pemindahan teknologi;
- (c) keutamaan penggunaan bahan-bahan tempatan;
- (d) keutamaan kepada perdagangan tak ketara tempatan seperti penggunaan perkhidmatan insuran tempatan.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Saya mohon izin untuk menjawab bagi pihak Y.A.B. Perdana Menteri.

Tuan Yang Dipertua,

Usaha Kerajaan bagi menjamin penyertaan menyeluruh sektor

tempatan dengan mengenakan syarat-syarat tertentu dalam tawaran kontrak seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat telah pun dilaksanakan bukan sahaja kepada kontrak "turnkey" tetapi juga kepada projek-projek besar yang dilaksanakan secara konvensional.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai langkah untuk mengurangkan pengaliran keluar wang negara, di samping penggunaan sistem pengangkutan Negara seperti MISC, MAS dan lain-lain, Kerajaan juga mengenakan syarat "Counter Trade" secara "barter" (tukang barang) atau "counter purchase" ke atas kontraktor yang ditawarkan projek di negara ini. Sehingga ini, sambutan mengenai "countertrade" adalah menggalakkan.

FREE PORT BAGI PULAU PINANG

36. Tuan Karpal Singh minta Menteri Kewangan menyatakan adakah apa-apa cadangan beliau untuk mengenalkan semula taraf "free port" bagi pelabuhan Pulau Pinang.

Tuan Daim Zainuddin: Pada masa ini Kerajaan tidak mempunyai apa-apa cadangan untuk mengembalikan semula taraf pelabuhan bebas bagi Pelabuhan Pulau Pinang.

Sebagaimana Yang Berhormat maklum, taraf pelabuhan bebas bagi Pulau Pinang telah ditamatkan melalui tindakan Kerajaan untuk menyelaraskan (harmonies) cukai kastam di seluruh Malaysia dalam tahun 1977 dahulu. Melalui tindakan ini, semua wilayah-wilayah Kastam yang berasasingan pada masa itu, iaitu Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak adalah disatukan untuk menjadi satu Wilayah Kastam sahaja yang dipanggil Kawasan Utama Kastam. Langkah ini mengakibatkan cukai kastam yang sama dikenakan dalam ketiga-tiga wilayah itu, dan juga pergerakan barang-barang di antara

satu wilayah dengan yang lain tidak lagi tertakluk kepada pengenalan cukai. Untuk mencapai penyelarasan secara keseluruhan, maka cukai kastam yang berkuatkuasa dalam Kawasan Kastam itu perlulah dikuatkuasakan di Pulau Pinang juga. Sekiranya Pulau Pinang masih dikekalkan sebagai sebuah pelabuhan bebas, maka kedudukannya akan masih janggal di mana Pulau Pinang masih terpaksa dianggap sebagai wilayah yang asing dari segi pentadbiran Kastam.

Kerajaan juga memang sedar bahawa penarikan taraf pelabuhan bebas itu akan sedikit sebanyak menjejaskan perniagaan di Pulau Pinang, terutamanya industri pelancongannya. Memandangkan perkara ini Kerajaan telah membenarkan pengujudan kedai-kedai bebas cukai di Pulau Pinang, supaya pelancong-pelancong akan masih tertarik terhadap pulau tersebut.

PERJANJIAN PEKERJA INDONESIA KE MALAYSIA

37. Dato' Michael Chen Wing Sum minta Menteri Dalam Negeri menyatakan kandungan Perjanjian yang dibuat dengan Kerajaan Indonesia mengenai penghijrahan pekerja-pekerja Indonesia ke Malaysia dan untuk menyatakan sama ada adakah polisi am untuk mengimpot pekerja-pekerja ke Malaysia dari beberapa negara di sekeliling apabila terdapat kekurangan pekerja atau adakah persetujuan khas dengan negara Indonesia sahaja.

Dato Musa Hitam: Jawapan kepada soalan yang hampir sama maksudnya telah pun diberi pada 16 Julai 1984 semasa saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan kepada jawapan tersebut.

PEMEGANG KAD PENGENALAN MERAH

38. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada Kerajaan akan menyelesaikan masalah yang wujud kian lama ini yang dihadapi oleh lebih 300,000 pemegang kad pengenalan merah untuk menjadi warganegara sebelum Perjanjian Malaysia-Indonesia untuk membekalkan pekerja-pekerja Indonesia ke Malaysia dilaksanakan.

Dato Musa Hitam: Jawapan kepada soalan yang hampir sama maksudnya telah pun diberi pada 16 Julai 1984 semasa saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

Saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan kepada jawapan tersebut.

PAKAR PERUBATAN KERAJAAN

39. Tuan Haji Seroji bin Haji Haron minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) berapakah jumlah Pakar Perubatan yang sedang berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan mengikut Negeri dan berapa jumlah dari mereka yang dipinjam dari luar Negeri; dan
- (b) apakah usaha Kementerian Kesihatan bagi mencegah dari menarik diri dan meletak jawatan oleh Pakar-pakar Perubatan atau Pegawai-pegawai Perubatan dengan sewenang-wenangnya.

Dato Chin Hon Ngian:

- (a) Saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa bilangan Pakar-pakar Perubatan yang berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan adalah seramai 315 orang di mana 49

daripadanya adalah terdiri dari bukan warganegara. Semua Pakar-pakar Perubatan yang bukan warganegara, dilantik secara kontrak. Tiada terdapat Pakar-pakar Perubatan dari luar negeri yang dipinjamkan kepada Kementerian Kesihatan. Jumlah Pakar Perubatan yang sedang berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan mengikut Negeri adalah seperti berikut:

<i>Negeri</i>	<i>Jumlah</i>
1. Perlis	3
2. Kedah	18
3. Pulau Pinang ..	22
4. Perak	31
5. Selangor	13
6. Negeri Sembilan	15
7. Melaka	13
8. Johor	33
9. Kelantan	14
10. Terengganu ..	10
11. Pahang	17
12. Sabah	16
13. Sarawak	25
14. Hospital Besar, K. Lumpur	75
15. Yayasan/Institusi Khas	10
JUMLAH BESAR ..	315

(b) Insentif-insentif yang diberi oleh Kerajaan untuk menggalakkan pakar-pakar perubatan supaya terus berkhidmat di hospital-hospital kerajaan adalah seperti berikut:

I. *Pakar-pakar Perubatan*

(i) Menambahkan peng-
wujudan jawatan-jawatan
Tingkatan Tertinggi dalam
bidang kepakaran;

- (ii) Mengwujudkan jawatan-jawatan kenaikan pangkat dalam berbagai-bagai bidang kepakaran; misalnya perubatan, Bedah Umum, Perbidanan & Sakitpuan, dan Bius telah dinaikkan ke Tingkatan Tertinggi "B" di Hospital Besar, Kuala Lumpur;
- (iii) Sebanyak 13 jawatan pakar setakat ini telah dinaikkan ke Tingkatan Tertinggi atas taraf Khas untuk Penyandang;
- (iv) Elaun Pakar juga telah dinaikkan pada tahun 1983. Kadar kenaikan Elaun Pakar ialah \$600-hingga \$1,600 bergantung kepada Tingkatan;
- (v) Beberapa pegawai-pegawai pakar telah diberi peluang untuk mengikuti kursus jangka pendek bagi menambahkan pengetahuan mereka dalam bidang kepakaran masing-masing.

II. *Pegawai-pegawai Perubatan*

- (i) Doktor-doktor yang telah berkhidmat selama lima (5) tahun dan telah disahkan dalam jawatan akan dinaikkan secara otomatis ke Tingkatan Kanan;
- (ii) Kerajaan menyediakan peluang-peluang melanjutkan dengan mengadakan biasiswa untuk mereka yang berminat dalam bidang-bidang kepakaran dan juga peluang cuti tanpa gaji bagi mereka yang tidak memperoleh biasiswa;
- (iii) Tambahan-tambahan kemudahan diadakan bagi latihan Ijazah lanjutan

doktor-doktor di hospital-hospital Kerajaan di Malaysia;

- (iv) Beberapa peperiksaan Ijazah lanjutan oleh Royal College of United Kingdom dan Australia diadakan di Malaysia di bawah kelolaan Universiti Malaya dan Universiti Kebangsaan Malaysia.

PENDATANG HARAM INDONESIA

40. Tuan Ng Cheng Kuai minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada semua pendatang-pendatang haram Indonesia yang berjumlah 120,000 akan didaftar semula untuk mematuhi perjanjian buruh yang tercapai baru-baru ini;
- (b) sama ada majikan-majikan yang mengupah mereka terdahulu daripada perjanjian ini akan dikenakan tindakan mahkamah;
- (c) sama ada pekerja-pekerja tersebut dibenarkan berkahwin dengan gadis-gadis tempatan; jika ya, apakah taraf pemastautinan anaknya;
- (d) apakah syarat-syarat untuk meluluskan kewarganegaraan kepada pendatang-pendatang haram Indonesia; dan
- (e) bilangan kewarganegaraan yang telah diluluskan kepada pendatang-pendatang haram Indonesia bagi tempoh 1977 hingga 1983 dengan pecahan angka mengikut kaum.

Dato Musa Hitam: Jawapan kepada soalan yang hampir sama maksudnya telah pun saya berikan pada 16 Julai 1984 semasa saya menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar.

Saya tidak bercadang membuat apa-apa tambahan kepada jawapan tersebut.

PUSAT PENYEMBELIHAN TERNAKAN HALAL

41. Tuan Haji Hassan bin Haji Mohamed minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan adakah Kerajaan merancang hendak mengadakan rumah penyembelihan ternakan halal di Ibu Kota Kuala Lumpur; dan adakah ayam-ayam goreng yang dijual di restoran-restoran dan coffee house di hotel-hotel besar itu halal dimakan oleh orang-orang Islam dan kalau tidak, bilakah Kerajaan akan mengarahkan tuantuan punya tempat tersebut supaya membolehkan orang-orang Islam mendapat makanan yang sah halalnya.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato Shahrir bin Abu Samad): Kementerian saya sedang mengaturkan langkah-langkah yang sewajarnya bagi mewujudkan pusat-pusat penyembelihan ternakan halal khasnya pusat-pusat penyembelihan ayam di Wilayah Persekutuan:

- (a) Sebuah pusat percubaan melibatkan 10 orang penjual-penjual ayam akan dimulakan dalam tempoh tidak berapa lama lagi di Pasar Jalan Raja Bot. Pusat tersebut hanya menunggu bekalan api dan air. Projek percubaan ini bukan sahaja dijangka dapat memenuhi keperluan bagi memastikan semua ayam-ayam yang dibekalkan khasnya kepada pelanggan-pelanggan Muslim disembelih mengikut hukum yang sewajarnya. Projek ini adalah juga satu usaha untuk menyusun semula penggerai-penggerai ayam yang berkenaan

untuk memenuhi keperluan-keperluan pembersihan, kesihatan dan peraturan rupa-bentuk dan penyeragaman gerai.

- (b) Kawasan-kawasan tanah juga telah dikenal-pasti di kawasan-kawasan pejabat-pejabat Cawangan Setapak dan Pejabat Cawangan Jinjang/Kepong bagi membina pusat-pusat penyembelihan ayam yang lebih teratur. Reka-bentuk bangunan pusat penyembelihan juga sedang disiapkan.

Berhubung dengan makanan halal pula, sama ada di kedai, coffee house atau restoran, ia tertakluk di bawah Akta Perihal Dagangan 1972 iaitu bersabit dengan Penggunaan Perbahasan Halal 1975. Pada peringkat sekarang Akta tersebut adalah mencukupi bagi mengawal mana-mana restoran yang ingin menggunakan tanda halal. Sebuah buku panduan menyediakan makanan bagi menepati takrif halal telah juga dikeluarkan oleh Pusat Penyelidikan Islam Malaysia bagi rujukan para peniaga makanan, bagi tujuan tersebut.

PENGELUARAN BIJIH TIMAH/GETAH

42. Wan Ibrahim Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sejauh mana langkah yang telah diambil bagi menjadikan negara ini sebagai pengeluar terkemuka barangan siap timah dan getah, seperti yang disarankan oleh Y.A.B. Perdana Menteri yang ingin menjadikan negara ini sebagai pengeluar tayar yang terkemuka di dunia.

Tuan Oo Gin Sun: Kerajaan menyediakan berbagai jenis Galakan Cukai untuk membangunkan sektor

perindustrian termasuk pengeluaran barangan siap berasaskan bijih timah dan getah. Dari segi nisbah penggunaan dan pengeluaran dalam negara bagi kedua-dua bahan ini, kemajuan yang dicapai belum lagi mencapai tahap yang membanggakan. Walau bagaimanapun penggunaan bijih timah tempatan telah meningkat dari 434 metrik tan pada tahun 1980 kepada 651 metrik tan pada tahun 1983 iaitu masih lagi kurang daripada 1% pengeluaran tahun 1983 sebanyak 41,000 metrik tan. Untuk getah asli pula penggunaan tempatan telah meningkat dari 45,000 metrik tan pada tahun 1980 kepada 68,000 metrik tan pada tahun 1983 iaitu lebih kurang 4% daripada pengeluaran tahun 1983 sebanyak 1.5 juta tan.

Keluaran-keluaran siap utama bijih timah meliputi sadur timah, solder dan pewter. Untuk meningkatkan lagi penggunaan bijih timah tempatan bagi mengeluarkan barang siap, Kerajaan melalui belanjawan tahun 1984 telah menyediakan pembayaran "rebate" bernilai \$700 bagi setiap tan bijih timah yang digunakan. Adalah terlalu awal untuk mengkaji kesan gelakan berkenaan pada masa ini.

Keluaran-keluaran getah tempatan yang sedang dikendalikan sekarang meliputi tayar, tiub, sarung tangan, tilam, kasut dan keluaran-keluaran "extruded" dan "moulded" seperti "rubber hoses". Dalam bidang ini Malaysia sudah pun muncul sebagai pengeluar dan pengeksport dunia yang terkemuka bagi keluaran sarung tangan getah, tilam getah, "swimming caps" dan "catheters".

Untuk menjadikan negara sebagai pengeluar terkemuka barang siap seperti tayar, Kerajaan sedang mengkaji galakan-galakan yang lebih berkesan termasuklah pendekatan baru terhadap dasar pelaburan asing. Pelan induk Perindustrian Negara yang sedang dirangka juga menekankan pemerosesan bahan-bahan tempatan

seperti bijih timah dan getah asli di mana projek-projek tertentu untuk digalakkan akan dikenalpasti.

Selain dari bidang pengeluaran, pihak Kerajaan juga sedang meningkatkan usaha untuk menembusi pasaran dunia yang sehingga ini dikuasai oleh negara-negara yang lebih maju. Pasaran dunia ini sangat penting kerana permintaan tempatan barangan siap timah dan getah adalah terhad. Penubuhan syarikat-syarikat perdagangan yang besar (sogososhas) dan sekim pertukaran barangan (counter trade) telah pun dilancarkan untuk meluaskan pasaran eksport. Elaun Galakan Eksport telah juga ditingkatkan dari 2% c.i.f. kepada 5% f.o.b.

Selain daripada langkah-langkah Kerajaan, pihak swasta juga wajarlah lebih berusaha lagi untuk menjadikan negara sebagai pengeluar barang-barang siap bijih timah dan getah yang terkemuka di dunia.

PESARA MENUNGGU PENCEN

43. Tuan Fung Ket Wong minta Perdana Menteri menyatakan jumlah pesara yang masih menunggu untuk menerima pencen mereka di Sabah selama:

- (i) 1-2 tahun
- (ii) 3-4 tahun
- (iii) 5 tahun

ke atas dan mengapa mereka terpaksa menunggu begitu lama untuk menerima pencen mereka.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Saya mohon izin untuk menjawab bagi pihak Y.A.B. Perdana Menteri.

Bilangan pesara-pesara yang masih menunggu untuk menerima pencen mereka di Sabah adalah seperti berikut:

- (i) 1-2 tahun 42 orang
- (ii) 1-4 tahun 66 orang

- (iii) 5 tahun ke atas 61 orang

Sabah kenapa mereka menunggu begitu lama ialah kelewatan Jabatan-jabatan yang berkenaan menghantarkan dokumen-dokumen pencen termasuk:

- (i) Penyata Pekhidmatan/Cuti (Borang Kew. 22)
- (ii) Borang Kew. 100 (Pen. 1)
- (iii) Penyata KWSP/KWSG/KWSM yang kemaskini jika berkenaan.
- (iv) Borang Kew. 60 serta lampirannya atau Pen. 14
- (v) Sijil Akaun Berhutang/Tak Berhutang Mengikut Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5/1978.
- (vi) Laporan Harta yang telah diluluskan oleh Lembaga Tatatertib (jika persaraan pilihan sendiri).

Kelewatan menghantar dokumen ini pula disebabkan rekod yang terlalu kusut atau rekod yang tidak ada dan terpaksa dibina semula. Sebahagian besar daripada bakal pesara ini adalah Kumpulan Rendah yang tarafnya sebelum Laporan Gaji Kabinet tidak berpencen. Hanya setelah Kumpulan ini memasuki skim berpencen, rekod-rekod mereka dibina semula.

Antara kes-kes tersebut di atas pula banyak didapati Kenyataan Perkhidmatan yang tidak kemaskini. Kenyataan ini tidak dapat diperkemaskinikan kerana ketiadaan rekod yang sempurna. Pembinaan semula rekod oleh Jabatan yang berkenaan mengambil masa.

FELDA—UNIT KHAS

44. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada benar FELDA mempunyai sebuah unit khas sekim-sekim FELDA moden untuk

mendapatkan kad pengenalan; nyatakan berapa lamakah unit ini telah beroperasi dan jumlah kes unit tersebut telah menguruskan dan sebab mengapa perlunya sebuah unit FELDA seumpama itu.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Datuk Seri Mohd. Adib bin Haji Mohd. Adam): Tidak benar dan tidak ada.

RUSUHAN DI BUKIT KAYU HITAM

45. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Meteri Luar Negeri menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk terus mengekalkan perhubungan yang baik dengan "ally" yang rapat dan rakan Asean iaitu Thailand dan

- (a) Sama ada peristiwa di mana satu amok telah berlaku di sempadan antara kompleks Imigresen di Bukit Kayu Hitam dan "gate" sempadan dekat Danok telah memburukkan perhubungan rapat kita;
- (b) adakah langkah diambil untuk menubuhkan satu jawatankuasa muhibbah untuk menjernihkan keadaan peristiwa-peristiwa sebegitu sekiranya berbangkit lagi; dan
- (c) adakah pengumuman awam oleh pegawai-pegawai kanan Malaysia meminta warganegara kita supaya berjaga-jaga membawa kesan kepada perhubungan kita dengan Thailand dan bukannya lebih baik lagi sekiranya penyusunan keselamatan yang lebih ketat dibuat dalam pada itu memaklumkan kepada Kerajaan Thai akan kebimbangan kita melalui aliran yang tertentu.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddin Al-Haj: Apa yang dikatakan sebagai rusuhan di Bukit Kayu Hitam itu berlaku apabila sekumpulan pemandu-pemandu pengangkutan motosikal Thailand, yang tidak berpuas hati dengan peraturan lalu lintas yang telah dikuatkuasakan di sempadan masuk ke Malaysia, menganas di kawasan tersebut. Walau bagaimanapun kejadian ini telah dapat diselesaikan. Ini tidak menjejaskan hubungan baik yang sedia wujud antara Malaysia dengan Thailand.

Berkenaan dengan penubuhan jawatankuasa muhibbah seperti yang dicadangkan itu adalah tidak perlu kerana peraturan atau jentera yang ada sekarang, iaitu melalui Pegawai Perhubungan Polis dari kedua negara yang ditempatkan di kawasan sempadan, iaitu di Alor Setar dan di Songkhla, dan melalui pertemuan yang kerap diadakan di antara Pegawai Polis Daerah Jitra dan Sadao adalah memadai bagi mengawal kejadian-kejadian yang serupa itu.

Pengumuman dan nasihat supaya warganegara kita berjaga-jaga itu adalah sebagai reaksi spontan dari keadaan yang wujud pada ketika itu dan tidak lebih daripada itu; dan di sepanjang yang diketahui ianya telah tidak mendatang sebarang kesan yang negatif terhadap hubungan baik di antara kedua negara.

KAPAL PERDAGANGAN DAFTARAN MALAYSIA

46. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) jumlah kapal-kapal perdagangan dan berapa tan kapal masing-masing didaftarkan di dalam negara kita;
- (b) daripada kapal-kapal perdagangan ini, berapakah daripadanya dipunyai oleh syarikat-syarikat persendirian;

- (c) adakah Kerajaan menimbang untuk membatalkan "Domestic Licences"; jika tidak ada, apakah sebab.

Tan Sri Chong Hon Nyan:

(a) Sehingga 31hb Disember 1983, jumlah kapal-kapal perdagangan daftaran Malaysia ialah 583 buah dengan jumlah berat 1,602.695 tan kasar (gross registered tonnes). Jenis-jenis kapal ialah seperti berikut:

- (i) 65 buah kapal tangki minyak;
- (ii) 5 buah kapal LNG;
- (iii) 24 buah kapal-kapal "ore/bulk oil carriers";
- (iv) 215 buah kapal kargo am;
- (v) 37 buah kapal penumpang;
- (vi) 10 buah kapal kontena;
- (vii) 6 buah kapal pembawa kenderaan;
- (viii) 221 buah kapal-kapal lain.

Hanya terdapat sebilangan kecil sahaja kapal-kapal daftaran Malaysia yang tidak melibatkan diri dalam perdagangan, misalnya kapal-kapal yang dimiliki oleh pihak berkuasa pelabuhan.

(b) Daripada jumlah kapal-kapal di atas, 137 daripadanya adalah milik syarikat-syarikat persendirian.

(c) Buat sementara ini Kerajaan tidak bercadang untuk membatalkan lesen-lesen perkapalan dalam negeri kerana jika lesen-lesen itu dibatalkan, ia bertentangan dengan matlamat asal dasar kabotaj, yang menjadi mekanisma Kerajaan untuk mengawal perkapalan dalam negeri dalam rangka menjadikan Malaysia sebuah negara maritim.

**MAJALAH FAR EASTERN
ECONOMIC REVIEW—EDARAN**

47. Dr Chen Man Hin minta Menteri Dalam Negeri memberi sebab-sebab mengapa majalah Far Eastern Economic Review dibenarkan disebarkan kepada orang ramai begitu lambat kerana orang ramai sejak beberapa bulan kebelakangan ini hanya menerimanya selewat empat minggu.

Dato Musa Hitam: Adalah tidak benar bahawa Kementerian Dalam Negeri lewat memberikan kebenaran untuk mengedarkan majalah Far Eastern Economic Review kepada orang ramai sehingga 4 minggu untuk tiap-tiap keluaran, seperti yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat dari Seremban.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Akta Kawalan Penerbitan-penerbitan Yang Diimport 1958 (Disemak 1972) memerlukan semakan dibuat dengan teliti terhadap semua penerbitan yang diimport demi menjamin bahawa ianya tidak bercanggah dengan nilai-nilai dan kepentingan rakyat negara ini. Oleh yang demikian, setiap makalah dalam majalah yang diimport termasuk Far Eastern Economic Review, perlu disemak bagi memastikan kebenarannya.

Semakan ini perlu dilaksanakan terhadap majalah-majalah yang diimport, seperti Far Eastern Economic Review, kerana ia pernah menyiarkan artikel-artikel dan berita-berita yang tidak tepat dan mengelirukan masyarakat pembaca dari semasa ke semasa.

**BAHAN RADIOAKTIF—
PENCEMARAN**

48. Tuan Sim Kwang Yang minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang menyambut keinginan menyeluruh rakyat Malaysia

yang sedar akan alam sekitar (environment-conscious) dan mengharamkan "extraction", penyimpanan dan pengeksporan bahan-bahan radioaktif supaya menghapuskan segala risiko pencemaran udara, air dan makanan dan dengan demikian memastikan keselamatan rakyat Malaysia dari generasi-generasi akan datang terutama sekali mereka di Papan, Perak.

Perdana Menteri: Pada masa ini tidak ada kegiatan melombong bahan-bahan radioaktif di negara ini. Bahan-bahan radioaktif yang dihasilkan di negara ini adalah keluaran sampingan dari kegiatan melombong bijih timah. Kerajaan tidak bercadang mengharamkan perlombongan bijih timah semata-mata kerana terdapat bahan-bahan radioaktif di dalamnya.

Kerajaan telah membuat keputusan untuk menyimpan bahan-bahan radioaktif yang terhasil dari aktiviti perlombongan bijih ini dalam negeri dan tidak akan mengekspornya buat masa ini. Langkah-langkah keselamatan bagi penyimpanan bahan-bahan radioaktif ini adalah menurut syor-syor Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (IAEA).

HARGA RUMAH KOS RENDAH

49. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan sama ada sedar yang harga maksima rumah kos rendah sebanyak \$25,000 seunit yang dikemukakan oleh Kerajaan, tidak diamalkan di Pulau Pinang, jika ya, menyatakan sebab-sebab mengapa ini tidak dijalankan di Pulau Pinang.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato Dr Neo Yee Pan): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, adalah menjadi dasar Kerajaan supaya semua rumah awam kos rendah dijual dengan harga

yang tidak melebihi \$25,000 seunit. Dasar ini telah pun diamalkan oleh semua Kerajaan Negeri termasuk Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Harga jualan \$25,000 seunit rumah awam kos rendah ini termasuklah kos tanah, bangunan dan infrastruktur. Semua rumah yang dimaksudkan sebagai rumah kos rendah hendaklah dijual dengan harga tidak melebihi \$25,000 seunit. Rumah-rumah lain yang dijual dengan harga yang melebihi daripada \$25,000 seunit adalah bukan rumah kos rendah.

PAKAR NEUROLOGY/UROLOGY/ ENT—KEKURANGAN

50. Tuan Karpal Singh minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada wujud kekurangan pakar-pakar dalam Jabatan-jabatan Neurology, Urology, ENT dalam Hospital-hospital Besar di seluruh negara. Jika ya, apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi masalah-masalah itu.

Dato Chin Hon Ngian: Saya suka memaklumkan Yang Berhormat bahawa Pakar-pakar dalam bidang Neurology dan Urology adalah ditempatkan di Hospital Besar, Kuala Lumpur yang akan menerima kes-kes yang dirujuk dari Pakar-pakar di Hospital-hospital Besar di seluruh negara. Jabatan-jabatan ini dipusatkan di Hospital Besar, Kuala Lumpur agar dapat memberi perkhidmatan yang optima untuk seluruh negara.

Berkenaan dengan Pakar ENT pula memang terdapat kekurangan di negara ini. Kita memerlukan Pakar-pakar ini untuk ditempatkan di hospital-hospital besar (regional hospital) seperti di Pulau Pinang, Ipoh, Kuala Lumpur, Johor Bahru dan Kota Bahru. Pada masa ini kita hanya mempunyai Pakar ENT di Hospital Besar Ipoh dan Kuala Lumpur. Kementerian saya sedang berusaha untuk melantik pakar-pakar yang sesuai dalam bidang ini dari luar negeri secara kontrak. Pakar-pakar ENT ini

akan ditempatkan ke kawasan yang memerlukannya seberapa segera yang boleh.

PEMUDA UMNO MALAYSIA— SUMBANGAN KERAJAAN

51. Tuan Chan Kok Kit minta Perdana Menteri menyatakan sama ada wajar bagi Kerajaan menyumbangkan sebanyak \$500,000 daripada wang awam kepada Yayasan Gerak Bakti Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia yang ditubuhkan baru-baru ini.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Saya mohon izin untuk menjawab bagi pihak Y.A.B. Perdana Menteri. Adalah wajar bagi Kerajaan untuk meluluskan sumbangan kepada Badan-badan tertentu yang difikirkan akan dapat memberikan manfaat kepada dan untuk kepentingan rakyat.

PEMERIKSAAN POST- MORTEM MAYAT ORANG ISLAM

52. Tuan Mohd Idris bin Mohd. Basri minta Menteri Dalam Negeri menyatakan adakah beliau akan meminta Seksyen 331 Kanun Acara Jenayah bagi mengecualikan mayat-mayat orang Islam yang kematian mereka bukan diakibatkan oleh perbuatan jenayah tetapi kerana kemalangan jalan raya dan mayat-mayat ini adalah memadai dengan pemeriksaan zahir sahaja, memandangkan waris-waris si mati kerap kali tidak mahu pembedahan dilakukan kerana ini adalah satu penyiksaan ke atas mayat dan bertentangan dengan akidah Islam.

Dato Musa Hitam: Sebenarnya pemeriksaan post-mortem di bawah Kanun Acara Jenayah tidak dijalankan dalam semua kes kematian. Pemeriksaan post-mortem termasuk pembedahan mayat-mayat berkenaan hanya diadakan dalam kes-kes di mana pihak berkuasa mengesyaki kematian seseorang itu adalah disebabkan oleh

perbuatan jenayah atau perbuatan salah dan sebab-sebab kematian tidak dapat ditentukan tanpa mengadakan pemeriksaan tersebut.

Memandangkan kepada faktor-faktor tersebut, Kerajaan dapati bahawa adalah tidak perlu membuat pindaan kepada Seksyen 331 Kanun Acara Jenayah demi kepentingan waris-waris si mati.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG SIVIL (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Undang-undang Sivil 1956; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Menteri Pelajaran; dibaca kali pertama; akan dibaca kali yang kedua pada mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH KEHAKIMAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1964; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Menteri Pelajaran; dibaca kali pertama; akan dibaca kali yang kedua pada mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG DIUS API PERSEKUTUAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Dius Api Persekutuan 1953; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Menteri Pengangkutan; dibaca kali pertama; akan dibaca kali yang kedua pada mesyuarat ini.

**RANG UNDANG-UNDANG
MAKHLUK PEROSAK
PERTANIAN DAN TUMBUH-
TUMBUHAN BERBAHAYA
(PINDAAN)**

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Makhluk Perosak Pertanian dan Tumbuh-tumbuhan Berbahaya 1976; dibawa ke dalam mesyuarat oleh Timbalan Menteri Pertanian; di baca kali pertama; akan di baca kali yang kedua pada mesyuarat ini.

USUL

**ATURAN URUSAN
MESYUARAT**

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 14 (2) Majlis Mesyuarat ini akan terus menimbangkan Rang Undang-undang Penilai dan Pentaksir (Pindaan) yang tertera sebagai Perkara Bilangan 2 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang Dipertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi keputusan. Masalahnya ialah bahawa usul ini dipersetujukan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 14 (2) Majlis Mesyuarat akan terus menimbangkan Rang Undang-undang Penilai dan Pentaksir

(Pindaan) yang tertera sebagai Perkara Bilangan 2 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini.

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG
PENILAI DAN PENTAKSIR
(PINDAAN)**

3.40 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato Sabbaruddin Chik): Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-undang bernama "suatu Akta Penilai dan Pentaksir (Pindaan) 1984" di baca kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang-undang ini ialah untuk meminda Akta Penilai dan Pentaksir 1981 untuk mendaftarkan Ejen Harta Tanah dan membuat peruntukan mengenai kawalan ke atas amalan perejenan harta-tanah.

Kementerian Kewangan telah memerhati masalah yang ditimbulkan dalam bidang jual beli tanah oleh kerana aktiviti-aktiviti ejen-ejen harta tanah pada masa ini tidak dikawal secara langsung atau tidak langsung. Laporan-laporan dari suratkhbar beberapa tahun yang lalu telah menunjuk bahawa suatu keadaan tidak baik sedang berlaku dalam bidang itu. Keadaan seperti begitu berlaku oleh kerana ejen-ejen itu tidak mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang mencukupi untuk menjalankan perniagaan mereka di dalam bidang ini. malah ada juga mereka yang dianggap sebagai kurang jujur sewaktu menjalankan perniagaan mereka.

(Tuan Shamsuri bin Md. Salleh
mempengerusikan Mesyuarat)

Untuk mengatasi masalah ini Kementerian Kewangan berpendapat bahawa semua ejen-ejen harta tanah di

seluruh negara hendaklah dikawal dan aktiviti-aktiviti mereka diawasi oleh satu badan berkuasa. Bagi mereka yang sedang menjalankan perniagaan ini hendaklah ditunjuk ajar tentang hal-hal tanah yang mereka ataupun bagi mereka yang kurang mendalami di dalam bidang ini. Bagi mereka yang hendak menjalankan perniagaan yang baru, badan ini akan memastikan bahawa mereka itu mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang mencukupi sebelum perniagaan itu didaftar dan dimulakan. Dengan cara ini adalah diharapkan profesion ini boleh dinaikkan tarafnya dan kepentingan orang ramai atau orang awam dapat dilindungi.

Di samping itu juga, Kementerian Kewangan telah memperhatikan masalah-masalah yang telah timbul daripada Akta Penilai dan Pentaksir, 1981 di atas peruntukan-peruntukan dalam seksyen 17 dan 21. Kementerian Kewangan berpendapat bahawa seksyen-seksyen itu seharusnya dipinda supaya:

- (a) mereka yang telah disabitkan atas sesuatu kesalahan yang melibatkan kecurangan atau keburukan akhlak tidak dihalangkan daripada pendaftaran sebagai seorang penilai atau pentaksir sepanjang umur mereka; dan
- (b) mereka yang menjalankan perniagaan mereka sebagai peguam, akauntan, ejen insurans, jurulelong dan tuan empunya tidak dilarang daripada kerja mereka yang melibatkan amalan penilaian.

Maka dengan itu, Tuan Yang Dipertua, adalah disyorkan bahawa:

- (i) Akta Penilai dan Pentaksir, 1981 dipinda supaya aktiviti-aktiviti ejen-ejen harta tanah di seluruh Malaysia dapat dikawal;

(ii) Akta Pindaan yang disyorkan itu akan melibatkan beberapa perkara seperti berikut:

(a) Penubuhan suatu Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah;

(b) Tambahan kepada ahli-ahli Lembaga Penilai dan Pentaksir supaya pihak ejen harta tanah mendapat wakilnya dalam Lembaga tersebut;

(c) Kemasukan peruntukan untuk mendaftarkan ejen harta tanah dalam dua golongan iaitu:

1. mereka yang sedang benar-benar menjalankan perniagaan ini; dan
2. mereka yang akan menjalankan perniagaan ini kelak.

(d) peruntukan-peruntukan lain yang sesuai dan ada kaitan dengan apa yang saya sebutkan sebentar tadi.

(iii) Pindaan yang lain yang disyorkan ialah dua lagi iaitu:

(a) pindaan kepada seksyen 17 Akta tersebut supaya mereka yang disabitkan atas sesuatu kesalahan yang melibatkan kecurangan atau keburukan akhlak boleh memohon untuk mendaftarkan diri mereka selepas lima tahun; dan

(b) pindaan kepada seksyen 21 Akta seperti yang saya nyatakan tadi supaya peguam, akauntan, ejen insurans, jurulelong dan tuan empunya boleh menjalankan perniagaan

mereka sungguhpun perniagaan itu melibatkan amalan penilaian tertakluk kepada syarat mereka itu tidak mengenakan bayaran lain selain daripada apa yang dikenakan sebagai bayaran biasa.

Tuan Yang Dipertua, izinkan juga saya membincangkan serba sedikit Rang Undang-undang ini fasal demi fasal.

Fasal 2 dan 3 bertujuan meminda tajuk panjang dan tajuk pendek Akta agar kemudian dari ini ianya dinamakan Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah, 1981.

Fasal 4 bertujuan antara lain, mengemukakan takrif bagi istilah "amalan perejeenan harta tanah" dan "ejen harta tanah berdaftar" dan juga membuat pindaan-pindaan yang berbangkit.

Fasal 7 bertujuan menukarkan nama Lembaga Penilai dan Pentaksir kepada Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta Tanah. Fasal itu juga bertujuan melantik dua orang ejen harta-tanah berdaftar yang mempunyai sekurang-kurangnya enam tahun pengalaman sebagai ejen harta tanah untuk menjadi anggota Lembaga dengan kelonggaran tertentu yang perlu berkenaan dengan perlantikan yang pertama. Selain dari itu, ia juga bertujuan menambahkan bilangan anggota Lembaga yang menjadi penilai berdaftar dari perkhidmatan awam dari empat orang kepada enam orang.

Fasal 11 bertujuan mengemukakan sub-seksyen baru (1A) bagi mengadakan peruntukan mengenai cara penyimpanan Daftar Ejen Harta Tanah yang mana caranya adalah sama sahaja dengan Daftar Penilai dan Pentaksir.

Fasal 16 bertujuan mengemukakan sub-seksyen baru yang menurutnya

peguambela dan peguamcara, akauntan, ejen insurans dan peletong yang melaksanakan fungsi-fungsi tertentu berkaitan dengan profesion mereka atau sebagai pemilik harta atau pemegang surat kuasa mentadbir pusaka, membuat sesuatu mengenai harta itu olehnya sendiri, adalah dikecualikan dari didaftarkan sebagai penilai atau pentaksir.

Fasal 17 bertujuan mengemukakan Bahagian VA yang baru, yang antara lain, mengadakan peruntukan mengenai pendaftaran ejen harta tanah, hak untuk menjalankan amalan perejeenan harta tanah dan sekatan-sekatan mengenai amalan perejeenan harta tanah.

Fasal 23 bertujuan meminda Jadual Pertama untuk memasukkan ejen harta-tanah.

Fasal 24 bertujuan meminda subseksyen (2) seksyen 3 dan seksyen 27 Akta Pendaftaran Juruukur Bahan 1967, bagi maksud mengadakan persamaan.

Fasal 25 bertujuan memansuhkan peruntukan-peruntukan dalam Enakmen Kedah No. 8 (Peletong) dan Ordinan Lesen Peletong (N.S. Bab 198) setakat yang berkaitan dengan ejen perumahan.

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:
Penyokong?

Tuan Luhah Wan: Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang Penilai dan Pentaksir (Pindaan) 1984 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk

dibahas. Ahli Yang Berhormat dari Jerantut.

4.04 ptg.

Wan Abu Bakar bin Wan Mohamad: Tuan Yang Dipertua, sebagai sebuah Kerajaan yang bertanggungjawab, saya mengalu-alukan tindakan Kerajaan khususnya Kementerian ini dalam meminda Akta Penilai dan Pentaksir Tahun 1981.

Tuan Yang Dipertua, seringkali perniagaan ataupun aktiviti yang melibatkan soal harta tanah ataupun ejen harta-tanah ini, baik dalam pembelian rumah, penyewaan ataupun penjualan tanah dan harta-harta yang seumpamanya kita sering mendengar bahawa walaupun tidak keseluruhannya tetapi banyak di antara orang ramai telah menjadi mangsa penyalahgunaan ataupun perkara-perkara yang tidak betul seperti penipuan oleh pihak-pihak yang memajukan tanah ataupun ejen-ejenya.

Memanglah tepat pada masanya dalam keadaan negara sedang membangun, dalam keadaan perkembangan sektor pembinaan perumahan, kemajuan tanah dan sebagainya, Akta ini dipinda demi untuk melindungi hak-hak pengguna dan juga memberikan faedah kepada orang ramai. Misalnya takrif baru "ahli" dalam pindaan ini seperti dalam Seksyen 2 sebagai amalan perejean harta-tanah bertindak ataupun mengemukakan diri seseorang kepada orang ramai sebagai bersedia bertindak untuk upah sebagai seorang ejen berkenaan dengan sesuatu jualan atau lain-lain pelupusan tanah dan bangunan dan mengenai apa-apa kepentingan dalamnya atau pembelian atau lain-lain pengembalian tanah dan bangunan dan seterusnya iaitu satu takrif yang tepat yang lebih luas dan daripadanya kita dapat pentafsiran yang sangat lengkap dan di sinilah termasuk segala-galanya

berkaitan dengan kepentingan pengguna ataupun pembeli yang terlibat. Dan dalam pindaan ini juga telah diperuntukkan ataupun ada ditulis atau dibawa di dalamnya supaya orang-orang yang berkelayakan berpengalaman sahaja menjalankan perniagaan tersebut. Dan juga jika sekiranya orang-orang yang tidak berpengalaman dan layak bila telah didaftarkan ianya perlu diberikan latihan. Dan ini akan menentukan bahawa perjalanan aktiviti harta-tanah ini ataupun perejean harta-tanah akan menjadi lebih kemas.

Tuan Yang Dipertua, yang paling penting sekali dalam pindaan ini pada pandangan saya ialah dengan pendaftaran ataupun mendaftarkan ejen harta-tanah maka dengan sekaligus Kementerian akan dapat mengawal kegiatan aktiviti-aktiviti dan juga yang dilakukan oleh ejen-ejen harta-tanah ini yang dengan itu kita akan dapat dari masa ke semasa mengambil tindakan yang sewajarnya. Jika sekiranya berlaku perkara-perkara yang tidak diinginkan yang melibatkan kepentingan pengguna. Misalnya kita ada terbaca dalam suratkhobar, ramai pengguna-pengguna telah ataupun diselewengkan oleh pemaju-pemaju perumahan yang tidak bertanggungjawab. Atau pun pemaju perumahan yang tidak wujud langsung telah menjualkan lot-lotnya walhal mereka tidak mempunyai projek dan setelah orang ramai mengeluarkan duit membeli rumah-rumah ini, pemaju pun hilang dan kita pun tidak dapat jumpa lagi dan dengan yang demikian orang ramai tertipu dan melibatkan kesusahan serta kesulitan yang mana akan melibatkan perasaan tidak puas hati di kalangan rakyat.

Oleh sebab itu saya katakan pada awal lagi langkah meminda Akta ini adalah satu langkah yang sangat tepat dan baik. Selain daripada mendaftarkan ejen harta-tanah ini dan kita dapat mengawalnya saya juga

berharap pendaftaran ejen harta-tanah ini yang akan dilakukan oleh Kerajaan khususnya oleh Kementerian ini akan dapat dibuat satu bentuk di mana untuk maksud pendaftaran ini ejen-ejen harta-tanah hendaklah membayar satu bentuk bayaran kepada Kerajaan sebagai pendaftaran seperti juga apa yang dibuat jika kita mengeluarkan lesen-lesen insurans ataupun lesen kewangan dan sebagainya. Dan dengan ini walaupun jumlah yang kutip mungkin kecil tetapi akan dapat menambahkan kedudukan kewangan Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua, kemasukan ataupun pindaan beberapa pindaan yang telah dibaca oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi yang dibawa dalam Dewan ini keseluruhannya bertujuan mengemaskan lagi Akta ini dan seperti yang saya katakan ini semua akan mendatangkan faedah kepada orang ramai. Cuma yang akhirnya saya ingin mencadangkan, dalam apa juga undang-undang yang kita perkenalkan dalam negara ini, soal adanya akta, adanya peraturan, adanya undang-undang, adanya beberapa ketetapan selain daripada yang telah kita buat peraturan ini aspek yang mustahak ialah pelaksanaan ataupun bagaimana kita hendak menguatkuasakan peruntukan di dalam Akta yang telah kita buat. Kalau kita gariskan berbagai-bagai denda ataupun hukuman yang akan dikenakan jika sekiranya terdapat penyelewengan tetapi kita tidak mengambil tindakan maka kita ada satu peruntukan ataupun Akta yang boleh mengambil tindakan tetapi kita tidak dapat menjalankan.

Jadi, saya menyeru pada hari ini pada Kementerian dengan adanya pindaan yang sangat baik ini yang kita bahaskan pada hari ini yang mana kita telah mengaku ataupun tujuan Akta ini dibuat untuk melindungi orang ramai kita harus tegas dalam melaksanakan apa juga peruntukan-peruntukan yang

berkait dengan penguatkuasaan sama ada dengan cara menambah kakitangan ataupun mengada penyeliaan yang rapi dan sebagainya. itu terpulanglah kepada kebijaksanaan Kementerian tetapi pokoknya bagi mencapai kejayaan yang lebih baik bagi matlamat seperti yang digariskan dalam pindaan ini saya berpandangan dalam bidang penguatkuasaan adalah sangat penting.

Yang demikian, Tuan Yang Dipertua, saya menyokong pindaan ini.

4.00 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang Dipertua, saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Penilai dan Pentaksir (Pindaan) yang tadi telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan. Saya suka mengambil kesempatan ini untuk menyokong Rang Undang-undang (Pindaan) ini. Yang sebenarnya; Rang Undang-undang (Pindaan) ini telah lama ditunggu-tunggu.

Tuan Yang Dipertua, saya telah lama menggesa pihak Kerajaan membentangkan satu undang-undang bagi tujuan untuk memperlindungan para pembeli harta tanah, khasnya para pembeli rumah memandangkan bahawa banyak kejadian telah berlaku pada dua tiga tahun yang lalu di mana ramai pembeli-pembeli rumah telah dijadikan mangsa oleh kerana telah munculnya ramai ejen-ejen harta tanah ataupun agen harta perumahan yang palsu yang tidak bertanggungjawab yang menggunakan masalah kekurangan rumah untuk menipu dan menindas orang ramai, khasnya golongan yang sangat memerlukan rumah atau tanah untuk tujuan kediaman. Oleh yang demikian, saya berpendapat bahawa pembentangan Rang Undang-undang ini dengan tujuan untuk meluaskan

skop Akta Penilai dan Pentaksir untuk meliputi para ataupun golongan agen harta tanah adalah sangat sesuai dan kena pada tempatnya.

Saya juga harap bahawa dengan adanya kawalan terhadap agen-agen harta tanah ini maka pihak Kementerian yang berkenaan, pihak Kerajaan dapat menentukan bahawa undang-undang ini dapat dikuatkuasakan dengan lebih berkesan seperti mana yang telah disuarakan oleh wakil dari Temerloh tadi.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Jerantut.

Tuan Lee Lam Thye: Minta maaf, Jerantut, memandangkan bahawa adalah mustahak supaya kawalan yang dicadangkan oleh pihak Kerajaan dapat dilaksanakan, dipraktikkan dengan berkesannya.

Saya juga mengesyorkan di sini bahawa Kerajaan patut juga menimbang untuk mengenakan hukuman yang lebih berat terhadap agen-agen harta tanah yang didapati bersalah oleh kerana golongan ini telah lama menindas orang yang miskin, khususnya seperti mana yang telah saya katakan tadi mengenai golongan yang sangat memerlukan rumah.

Satu point yang akhir yang saya ingin menyentuh di sini ialah saya cuma hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan sama ada Persatuan Penilai dan Pentaksir dapat diberi peluang untuk menyemak ataupun membincangkan Rang Undang-undang ini sebelum dibentangkan ke dalam Dewan ini memandangkan bahawa Rang Undang-undang ini adalah berkaitan dengan profession yang disebutkan dalam Rang Undang-undang ini. Saya yakin bahawa sekiranya Persatuan Penilai dan Pentaksir diberi peluang untuk berunding atau mengadakan consultation dengan pihak Kementerian tentulah ada banyak pandangan-pandangan yang lebih

membina yang dapat disampaikan oleh persatuan demi kepentingan profession mereka dan juga demi kepentingan orang ramai.

Dengan ini saya sekali lagi suka memberikan sokongan saya kepada Rang Undang-undang (Pindaan) ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Yang Berhormat dari Jasir.

3.58 ptg.

Tuan Ismail bin Arshad (Jerai): Tuan Yang Dipertua, saya juga turut mengalu-alukan di atas pindaan Akta Penilai dan Penaksir 1981 yang dikemukakan ini kerana adalah wajar bagi kita sekarang ini terutama di Malaysia yang mana pembangunan dan kemajuan pengalihan harta milik dan sebagainya sedang berkembang dengan pesat adalah penting supaya dapat bagi pihak yang bertanggungjawab mendaftarkan mereka yang bertanggungjawab, terutama sekali menjadi agen-agen kepada melaksanakan urusan penilaian, urusan mengenai pemindahan dan pemilikan harta tanah dan sebagainya.

Sebelum ini kita dapati banyak pihak-pihak yang mengambil kesempatan untuk menjalankan urusan kerja-kerja sebagai agen yang tidak rasmi dan mereka ini boleh dikatakan bukan sahaja daripada kalangan yang tidak mempunyai kelayakan dan kefahaman yang tertentu di dalam sesuatu bidang dan pengurusan tetapi telah menjalankan tugasnya dengan berbagai-bagai keadaan perasangka dan kadang-kadangkala menimbulkan berbagai-bagai keraguan sehingga melahirkan kerja-kerja penipuan ataupun kerja-kerja yang boleh merugikan pihak-pihak yang menggunakan ataupun berurusan dengan ejen-ejen yang

secara tidak langsung itu. Jadi, saya berharap supaya pihak lembaga yang ditubuhkan di bawah Akta ini dapat mengendalikan pendaftaran agen harta tanah ini dengan sewajarnya dan jika perlu mengenakan syarat-syarat yang tertentu supaya urusan-urusan pengendalian oleh pihak ejen-ejen ini tertakluk kepada tanggungjawab dan tertakluk kepada peraturan-peraturan yang menjadi garis panduan ataupun garis-garis yang tertentu memberi kebaikan kepada pihak-pihak yang berlanggan dengan ejen-ejen pengendalian urusan pemindahan dan pemilikan harta tanah.

Tuan Yang Dipertua, saya juga turut menyetujui di atas saranan rakan saya dari Jerantut tadi. Apa yang pentingnya ialah sejauh manakah pelaksanaan kepada Akta ini iaitu dalam usaha-usaha untuk menentukan supaya tidak berlakunya penyelewengan-penyelewengan dan timbulnya masalah-masalah penipuan atau sebagainya terhadap pihak-pihak yang mengharapkan kepada ejen-ejen ini bagi mengendalikan urusan pemilikan ataupun urusan-urusan harta-tanah ataupun bangunan-bangunan yang diharapkan. Kita pernah terdapat beberapa kes sebelum ini di mana tanpa pengendalian dan tanpa pengawalan yang tertentu telah berlaku banyak penyelewengan seperti yang saya katakan tadi. Jadi adalah amat berharap dengan pindaan Akta ini akan dapat memberi lebih banyak kebaikan dan dapat pula memberikan tanggungjawab kepada ejen-ejen harta-tanah kepada mengendalikan amanah yang diberikan oleh pihak-pihak yang berlanggan dengan pihak ejen-ejen yang disebutkan tadi.

Dengan ini, Tuan Yang Dipertua, saya turut menyokong di atas pindaan Rang Undang-undang ini.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

4.11 ptg.

Dato Sabbaruddin Chik: Tuan Yang Dipertua, terlebih dahulu saya berterima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Jerantut, Kuala Lumpur Bandar dan Jerai yang telah memberi sokongan terhadap Rang Undang-undang ini terutama sekali kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar walaupun seorang Pembangkang tetapi telah memberi sokongan terhadap Rang Undang-undang yang dibentangkan oleh Kerajaan.

Tuan Yang Dipertua, beberapa perkara telah dibangkitkan oleh ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat tadi yang mana pada keseluruhannya mereka mengharapkan supaya apabila Rang Undang-undang ini diluluskan perlaksanaannya harus diberi perhatian yang mendalam, perhatian yang serius oleh Kementerian Kewangan yang bertanggungjawab terhadap pelaksanaan undang-undang ini.

Sebenarnya seperti yang saya katakan sewaktu membentangkan Rang Undang-undang ini tadi, sememangnya tujuan Rang Undang-undang ini adalah untuk memastikan supaya aktiviti-aktiviti ejen-ejen harta-tanah ini dapat dijalankan dengan baik bagi mengelakkan berlakunya ataupun berkemungkinan berlakunya penipuan terhadap mereka yang hendak membeli rumah dan sebagainya tetapi ditipu-helah oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Oleh sebab Kerajaan memikirkan perkara seperti ini akan merosakkan nama baik Kerajaan, dengan adanya undang-undang ini pihak Kementerian Kewangan akan memastikan supaya mereka yang melanggar undang-undang ini akan diambil tindakan sejajar dengan peruntukan-peruntukan yang ada di dalam Rang Undang-undang ini. Tetapi dalam pada itu bukanlah tujuan satu-satu Rang

Undang-undang itu hanya untuk mengambil tindakan-tindakan terhadap mereka yang bersalah. Tujuan sebenarnya Rang Undang-undang ini kalau boleh adalah bagi mengelakkan berlakunya penyelewengan bagi mereka yang terlibat di dalam aktiviti-aktiviti ataupun di dalam hal-hal berkaitan dengan harta-tanah ini.

Jadi walaupun kita sanggup dan bersedia mengambil tindakan-tindakan terhadap mereka yang mungkin melanggar syarat-syarat ataupun peraturan-peraturan mengikut Rang Undang-undang ini tetapi kita berharap ianya lebih merupakan satu guideline. dengan izin, ataupun satu panduan supaya kalau boleh tidak berlaku penipuan-penipuan seperti yang kita takut-takutkan. Seterusnya untuk memastikan supaya ataupun setidak-tidaknya mengurangkan sebarang penipuan, kalau pun berlaku, maka itu bagi mereka yang sedang menjalankan kerja-kerja ataupun aktiviti-aktiviti ejen-ejen harta tanah yang ada sekarang ini akan diberi tempoh selama 1 tahun untuk mendaftar dengan Lembaga yang akan ditubuhkan nanti dan mengumumkan akan dibuat sebaik sahaja Rang Undang-undang ini diluluskan dan mereka mempunyai satu tahun untuk membuat pendaftaran. Bagi mereka yang belum menjalankan aktiviti-aktiviti ejen harta-tanah ini tetapi ingin memasuki bidang ini sebagai profesion mereka yang baru, maka Lembaga Penilai, Pentaksir dan Ejen Harta-Tanah ini akan memastikan bahawa mereka itu benar-benar layak, yakni mempunyai kelayakan sebelum permohonan untuk mendaftar itu diluluskan. Di antara lain mereka ini akan dikehendaki menduduki satu peperiksaan yang akan ditetapkan oleh Lembaga supaya mereka ini diduga pengetahuannya berkaitan dengan perkara-perkara yang ada kena mengena dengan perniagaan ini.

Kerajaan juga akan menolong sekiranya diperlukan bagi mereka yang telah menjalankan aktiviti-aktiviti harta tanah ini ataupun mereka yang akan melibatkan diri dalam bidang ini dengan menawarkan tempat-tempat latihan di dalam Institut Latihan Penilaian yang kini hampir-hampir siap dibina di Bangi dan dijangka kalau tidak ada apa-apa aral, insya Allah akan siap pada tahun ini dan boleh memulakan aktiviti latihannya pada awal tahun hadapan. Jadi Institut Latihan Penilaian ini akan membuka peluang kepada mereka yang sedang menjalankan aktiviti-aktiviti harta-tanah ini ataupun kepada mereka yang ingin memasuki di dalam bidang ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar juga bertanya sama ada pihak Kementerian Kewangan telah berbincang dengan persatuan ejen-ejen harta tanah tadi. Sebenarnya perkara ini telah lama dikemukakan di dalam satu upacara pelancaran Laporan Penilaian bagi tahun 1983 telah saya nyatakan bahawa perkara ini akan dibentangkan di dalam Parlimen dan pada waktu itu juga beberapa perbincangan yang sesuai, yang berkaitan telah diadakan dengan pihak persatuan ini. Pada keseluruhannya persatuan ini sememangnya telah menyetujui dan menyambut baik Rang Undang-undang yang sedang kita bincangkan pada hari ini.

Tuan Yang Dipertua, itu sahajalah yang dapat saya perkatakan berkenaan dengan Rang Undang-undang ini dan sekali lagi saya berterima kasih kepada ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan yang membina, yang telah memberi sokongan terhadap Rang Undang-undang yang sedang kita bincangkan sekarang ini. Terima kasih.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa

Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemukakan bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

(Tuan Shamsuri bin Md. Saleh
mempengerusikan Jawatankuasa)

Fasal 1 hingga 25 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KESALAHAN-KESALAHAN PENERBANGAN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.20 ptg.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang Dipertua, saya bangun bagi mengemukakan satu Rang Undang-undang bernama Akta Kesalahan-kesalahan Penerbangan 1984 dibaca kali kedua sekarang. Rang undang-undang ini bertujuan untuk:

- (1) Membolehkan Malaysia mengambil tindakan undang-undang yang sewajarnya kepada pesalah-pesalah yang melakukan kesalahan-kesalahan yang mengancam keselamatan pesawat-pesawat semasa dalam penerbangan dan juga keselamatan penerbangan awamnya;
- (2) Membolehkan Malaysia mengiktiraf dan menjadi pihak berjanji kepada tiga-tiga

konvensyen (ICAO) yang dikenali sebagai, dengan izin:

- (a) Convention on Offences and certain other acts committed on board aircraft, Tokyo.
- (b) Convention for the suppression of unlawful seizure of aircraft, The Hague.
- (c) Convention for the suppression of unlawful acts against the safety of Civil Aviation, Montreal.

Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa industri penerbangan awam telah dan masih mengalami zaman kekacauan di mana keselamatan penerbangan awam diancam dan diganggu oleh berbagai kumpulan-kumpulan tertentu untuk mencapai matlamat mereka.

Baru-baru ini beberapa perampasan kapal terbang telah berlaku di negara lain. Sekali lagi ianya memperlihatkan bagaimana pergolakan sosial, ekonomi dan politik boleh mendatangkan ancaman bahawa dan maut kepada penumpang-penumpang pesawat awam. Dalam hal ini seperti syarikat-syarikat penerbangan negara-negara lain, Syarikat Penerbangan Malaysia kita juga mungkin menghadapi ancaman-ancaman yang tidak diingini lebih-lebih lagi memandangkan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) mempunyai rangkaian perkhidmatan yang luas.

Tuan Yang Dipertua, Pertubuhan Penerbangan Awam antarabangsa (ICAO) telah pun mengadakan tiga konvensyen antarabangsa berasingan untuk mencegah kejadian perampasan dan lain-lain kesalahan yang mengancam keselamatan penerbangan awam. Konvensyen-konvensyen tersebut telah mencapai persetujuan tentang langkah-langkah yang harus diambil untuk mencegah kejadian-kejadian yang tidak diingini seperti ini.

Dalam pada itu pihak yang berkenaan di negara masing-masing akan diberi kuasa untuk menahan pesalah-pesalah serta juga meletakkan hukuman yang berat kepada penjenayah-penjenayah yang terlibat. Di samping itu ia juga membolehkan pihak berkuasa Malaysia untuk berkerjasama dan mendapat kerjasama serta bantuan daripada negara-negara ahli berjanji untuk mengatasi masalah-masalah yang timbul, sekiranya kejadian yang tidak di ingini berlaku ke atas pesawat-pesawat Malaysia semasa dalam penerbangan di luar negeri. Sebelum Malaysia dapat mengiktiraf dan menjadi ahli berjanji kepada konvensyen-konvensyen ini Malaysia perlu mengadakan satu undang-undang kesalahan-kesalahan penerbangan awam negara sebagai langkah untuk mencegah kejadian-kejadian perampasan pesawat dan lain-lain jenis kesalahan.

Tuan Yang Dipertua, Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Penerbangan 1984 akan merangkumi ketiga-tiga konvensyen berkaitan dengan ini iaitu Konvensyen Tokyo, Konvensyen The Hague dan Konvensyen Montreal. Peruntukan untuk menguatkuasakan konvensyen-konvensyen tersebut dalam Rang Undang-undang ini diadakan mengikut Bahagian-bahagian yang berkenaan.

Bahagian II, *Fasal 3, 4, 5 dan 6* Rang Undang-undang ini adalah untuk menguatkuasakan Konvensyen Tokyo mengenai kesalahan-kesalahan dan perbuatan-perbuatan tertentu yang dilakukan dalam kapal terbang.

Fasal 5 dan 6 menyatakan langkah-langkah serta prosedur-prosedur yang boleh diambil oleh seseorang Kapten Pesawat atau, dengan izin, Aircraft Commander ke atas mana-mana orang yang dipercayai melakukan perbuatan-perbuatan yang mengancam atau membahayakan keselamatan penumpang-penumpang atau harta

benda. Kuasa-kuasa yang diberi kepada Pegawai Pemerintah pesawat itu termasuklah untuk menahan, menurunkan dan menyerahkan orang melakukan kesalahan tersebut kepada pihak yang berkuasa yang berkenaan.

Fasal 5 (6) (b) mengandungi perbekalan bahawa sekiranya Pegawai Pemerintah pesawat itu tanpa sebab-sebab yang menasabah gagal memenuhi kehendak-kehendak dan langkah-langkah yang ditetapkan itu maka ianya sendiri adalah melakukan satu kesalahan di bawah Rang Undang-undang tersebut dan boleh apabila disabitkan dikenakan denda tidak melebihi \$1,000.

Tuan Yang Dipertua, Bahagian III. *Fasal 7 dan 8* Rang Undang-undang ini bertujuan untuk menghuraikan dengan lebih spesifik tindakan-tindakan positif yang dikehendaki diambil oleh negara-negara yang menjadi pihak berjanji dalam sesuatu kejadian perampasan atau keganasan ke atas pesawat. Bahagian III Rang Undang-undang ini yang telah digubalkan adalah untuk menguatkuasakan Konvensyen The Hague. Ianya mempunyai perbekalan-perbekalan yang membolehkan Malaysia mengambil tindakan perundangan ke atas seseorang yang telah melakukan kesalahan-kesalahan seperti menggunakan kekerasan atau ugutan dari apa juga jenis semasa berada di dalam penerbangan dan perbuatan-perbuatan berkaitan dengan rampasan kapal terbang. Orang yang melakukan mana-mana kesalahan tersebut boleh dihukum di bawah undang-undang ini yang berkuatkuasa di Malaysia tidak kira di mana perbuatan itu dilakukan, di negara mana pesawat tersebut didaftarkan dan walau apa pun kerakyatan atau kewarganegaraan pesalah itu.

Berhubung dengan kesalahan-kesalahan tersebut penalti yang boleh dikenakan ke atas seseorang apabila disabitkan ialah penjara seumur hidup.

Tuan Yang Dipertua, Bahagian IV, Fasal 9 dan 10 Rang Undang-undang ini membolehkan Malaysia mengambil tindakan perundangan ke atas orang-orang yang melakukan perbuatan-perbuatan kekerasan ke atas penerbangan awam seperti pemusnahan pesawat, sabotaj dan serangan-serangan ke atas lapangan terbang yang mengakibatkan kecederaan atau kematian orang-orang awam dan kakitangan yang berada di tempat itu. Perbekalan-perbekalan ini adalah selaras dengan kehendak-kehendak di dalam Konvensyen Montreal. Peruntukan juga dibuat bagi pembelaan-pembelaan tertentu yang akan ditimbulkan oleh seseorang yang dituduh melakukan perbuatan-perbuatan yang menjadi kesalahan-kesalahan. Penalti ke atas orang yang melakukan kesalahan di bawah Bahagian IV Rang Undang-undang ini apabila disabitkan ialah boleh dikenakan hukuman penjara seumur hidup.

Tuan Yang Dipertua, suka saya menyatakan di sini bahawa Jabatan Penerbangan Awam Malaysia mempunyai peraturan-peraturan keselamatannya sendiri untuk menjamin keselamatan pesawat-pesawat dan penumpang-penumpang yang menggunakan lapangan-lapangan terbang di Malaysia. Rang Undang-undang ini mengandungi peruntukan undang-undang yang akan membolehkan Malaysia bertindak balas terhadap penjenayah-penjenayah yang mengancam keselamatan trafik udara selaras dengan persetujuan-persetujuan antarabangsa.

Adalah ketara sekali bahawa langkah-langkah seperti ini amat diperlukan bukan sahaja bagi keperluan dalam negeri tetapi juga di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Penerbangan 1984 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Yang Berhormat dari Jerai.

4.35 ptg.

Tuan Ismail bin Arshad (Jerai): Tuan Yang Dipertua, saya turut menyokong ke atas pembentangan Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Penerbangan 1984 yang dibentangkan di Dewan ini oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi.

Tuan Yang Dipertua, sekarang ini sudahlah sampai masanya kepada kita di negara Malaysia ini sendiri untuk mengadakan undang-undang bagi memperlindungan di atas keselamatan sama ada penerbangan, penumpang-penumpang dan juga harta punya bagi syarikat-syarikat penerbangan kita sendiri terutama sekali apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi bukan sahaja untuk kepentingan di negara kita tetapi juga atas kehendak konvensyen yang diadakan di Tokyo, The Haque dan di Montreal. Apa yang dibuat terhadap kehendak Rang Undang-undang yang dibentangkan ini adalah semata-mata untuk menjamin keselamatan kepada penumpang-penumpang, menjamin keselamatan kepada manusia-manusia ataupun orang ramai yang tidak berdosa yang turut di dalam sesuatu penerbangan yang sedang berlangsung.

Sebelum ini kita tidak mempunyai sesuatu undang-undang yang dapat mengambil sesuatu tindakan yang tegas kepada mana-mana pihak yang sama ada untuk merampas kapal terbang ataupun untuk merosakkan

kapal terbang sama ada dengan cara sabotaj ataupun sebagainya. Apa yang kita dapati hanya undang-undang biasa untuk mengambil tindakan terhadap penjenayah-penjenayah ataupun pesalah-pesalah di dalam sesuatu tindakan yang sedia ada.

Di akhir-akhir ini kita kedapatan bukan sahaja merupakan perkara-perkara yang agak luar biasa tetapi ianya telah menjadi satu perkara yang ghalip berlaku kepada seluruh destinasi penerbangan di negara kita ini dalam keadaan yang agak terancam apabila terdapatnya kalangan-kalangan ataupun kumpulan-kumpulan sama ada kumpulan-kumpulan itu merupakan sebenarnya daripada kumpulan penjenayah ataupun daripada kumpulan-kumpulan yang ingin mengambil kesempatan bagi mengambil sesuatu daya usaha untuk menunjuk minat kepada Kerajaan-kerajaan negeri-negeri yang tertentu ataupun untuk melepaskan tahanan-tahanan yang telah pun melakukan kesalahan daripada kumpulan-kumpulan mereka sendiri. Jadi saya rasa amatlah wajar kepada semua pihak memberi sokongan yang penuh kepada wujudnya undang-undang kesalahan penerbangan yang dikemukakan ini semoga dengan ini dapat memberi jaminan penuh kepada kita khasnya kepada syarikat penerbangan di Malaysia dan juga kepada penumpang-penumpang yang akan turut bersama-sama di dalam syarikat penerbangan kita.

Saya juga amat tertarik hati apabila dibentangkan Rang Undang-undang ini bahawa ianya bukan sahaja untuk berkuatkuasa terhadap berlakunya kesalahan-kesalahan oleh pihak-pihak yang melaksanakannya semasa penerbangan di dalam negeri, tetapi di mana-mana juga tempat yang dilaksanakan oleh pihak-pihak penjenayah-penjenayah tadi, dan ianya boleh diambil tindakan di bawah

undang-undang ini, khasnya undang-undang yang dikuatkuasakan di Malaysia. Ini adalah satu lagi jaminan bahawa bukan sahaja menjamin keadaan penumpang-penumpang yang menyertai penerbangan kita, tetapi juga untuk menjamin penumpang-penumpang lain yang akan menyertai di dalam penerbangan kita, walaupun mereka itu di dalam penerbangan semasa berada di tempat-tempat yang lain.

Tuan Yang Dipertua, mengenai beberapa kuatkuasa Undang-undang ini, khasnya kepada penalti-penalti yang dikenakan mungkin boleh dikaji daripada masa ke semasa supaya hukuman-hukuman yang dikenakan itu dapat diberikan peningkatan terhadap tindakan-tindakan yang akan dilaksanakannya. Seperti yang dinyatakan di dalam Rang Undang-undang ini kesalahan-kesalahan yang berat yang dilakukan boleh dipenjarakan seumur hidup jika sabit kesalahannya dan ini juga kadang-kadangkala bagi setengah-setengah pihak senang untuk melepaskannya. Sekiranya pihak yang melaksanakan penjenayahan menerusi perampasan ini, ada di antara kalangannya sendiri telah kena tahan dan kena penjara seumur hidup, mungkin ada gangnya lagi ataupun kumpulannya lagi mengambil kesempatan merampas lagi kapal terbang di tempat-tempat lain dan mengambil tindakan untuk meminta sebagai tebusan melepaskan rakan-rakannya. Jadi ini yang saya rasa ragu-ragu dan kemungkinan boleh dipertimbangkan untuk mengadakan suatu hukuman yang lebih berat lagi, misalnya untuk hukuman mati atau sebagainya, kerana perbuatan-perbuatan seumpama ini boleh dikatakan sebagai satu perbuatan-perbuatan yang amat dahsyat dengan seseorang itu membunuh seseorang, mungkin ianya pasti seorang sahaja yang kena bunuh, tetapi kalau sekiranya dirampas sebuah kapal terbang misalnya, mungkin ada

beratus-ratus jiwa yang berada di dalam penerbangan ini terancam nyawanya dan bererti kesalahan ini amat berat daripada seorang itu hanya membunuh seorang sahaja dalam tindakan yang dilakukannya. Jadi perkara ini saya haraplah mendapay pertimbangan sama ada dalam peringkat ini untuk dikahi ataupun hendak dipertingkatkan lagi hukuman-hukumannya supaya jaminan dan juga untuk menamatkan pihak-pihak yang cuba hendak melakukan se suatu kesalahan di bawah Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Penerbangan yang seumpama ini.

Tuan Yang Dipertua, akhirnya, saya suka sekali lagi mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan kepada pihak Kerajaan dan Kementerian ini yang mana telah menyedari hakikat yang ada pada semasa terhadap penceroboh-penceroboh dan terhadap penjenayah-penjenayah penerbangan yang sentiasa berkeliaran di seluruh dunia pada masa ini, dan dengan ini akan dapat memberi perlindungan kepada keselamatan untuk penerbangan khas kepada orang ramai ataupun rakyat yang akan menyertai di dalam penerbangan lebih terselamat dan terjamin untuk masa-masa yang akan datang.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Yang Berhormat dari Tenggaroh.

4.46 ptg.

Tuan Khadri bin Sabran (Tenggaroh): Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk bersama-sama menyokong Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Penerbangan 1984 yang baru sahaja dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan sebentar tadi, yang bertujuan untuk mengambil tindakan undang-undang kepada pesalah-pesalah yang melakukan kesalahan-kesalahan yang mengancam pesawat-pesawat semasa dalam penerbangan serta untuk membolehkan negara kita

Malaysia ini mengiktiraf 3 convention penerbangan awam antarabangsa yang diadakan di Tokyo, Hague dan di Montreal.

Tuan Yang Dipertua, pada masa ini penerbangan-penerbangan semakin banyak terdapat ancaman-ancaman. Kita dengar di sana sini berlaku rampasan pesawat-pesawat dan kita juga pernah dengar bahawa pesawat-pesawat yang dirampas itu amat mengancam keselamatan penumpang-penumpang. Hal ini mungkin berlaku disebabkan oleh keadaan dunia penerbangan dewasa ini yang semakin kompleks akibat daripada kemajuan dan mungkin ianya berlaku disebabkan oleh keadaan manusia dimuka bumi pada masa ini semakin kompleks. Dan oleh kerana kompleks itu maka berlakulah konflik politik sesama manusia, konflik frust dan juga mungkin terdapat sentimen-sentimen kenegaraan dan kenegerian di dalam dunia kita ini. Akibat daripada konflik yang berlaku di kalangan umat manusia tidak kira dari apa jua bentuknya itu, maka ancaman-ancaman terhadap pesawat-pesawat ini semakin banyak berlaku. Oleh hal yang demikian, maka inginlah saya menyatakan sokongan saya terhadap pembawaan ataupun pembentangan Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Penerbangan 1984 di mana sepatutnya bagi saya, Rang Undang-undang ini telah pun lama dibawa di dalam Dewan yang mulia ini agar perkara-perkara yang terkandung di dalam Rang Undang-undang tersebut sudah lama juga kita laksanakan bagi memastikan keselamatan pesawat-pesawat kita di samping memelihara dan menjaga imej ataupun rekod baik penerbangan dalam negara kita ini.

Tuan Yang Dipertua, mengikut pindaan Rang Undang-undang ini ada peruntukan-peruntukan yang memberikan kuasa kepada pihak-pihak berkuasa penerbangan untuk menangkap, menahan penjenayah-penjenayah penerbangan. Bagi saya

kuasa yang diberikan kepada pihak-pihak berkuasa penerbangan seperti pemandu-pemandu kapal terbang itu sendiri sahaja tidak cukup. Saya suka mencadangkan agar kuasa-kuasa yang sedemikian rupa diberi lebih meluas lagi kepada mereka yang mempunyai tugas dan tanggungjawab untuk menjaga keselamatan serta keharmonian lapangan terbang itu sendiri dan juga menjaga keselamatan dan keharmonian kapal terbang-kapal terbang yang akan menjalankan urusan-urusan penerbangan mereka, juga kuasa yang diberikan kepada pihak-pihak berkuasa penerbangan itu jika sekiranya mencukupi bagaimana di dalam beberapa hal banyak terdapat ataupun berlaku rampasan-rampasan kapal terbang. Jadi kita menganggap bahawa kuasa yang diberikan itu masih lagi tidak cukup dan oleh itu sukalah saya mencadangkan bahawa setiap orang yang hendak masuk ke pintu kapal terbang, bukannya hendak masuk ke pintu menunggu, ke pintu kapal terbang diperiksa dengan teliti agar penumpang-penumpang itu tidak membawa barang-barang yang boleh mengancam keselamatan ataupun nyawa penumpang-penumpang di dalam pesawat yang akan melakukan penerbangan.

Di samping itu, ingin juga saya mencadangkan supaya pihak yang berkuasa memastikan tidak ada orang yang boleh masuk ke dalam kapal terbang semasa kapal terbang itu berhenti untuk menurun ataupun menaikkan penumpang-penumpang di dalam lapangan terbang-lapangan terbang. Jika sekiranya kedua-dua perkara ini dilaksanakan daripada masa ke semasa dan dipertitikberatkan, saya rasa tidak berkemungkinan mereka yang mempunyai niat, yang berhasrat untuk merampas kapal-kapal terbang itu boleh berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja cadangan dan pendapat

yang dapat saya berikan di dalam usaha untuk memberikan sokongan terhadap Rang Undang-undang kesalahan Penerbangan 1984 ini dan akhirnya saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Shamsuri bin Md. Salleh: Yang Berhormat dari Silam.

4.51 ptg.

Tuan Abdillah bin Haji Abdul Hamid (Silam): Tuan Yang Dipertua, saya juga turut bangun bersama-sama Ahli Yang Berhormat yang lain turut membahaskan Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Penerbangan 1984 yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang Dipertua, seharusnya kita memberikan kepujian kepada Kerajaan, khususnya Kementerian yang berkenaan kerana dapat merangka dan memikirkan serta memutuskan supaya Malaysia juga adalah salah satu daripada ahli dan mengikuti ketiga-tiga perjanjian konvensyen seperti Konvensyen Tokyo yang diadakan pada tahun 1963, Konvensyen Hague 1970 dan Konvensyen Montreal 1971. Seharusnya Malaysia sebagai satu negara yang tidak kurang giatnya dalam berniaga penerbangan, Kementerian ini seharusnya diberi kepujian. Malaysia sudah begitu lama bergiat dan mempunyai kapal-kapal terbang yang bertaraf antarabangsa. Kapal-kapal terbang Malaysia ini bukan sahaja menjalankan penerbangan dalam negara ataupun dalam Malaysia tetapi seperti kita semua sedia maklum kapal-kapal terbang kita sudah pun menjelajahi tempat-tempat yang jauh seperti di Eropah, Australia dan negara-negara lain di Asia Tenggara ini. Maka dengan tindakan Kerajaan untuk memutuskan mengikuti ketiga-tiga konvensyen ini maka keselamatan kapal-kapal terbang negara ini akan terjamin. Kapal-kapal terbang sentiasa terancam dari segi

keselamatan dan juga terancam daripada hijackers yang terdapat daripada berbagai-bagai negara di dunia ini. Dengan wujudnya kita mengikuti perjanjian ini maka serba sedikit warganegara, terutama sekali kapal-kapal terbang kita akan mendapat satu kesesuaian di mana mereka ini dapat dilindungi oleh konvensyen-konvensyen yang kita akan ikuti ini.

Tuan Yang Dipertua, di sini juga saya ingin merayu kepada Kementerian yang berkenaan supaya juga memikirkan keselamatan bukan sahaja tentang kapal-kapal terbang seperti Boeing 707 tetapi Kementerian juga seharusnya mengkaji dengan begitu mendalam tentang penggunaan dan keselamatan kapal-kapal terbang yang kecil yang digunakan di dalam negara kita Malaysia.

Selain dari itu, Tuan Yang Dipertua, saya ingin menyentuh berkenaan kuasa-kuasa yang diberi kepada Komander-komander kapal-kapal terbang. Dengan adanya peruntukan dan kuasa undang-undang ini crew-crew dan pilot-pilot ataupun komender-komander kapal terbang dapatlah mengambil tindakan dengan serta-merta apabila mereka mengsyaki salah seorang daripada penumpang kapal terbang itu akan berbuat ataupun akan melakukan sesuatu yang tidak diingini. Dengan adanya kuasa-kuasa ini maka tindakan serta-merta sudah tentu akan dapat diambil oleh pihak yang saya sebutkan tadi.

Dengan itu, Tuan Yang Dipertua, saya juga menyokong Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Penerbangan 1984 ini.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Yang Berhormat dari Tanjong.

4.59 ptg.

Dr Koh Tsu Koon (Tanjong): Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk turut membahas Rang Undang-undang

yang baru yang dinamakan Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Penerbangan 1984.

Tuan Yang Dipertua, memang berpatutanlah supaya kita menjaga keselamatan penumpang-penumpang kapal terbang kerana sentiasanya berlaku perkara-perkara yang tidak diingini seperti kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pengganas-pengganas. Seperti yang kita sedia maklum pada tahun 70an di seluruh dunia terdapat beberapa jenayah yang telah dilakukan oleh pengganas-pengganas antarabangsa yang telah mengakibatkan beberapa kehilangan nyawa yang begitu dahsyat yang mengejutkan penduduk-penduduk dunia ini kerana mereka ini menggunakan kapal terbang sebagai satu alat untuk menunjukkan falsafah pengganas mereka dan dengan ini telah mengancam nyawa penumpang-penumpang.

Akan tetapi, Tuan Yang Dipertua, saya merasa bimbang sedikit tentang apa yang dikemukakan dalam Rang Undang-undang ini khasnya kuasa-kuasa yang diberi kepada komander-komander pesawat udara seperti yang terkandung dalam Fasal 5.

Tuan Yang Dipertua, fasal ini memberi kuasa kepada komander untuk mengambil tindakan-tindakan yang tertentu terhadap mana-mana orang yang dianggap telah melakukan ataupun sedang hendak melakukan apa-apa tindakan dalam pesawat udara itu yang mengancam keselamatan pesawat dan juga penumpang-penumpang.

Di dalamnya ada dikatakan khasnya di dalam sub-seksyen (3) di mana diperuntukkan kuasa untuk meminta bantuan daripada orang-orang lain termasuk anggota pesawat iaitu anak-anak kapal untuk memberi bantuan dalam menghalang mana-mana orang yang komander berhak untuk menghalang dan juga pada bila-bila masa apabila pesawat udara berada

dalam penerbangan, mana-mana orang itu iaitu orang yang ditujukan ataupun diberi hak oleh komander atau orang lain, dan ini yang membimbangkan. Tuan Yang Dipertua, atau orang lain boleh "tanpa mendapat kebenaran daripada komander, mengambil apa-apa langkah seperti yang disebutkan dalam sub-seksyen (2) terhadap mana-mana orang yang dia mempunyai alasan-alasan yang munasabah bagi mempercayai adalah perlu dengan segera untuk melindungi keselamatan pesawat udara" Maka apa yang membimbangkan saya ialah sekiranya mana-mana orang boleh mengambil tindakan hanya atas satu andaian bahawa seorang penumpang yang lain itu akan mengambil tindakan yang mungkin boleh mengancam keselamatan maka orang itu mungkin dengan sendirinya melakukan satu kesalahan kerana proses hendak cuba menahankan seorang penganas ataupun bakal penganas itu bukanlah satu tindakan yang boleh dilakukan oleh sesiapa pun.

Maka dengan ini saya ingin merayu kepada pihak Kerajaan supaya sekiranya berlaku peristiwa seperti ini iaitu yang berkaitan dengan kesalahan penerbangan maka komander-komander harus diberi kuasa untuk diperturunkan kepada orang-orang yang tertentu sahaja khasnya anak-anak kapal yang telah diberi latihan khas bukanlah kepada mana-mana orang kerana seseorang penumpang itu yang mungkin seorang penumpang yang terlalu sensitif ataupun yang mempunyai masalah psaiologi akan mengangap bahawa seorang penumpang yang lain itu ialah seorang bakal penganas maka ini akan menjadikan perkara itu lebih dahsyat dan susah dikawal. Maka saya ingin merayu juga kepada Kerajaan supaya memberi latihan yang mencukupi kepada semua anak kapal, anak kapal sama ada yang berkhidmat dengan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS)

ataupun anak kapal yang berkhidmat dalam syarikat penerbangan yang lain supaya mereka ini tenang dan janganlah melakukan sesuatu yang tidak diingini.

Tuan Yang Dipertua, dengan ini saya mengalu-alukan Rang Undang-undang ini untuk mempertahankan keselamatan penumpang-penumpang penerbangan dan dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang yang baru ini.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Yang Berhormat dari Matang.

5.05 ptg.

Tuan Mohamed Razlan bin Haji Abdul Hamid (Matang): Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang bersama-sama dengan sahabat-sahabat saya untuk berucap dalam perbahasan Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Penerbangan 1984.

Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan khasnya kepada Kementerian yang berkenaan kerana membawa Rang Undang-undang ini untuk dibahaskan di dalam Dewan yang mulia ini demi untuk kebaikan negara ini khasnya bagi ruang angkasa negara kita. Dengan adanya kuasa Rang Undang-undang ini dapatlah kita mengelakkan daripada perkara-perkara yang tidak diingini berlaku di ruang angkasa. Memandangkan banyak perkara-perkara yang tidak diingini telah berlaku ataupun yang akan berlaku di ruang-ruang angkasa terutama kepada penumpang-penumpang yang tidak berdosa di dalam kapal-kapal terbang penumpang.

Sebagaimana yang kita sedia maklum banyak perkara-perkara berlaku terutama penjenayah-penjenayah yang berlaku di atas kapal terbang penumpang seperti mengugut pemandu-pemandu kapal terbang

dengan menghijackkan kapal terbang penumpang tadi dan dibawakan ke sesebuah negara yang tertentu untuk tujuan politik ataupun tujuan-tujuan jenayah.

Tuan Yang Dipertua, kita sedia maklum dan kita selalu dengar berlaku seperti di negara-negara yang tertentu misalnya banyak kapal terbang penumpang yang dihijackkan. Misalnya kapal terbang daripada Amerika Syarikat selalu kita dengar dibawa ke sebuah negara lain iaitu sebuah negara yang menjadi musuh kepada negara tersebut. Misalnya Amerika Syarikat bermusuh dengan sebuah negara yang bernama Cuba. Jadi penjenayah-penjenayah ini apabila tujuan-tujuan ataupun matlamat-matlamat mereka tidak tercapai maka mereka ini akan melakukan jenayah dengan menghijackkan kapal terbang penumpang. Oleh kerana mereka sebagai kita kata orang yang frust mereka tidak dapat melakukan sesuatu tujuan yang dikehendaki oleh mereka itu maka dengan tidak ada jalan lain melainkan dengan cara menghijackkan kapal terbang penumpang. Yang menjadi mangsanya ialah penumpang-penumpang kapal terbang itu sendiri. Maka dengan ini saya memberi sokongan penuh di atas Rang Undang-undang yang dikemukakan oleh Kerajaan untuk meluluskan di dalam Dewan yang mulia ini.

Dengan ini Tuan Yang Dipertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Yang Berhormat dari Kinta.

5.10 ptg.

Tuan Lim Liang Seng (Kinta): Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk turut bersama-sama rakan-rakan saya bagi membahar Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Penerbangan 1984 yang telah dibentangkan sebentar

tadi oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan.

Dewan yang mulia ini telah diberitahu bahawa Rang Undang-undang ini telah dikemukakan dengan bertujuan menguatkuasakan Konvensyen mengenai Kesalahan-kesalahan dan Tindakan-tindakan lain Tertentu yang telah dilakukan dalam Pesawat Udara yang telah ditandatangani di Tokyo pada tahun 1963, Konvensyen mengenai Penindasan Penyitaan Pesawat Udara dengan menyalahi Undang-undang yang telah ditandatangani pada tahun 1970 dan Konvensyen mengenai Penindasan Tindakan-tindakan dengan Menyalahi Undang-undang terhadap Keselamatan Penerbangan Awam yang telah pun ditandatangani di Montreal pada tahun 1971.

Tuan Yang Dipertua, suka saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak Kerajaan kerana telah menyedari bahawa masanya telah sampai untuk mengemukakan Rang Undang-undang seumpama ini. Walau bagaimanapun saya berasa hairan memandangkan ketiga-tiga Konvensyen telah ditandatangani pada tahun 1963, 1970 dan 1971, selepas hampir 13 tahun lebih baharulah pihak Kerajaan di negara ini bersedia untuk membawa satu Rang Undang-undang seumpama ini sebelum negara ini dapat menandatangani perjanjian konvensyen-konvensyen itu sebagai anggota. Tuan Yang Dipertua, pada hemat saya adalah patut Rang Undang-undang seumpama ini dikemukakan dan diadakan lebih awal daripada sekarang ini.

Peruntukan ini atau fasal ini mungkin juga menimbulkan beberapa tandatanya. Apakah caranya untuk memastikan seseorang komander telah gagal mengambil langkah-langkah yang dia telah dibenarkan dan sepatutnya dia mengambil dalam menjalankan tugasnya di pesawat itu

demi untuk keselamatan pesawat dan juga nyawa penumpang di dalamnya?

Saya suka mengingatkan Kerajaan dalam penguatkuasaan ini supaya berhati-hati dan berjaga-jaga. Adalah tidak patut menuduh ataupun benefit of the doubt patut diberikan kepada seseorang dan di sini kepada komander yang berkenaan sebarang prasangka ini adalah tidak patut dan kurang wajar.

Tuan Yang Dipertua, inilah beberapa perkara yang saya bangkitkan dalam membahaskan mengenai Rang Undang-undang yang telah dibentangkan ini dan dengan ini juga saya mengakhiri ucapan saya dengan menyokong Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Penerbangan, 1984. Sekian, terima kasih.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ahli Yang Berhormat dari Lumut.

5.23 ptg.

Tuan Ng Cheng Kuai (Lumut): Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk turut menyertai perbahasan tentang Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Penerbangan, 1984.

Tuan Yang Dipertua, saya tertarik hati kepada Seksyen 5, Seksyen-kecil 3 yang berbunyi:

"5. (3) Mana-mana anggota kru pesawat udara dan mana-mana orang lain dalam pesawat udara boleh, atas permintaan atau dengan kuasa komander pesawat udara itu, dan mana-mana anggota itu hendaklah jika dikehendaki sedemikian oleh komander itu, memberi bantuan dalam menghalang mana-mana orang yang komander berhak di bawah sub-seksyen (2) untuk menghalang; dan pada bila-bila masa apabila pesawat

udara berada dalam "penerbangan mana-mana orang itu atau orang lain boleh, tanpa mendapat kebenaran daripada komander, mengambil apa-apa langkah seperti yang disebutkan dalam sub-seksyen (2) terhadap mana-mana orang yang berada dalam pesawat udara yang dia mempunyai alasan-alasan yang munasabah bagi mempercayai adalah perlu dengan segera untuk melindungi keselamatan pesawat udara atau orang-orang atau harta dalam pesawat udara."

Tuan Yang Dipertua, nampaknya, sub-seksyen ini memberi kuasa yang amat luas dan menyeluruh kepada komander atau anak-anak kapalnya. Walau bagaimanapun, saya berpendapat jika anak-anak kapal yang diberikan kuasa yang tercatat dalam subseksyen itu. Kalau mereka tidak mahir atau tidak terlatih dalam bidang mencegah jenayah, mereka mungkin tidak begitu cekap untuk menghalang apa-apa bahaya yang mungkin berlaku. Sebagai satu contoh, misalnya jika sesuatu pesawat dalam penerbangan antarabangsa jika terdapat seorang penganas yang mempunyai sebutir bom, kemungkinan besar anak-anak kapal itu tak mahir, tidak mempunyai pengetahuan atau kecekapan untuk menghalang dan jika penganas itu tidak dihalang dengan cara yang sesuai, mungkin letupan bom boleh berlaku dalam kapal terbang itu.

Jadi apa yang terlintas kepada saya ialah sekurang-kurangnya anak-anak kapal kita perlu diberikan latihan-latihan asas bagi memenuhi kehendak-kehendak sub-seksyen ini kerana melalui sub-seksyen ini mereka telah dianugerahkan kuasa-kuasa yang tertentu.

Tuan Yang Dipertua, sebelum saya membaca Akta ini, saya pun telah memikir tentang keselamatan bagi penumpang-penumpang MAS (Malaysian Airlines System) iaitu "flight carrier" kita. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada penerbangan MAS adalah diuruskan dengan langkah-langkah keselamatan yang tertentu misalnya sama ada sekurang-kurangnya bagi kawasan tertentu, sekurang-kurangnya ada seorang pegawai polis yang terlatih yang mengiringi penerbangan-penerbangan yang berkenaan supaya keselamatan penumpang-penumpang boleh dikawal.

Jadi saya berharap Yang Berhormat Menteri boleh memberi sedikit penjelasan tentang perkara ini. Dengan kata-kata demikian, Tuan Yang Dipertua, saya menyokong Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Penerbangan, 1984 yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Sekian, terima kasih.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ahli Yang Berhormat dari Parit.

5.27 ptg.

Tuan Ahmad Hambal bin Yeop Majlis (Parit): Terima kasih, Tuan Yang Dipertua. Saya juga turut bangun untuk memberikan sokongan kepada Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Penerbangan, 1984 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan sebentar tadi.

Tuan Yang Dipertua, dengan pembentangan Rang Undang-undang ini adalah menunjukkan kepada kita bahawa betapa mustahaknya pihak Kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan untuk menentukan pengawasan dan juga keselamatan di lapanganterbang-lapanganterbang dan juga penerbangan-penerbangan di

angkasa yang bermakna untuk menjaga keselamatan nyawa penumpang-penumpang dan juga anak-anak kapal yang tidak berdosa.

Ini menunjukkan bahawa betapa Kerajaan kita begitu bersungguh-sungguh untuk menentukan keselamatan nyawa rakyat tidak kira mereka berada di muka bumi ataupun di angkasa. Jadi saya bersama-sama dengan rakan-rakan, Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain memberikan sokongan yang penuh kepada Rang Undang-undang yang dibentangkan ini.

Tuan Yang Dipertua, di dalam dunia modern kita hari ini kehidupan manusia penuh dengan keadaan yang terdesak. Kehidupan manusia juga sentiasa di dalam keadaan yang mencari-cari untuk memenuhkan kehendak hidup mereka. Maka di sini sudah tentulah timbul berbagai keadaan yang menjadikan dunia ini penuh dengan keadaan yang boleh mengganggu penghidupan rakyat Penjahat-penjahat sentiasa berkeliaran di mana-mana sahaja sama ada mereka bertujuan untuk mendapat kekayaan dengan cepat ataupun untuk membalas dendam. Penjahat-penjahat ataupun penjenayah-penjenayah itu selalunya langsung tidak memikirkan akan keselamatan dan nyawa orang lain. Apa yang difikirkan oleh mereka ialah untuk memuaskan nafsu dan kemahuan hati mereka untuk mencapai cita-cita yang jahat tersebut.

Tuan Yang Dipertua, kalau keadaan yang timbul ataupun keadaan yang mengancam ini berlaku di muka bumi ataupun di daratan, kita cukup dengan angkatan tentera, kita cukup dengan pasukan polis untuk mengawal keselamatan awam. Maka sudah tentulah keselamatan di udara menjadi tanggungjawab kepada Kementerian Pengangkutan untuk menyediakan satu undang-undang yang ketat dan menyediakan satu peraturan yang cukup kemas bagi menentukan

keselamatan pesawat-pesawat udara dan juga nyawa penumpang-penumpang dan anak-anak kapal yang berada di angkasaraya. Jadi untuk mencegah penjenayah ataupun penjahat ketika pesawat udara sedang melakukan penerbangan tentulah begitu sukar sekali. Kalaulah penjahat-penjahat yang demikian sudah berada di dalam pesawat udara itu sudah tentulah tidak ada jalan lain untuk kita, untuk Kerajaan untuk menghalang tindakan-tindakan ganas yang akan mereka lakukan. Melainkan pihak Kerajaan akan tunduk kepada kehendak-kehendak mereka seperti membebaskan tahanan-tahanan perang ataupun membayar sejumlah wang yang besar sebagai tebusan dan sebagainya. Dan sekiranya pihak kita ataupun pihak Kerajaan tidak sanggup untuk melayan atau menunaikan kehendak-kehendak mereka ini sudah tentulah nyawa penumpang-penumpang pesawat udara tersebut akan terancam sekali.

Tuan Yang Dipertua, saya menimbulkan masalah-masalah ini ialah kerana memikirkan ataupun kerana selalu kita mendengar betapa penjenayah dan juga penjahat ini kerap kali menawan atau hijack kapal terbang termasuk yang pernah berlaku di negara kita beberapa tahun yang silam. Jadi, apabila perkara yang seperti ini berlaku maka kita tidaklah dapat membiarkan dan kita seharusnya bersedia dengan lebih teratur, bersedia dengan lebih awal bagi mengelakkan supaya keadaan yang seperti ini tidak terus berlaku dan ini juga akan menjaga nama baik dan imej negara kita di dunia-dunia lain.

Tuan Yang Dipertua, kalau kita lihat pula akan dasar negara kita, terutamanya mengenai keadaan yang berlaku di Timur Tengah. Peperangan antara Israel dan juga dengan rakyat-rakyat Palestin. Dasar kita menyokong perjuangan pejuang-pejuang rakyat Palestin. Maka sudah tentu ini akan menimbulkan satu rasa kurang

puashati pihak Israel dan mereka sudah tentulah menganggap Malaysia ialah sebuah negara yang menentang mereka. Maka kita tahu bahawa rakyat-rakyat Israel, rakyat-rakyat Yahudi ini berada di merata-rata dunia dan mereka berkehendakkan sokongan. Mereka mahu perjuangan mereka menentang Palestin, menawan dunia-dunia Arab akan berjaya. Maka sudah tentulah mereka ini menyamar dan mencari jalan untuk mengancam negara-negara tersebut termasuk negara kita yang menentang perjuangan mereka. Jadi sudah tentulah satu cara perjuangan mereka ialah dengan menawan kapal-kapal terbang, pesawat-pesawat udara. Oleh itu, oleh kerana dasar negara kita yang demikian maka sudah tentulah kita perlu berhati-hati bagi menentukan bahawa pesawat udara kita sentiasa selamat.

Di sini seperti yang saya kata tadi kalau sekiranya penjenayah ataupun penjahat tersebut telah berada di dalam kapal terbang tentulah amat sukar sekali untuk kita menyelesaikan masalah dan menghalangkan tindakan-tindakan mereka. Oleh itu saya mencadangkan kepada Kementerian Pengangkutan supaya kawalan-kawalan di lapangan-lapangan terbang kita, terutamanya lapangan-lapangan terbang Antarabangsa hendaklah diperketatkan lagi. Bukanlah sahaja kawalan pintu masuk ke lapangan tersebut perlu diketatkan tetapi tiap-tiap penumpang kerana kita tidak dapat mengenali yang mana orang baik dan yang mana orang jahat. Tiap-tiap penumpang yang masuk ke pesawat yang akan berlepas penerbangannya hendaklah dicek ataupun hendaklah disiasat dengan teliti sekali daripada pakaiannya, daripada beg yang dibawanya dan apa sahaja yang boleh dsyakki. Tiap-tiap penumpang hendaklah dibuat penyiasatan yang cukup teliti supaya tiap-tiap mereka yang berada di dalam kapal terbang ataupun dalam pesawat yang akan

berlepas ialah orang yang benar-benar hendak menunaikan tanggungjawab ataupun yang hendak pergi benar-benar melakukan penerbangan untuk ke mana-mana yang dihasratkannya. Bukan ada antara mereka terdapat orang-orang yang cuba hendak melakukan perbuatan jahat yang boleh merosakkan ataupun yang mengancam nyawa penumpang-penumpang yang lain.

Tuan Yang Dipertua, daripada apa yang telah saya huraikan ataupun pandangan saya tersebut maka saya rasa Rang Undang-undang yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi iaitu Rang Undang-undang Kesalahan Penerbangan 1984 adalah benar-benar begitu baik, benar-benar begitu berkesan untuk menjaga keselamatan penerbangan pesawat kita.

Maka dengan itu saya dengan sepenuh hati memberi sokongan kepada Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Shamsuri bin Mohd. Salleh:
Yang Berhormat dari Pasir Putih.

5.39 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk menyokong satu Akta bagi menguatkuasakan Konvensyen dan juga kesalahan-kesalahan dan tindakan yang diadakan di Tokyo dan juga di Hague dan di Montreal. Jadi, Konvensyen yang diadakan di ketiga-tiga tempat ini adalah demi untuk keselamatan antarabangsa. Jadi dengan menguatkuasaan undang-undang di negara kita ini hendaknya keadaan kesalahan ini tidak akan berlaku lagi, ataupun jika sekiranya berlaku kesalahan maka sesuatu tindakan harus diambil kepada mereka yang terlibat yang melanggar kesalahan yang dibentangkan ini.

Tetapi apakah keputusan Konvensyen yang dihadiri oleh beberapa buah negara yang ada hubungan di dalam penerbangan ini akan membuat undang-undang yang sama dan menguatkuasaan undang-undang yang sama sebagaimana negara kita lakukan.

Kalau sekiranya keputusan Konvensyen ini tidak dilakukan oleh negara-negara yang menjadi ahli kepada Konvensyen tersebut maka sia-sialah sahaja menguatkuasaan undang-undang ini dilakukan di dalam negara kita sahaja. Kerana keadaan ini akan berlaku di mana-mana bukan sahaja berlaku di penerbangan di negara kita tetapi penerbangan dari negara-negara lain yang juga ada hubungan dengan penerbangan di negara kita. Kalau sekiranya ada negara-negara yang menghadiri Konvensyen ini tidak akan menguatkuasakan undang-undang sebagaimana yang kita menguatkuasakan undang-undang pada hari ini maka negara kita seharusnya menjadi orang yang utama untuk mengusulkan perkara ini supaya setiap negara yang menghadiri Konvensyen ini akan mematuhi ketiga-tiga peraturan dan keputusan Konvensyen yang diadakan ini. Kalau tidak sia-sialah sahaja menguatkuasaan di dalam negara kita kerana negara-negara besar, negara yang lebih maju yang lebih banyak penjenayah-penjenayah yang berlaku, penjenayah antarabangsa, sudah tentulah kita tidak dapat elakkan jenayah udara yang berlaku berleluasa sekarang ini.

Untuk menjaga keselamatan ini pokoknya ialah kita hendaklah mengadakan keselamatan yang lebih ketat lagi sebagaimana rakan-rakan kita telah pernah menyebutkan bahawa kita hendaklah memperketatkan keselamatan supaya tindakan yang kita ambil sama ada sebelum menaiki kapal terbang ataupun di dalam kapal terbang

sebagai kata pepatah: kita menarik rambut di dalam tepung bahawa rambut yang kita tarik tidak putus dan tepung yang ada itu tidak akan rosak. Begitulah susahnya tindakan yang kita akan ambil.

Dengan keadaan seperti ini maka dengan adanya undang-undang ini sahaja tidak akan dapat mengelakkan daripada perkara-perkara yang tidak diingini berlaku di dalam penerbangan ataupun sebelum penerbangan demi keselamatan awam. Kerana yang pentingnya ialah peralatan dan juga latihan serta juga pengetahuan tertentu diberi kepada mereka yang bertanggungjawab di dalam menentukan atau mereka yang bertanggungjawab sama ada komandernya ataupun crewnya.

Jadi, memberi latihan-latihan sebagaimana yang dimajukan oleh saudara saya dari Lumut tadi. Latihan-latihan ini jika perlu latihan komando, latihan-latihan penggunaan alat-alat senjata, latihan-latihan yang boleh mengambil tindakan yang sewajarnya sebagaimana saya katakan tadi tidak akan membahayakan dengan keadaan yang begitu rumit. Kalau kuasa-kuasa diberi sahaja tidak menjadi perkara yang boleh mengelakkan. Kuasa yang diberi itu hanya jika sekiranya benda itu telah berlaku tetapi dengan kuasa-kuasa yang ada ini tidak akan dapat kita mengelakkan daripada penjenayah ini tidak berlaku, hanya dapat menjalankan hukuman setelah perkara ini berlaku.

Dengan sebab itulah mem-perketatkan keselamatan sebelum berlaku adalah lebih penting daripada mengadakan undang-undang memperkuatkan perkara ini setelah berlaku. Kerana kalau benda itu sudah berlaku maka sudah tidak penting lagi kita membuat itu dan ini kerana mereka yang bersalah sudah tetap bersalah sebagaimana hukuman ini

tetapi pengorbanan ataupun jiwa yang terkorban itu tidak akan dapat kita tebus kembali. Selain daripada itu kuasa-kuasa yang diberikan ini juga harus diamati supaya tidak disalahgunakan kuasa dengan keadaan-keadaan yang ada itu, kerana dengan kuasa uang begitu besar mungkin tindakan-tindakan yang melulu akan berlaku yang boleh membahayakan orang-orang awam atau manusia-manusia lain di dalam penerbangan itu harus juga diambil perhatian supaya penyalahgunaan kuasa dan juga kuasa yang lebih tidak akan diberi.

Selain daripada itu sebagaimana yang kita tahu kalau kita kata sama ada penerbangan awam ataupun penerbangan penumpang janganlah kita jadikan penerbangan yang kita lakukan itu merupakan tempat latihan. Kalau kita hendak mengadakan latihan adakan latihan tetapi jangan jadikan kenderaan awam—penerbangan merupakan satu tempat latihan. Sekiranya seseorang Komander itu patut memandu kapal terbangnya dan patut co-pilotnya di sebelah pemandunya—maka tidak seharusnya jika mereka itu tidak berkelayakan untuk memandu jangan dibenarkan mereka itu memandu kerana kita takut di dalam keadaan yang ada pernah berlaku bahawa orang yang tidak sepatutnya menjadi pilot tiba-tiba menjadi pilot dan juga ini pernah berlaku menyebabkan keadaan-keadaan yang tidak sepatutnya berlaku terutama di masa kita dapat merasai di masa landing, di masa hendak mendarat pernah berlaku, siapa yang paling berkuasa di situ sebagai pilot dan tidak harus diserahkan kepada orang yang di dalam latihan untuk melakukan pendaratan dan ini pernah berlaku dan keadaan ini hendaknya tidak akan berlaku dan ini boleh membahayakan nyawa orang ramai, nyawa dan juga keadaan yang tidak baik berlaku di dalam penerbangan-penerbangan.

Selain daripada itu kalau sekiranya dengan undang-undang ini sahaja saya rasa, sebagaimana saya katakan tadi kita hanya dapat menghukum orang yang bersalah tetapi kesalahan akan tetap berlaku. Maka dengan sebab itu peralatan-peralatan yang moden dan juga kakitangan yang cekap di dalam menentukan penerbangan ini patut diutamakan. Kalau kita hanya mahukan keselamatan tetapi peralatan moden, kelengkapan yang sepatutnya kita adakan tidak diadakan maka harapan kita untuk menjaga keselamatan bagi penumpang-penumpang awam tidak akan dapat kita kekalkan.

(Dr Abdul Hamid bin Pawanteh
mempengerusikan Mesyuarat)

Itulah harapan saya bahawa dengan penguatkuasaan keputusan Konvensyen di dalam keselamatan dan juga tindakan-tindakan tertentu di dalam pesawat udara ini hendaknya akan memberi kebaikan kepada kita dan juga dapat mengelakkan daripada nyawa kita atau nyawa penumpang-penumpangnya daripada ancaman penjenayah-penjenayah dan juga tindakan-tindakan yang tidak melulu, tindakan-tindakan yang boleh menyelamatkan nyawa orang awam adalah lebih penting.

Dengan itu saya menyokong pindaan Undang-undang Penguatkuasaan Undang-undang Konvensyen yang dibentangkan pada hari ini.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Yang Berhormat dari Padang Rengas.

5.48 ptg.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah (Padang Rengas): Tuan Yang Dipertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih di atas peluang yang telah diberikan kepada saya untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan mengenai Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Penerbangan 1984.

Tuan Yang Dipertua, izinkan saya mengambil kesempatan untuk menyampaikan dan merakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan tahniah kepada Kerajaan khususnya Kementerian Pengangkutan kerana telah berusaha bagi mengadakan atau membentangkan sebuah Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Penerbangan 1984 di Dewan yang mulia ini. Hasrat Kerajaan membawa Rang Undang-undang ini ke Dewan yang mulia ini adalah dialu-alukan oleh semua pihak terutama mereka yang sering kali menggunakan pesawat-pesawat penerbangan negara dewasa ini dan mungkin di masa akan datang. Ini adalah juga mencerminkan tentang rasa tanggungjawab Kerajaan yang bersimbolkan "Bersih, Cekap dan Amanah" di dalam usaha memberikan perlindungan dan keselamatan kepada penumpang-penumpang di dalam pesawat-pesawat penerbangan negara.

Walau bagaimanapun, saya yakin dan percaya sebagaimana yang disuarakan oleh ramai daripada sahabat-sahabat saya bahawa undang-undang semata-mata tidak akan dapat memberi kekesanan ataupun harapan sepertimana yang kita kehendaki melainkan mestilah disertakan dengan tindakan-tindakan yang positif di dalam beberapa perkara.

Tuan Yang Dipertua, kalau kita melihat kepada Fasal 5 umpamanya, izinkan saya membaca sedikit berkenaan dengan Rang Undang-undang ini:

Kuasa-kuasa komander pesawat udara. 5. (1) Peruntukan-peruntukan sub-seksyen (2), (3), (4) dan (5) hendaklah berkuatkuasa bagi maksud-maksud apa-apa prosiding di mana-mana mahkamah di Malaysia.

(2) Jika komander sesuatu pesawat udara dalam penerbangan, di mana saja pesawat udara itu berada, mempunyai alasan-alasan yang munasabah bagi mempercayai berkenaan

dengan mana-mana orang dalam pesawat udara—

(a) bahawa orang yang berkenaan itu telah melakukan atau sedang hendak melakukan apa-apa tindakan dalam pesawat udara itu semasa berada dalam penerbangan yang mengancam atau mungkin mengancam—

- (i) keselamatan pesawat udara atau orang-orang atau harta dalam pesawat udara; atau
- (ii) ketertipan dan disiplin dalam pesawat udara; atau

(b) bahawa orang yang berkenaan itu telah melakukan dalam pesawat udara itu semasa berada dalam penerbangan apa-apa tindakan yang pada pendapat komander adalah suatu kesalahan yang serius di bawah mana-mana undang-undang yang berkuatkuasa di negara di mana pesawat udara itu didaftarkan, yang bukannya undang-undang yang bersifat politik atau berdasarkan diskriminasi bangsa atau agama, maka dengan tertakluk kepada sub-seksyen (4), komander boleh mengambil apa-apa langkah yang munasabah terhadap orang itu, termasuk menghalang diri orang itu, sebagaimana perlu—

- (i) untuk menjaga keselamatan pesawat udara atau orang-orang atau harta dalam pesawat udara;

(ii) untuk menjaga ketertipan dan disiplin dalam pesawat udara; atau

(iii) untuk membolehkan komander turun kapal atau menyerah-hantar orang itu mengikut sub-seksyen (5) dan bagi maksud perenggan (b), mana-mana pesawat udara kawalan Malaysia hendaklah disifatkan didaftarkan di Malaysia sama ada atau tidak ia sebenarnya didaftarkan sedemikian dan sama ada atau tidak ia sebenarnya didaftarkan sedemikian di suatu negara lain."

Jika kita membaca dan memahami Fasal 5 ini adalah terbukti sebagaimana yang saya katakan tadi, di sinilah terletaknya hasrat Kerajaan untuk memberi perlindungan kepada penumpang-penumpang di dalam pesawat-pesawat penerbangan negara kita. Apa yang dipersoalkan sejauh manakah kecekapan, kemampuan kebolehan pegawai-pegawai atau komander-komander yang telah kita amanahkan untuk bertindak mencegah sebarang perbuatan jenayah yang boleh menyusahkan penumpang-penumpang, akhirnya akan menjejaskan sumber pendapatan negara yang bersendikan pesawat-pesawat penerbangan dan juga mungkin akibatnya akan menakutkan masyarakat-masyarakat antarabangsa untuk menggunakan pesawat-pesawat negara kita.

Oleh sebab itu sesuai dengan slogan "Bersih, Cekap dan Amanah" patutlah di dalam masa Kerajaan hendak memberikan pangkat komander dan sebagainya, mereka hendaklah dipilih bukan sahaja dari segi kemahiran

ataupun pengetahuan ataupun lama masa berkhidmat atau kekananan di dalam perkhidmatan tetapi yang lebih penting ialah semangat dan rasa tanggungjawab pegawai-pegawai itu kepada perkhidmatan atau amanah yang diberikan oleh Kerajaan atau negara. Semangat yang seperti inilah yang boleh membantu pegawai-pegawai kita menjadi seorang pegawai yang cekap, berkemampuan bagi menghadapi sebarang cabaran yang boleh menjejaskan nama baik pesawat penerbangan kita.

Mereka seharusnya menyedari hakikat bahawa jawatan yang disandanginya itu bukanlah merupakan semata-mata sesuatu penghormatan kerana kebijaksanaan atau lama masa perkhidmatan mereka di dalam sektor penerbangan, tetapi ianya adalah merupakan suatu amanah daripada Allah Subhanahu wata ala dan harapan negara kerana kalau seringkali kapal-kapal terbang kita dilanda oleh keadaan-keadaan yang mem-bimbangkan penumpang-penumpang dan berita ini mudah sahaja tersibar di seluruh dunia, maka ini sebagaimana yang saya katakan tadi akan melumpuhkan ekonomi dan seterusnya pembangunan negara kita pada keseluruhannya kerana dewasa ini tidak ada satu alat yang lebih mudah dan cepat untuk manusia sampai dari satu tempat ke satu tempat selain daripada menggunakan pesawat penerbangan.

Di dalam suasana masyarakat mengejar kemajuan di zaman sains dan teknologi ini masa adalah merupakan satu faktor yang sangat penting bagi mereka di dalam menjalankan apa-apa urusan sama ada di sektor perdagangan, perhubungan dan sebagainya. Oleh sebab itu pesawat penerbangan merupakan satu infrastruktur yang sangat penting di dalam perhubungan masyarakat antarabangsa. Kalau lumpuh jentera penerbangan kita maka lumpuhlah

pembangunan dan perhubungan dengan dunia luar.

Memandang kepada hakikat ini jelas membuktikan bahawa tanggungjawab seorang pemandu di dalam mana-mana pesawat penerbangan adalah merupakan tanggungjawab yang sangat penting kerana mereka adalah sebagai salah satu pihak yang akan menentukan maju mundurnya pembangunan sesebuah negara itu. Oleh sebab itu di dalam kenaikan pangkat maka keutamaan hendaklah diberi kepada mereka yang mempunyai rekod perangai, kelakuan dan tingkah laku serta budi pekerti yang tinggi, bukan kerana akademik dan pengalaman mereka semata-mata. Pegawai-pegawai yang mempunyai budi pekerti yang tinggi, pegawai-pegawai yang mempunyai rasa tanggungjawab terhadap diri, bangsa dan negara disertai dengan pengetahuan dan pengalaman yang luas, inilah yang dikatakan harapan bangsa dan harapan negara.

Untuk menentukan lahirnya manusia yang kita katakan orang menjadi harapan bangsa dan negara terletak kepada kita sendiri, iaitu Kerajaan. Bak kata orang tua-tua, pisau ada di tangan kita, timun ada di tangan kita, potonglah mengikut selera kita. Kalau kita hendak bulat-bulat, potong sahaja bulat-bulat, kalau kita mahu jalur-jalur panjang-panjang, potong sahaja jalur panjang-panjang. Jangan kita heboh mengapa jalur panjang-panjang sedangkan kita sukakan yang bulat. Itu salah kita, kerana kita yang memotong jalur panjang-panjang. Kesimpulan Kerajaan adalah memikul amanah yang sangat berat di dalam menentukan keselamatan di dalam pesawat penerbangan ini. Kehendak Allah itu di luar kuasa kita. Tetapi usaha dan ikhtiar kita perlu lakukan. Kalau kita sudah meletakkan seorang pegawai komander yang mempunyai budi pekerti yang tinggi yang mempunyai rasa tanggungjawab, kita

cinta dan kasih kepada bangsa, negara dan agama, pandai dan bijak, maka sudah tentu kita akan berjaya.

Oleh sebab itu, di dalam sistem kenaikan pangkat bagi mereka ini perlu diperketatkan. Walaupun saya bukanlah menuduh, janganlah kata setengah orang ada yang pandai "ampuism," ini kita bagi naik pangkat fasal pandai baik-baik dengan Menteri-menteri, kita bagi dia naik pangkat. Tetapi kita tidak tahu bagaimana semangat dan kecintaan, kesetiiaannya kepada bangsa, negara dan agama. Kalau ini sudah berlaku bukan komander itu yang bersalah, orang yang melantik kenaikan pangkat itulah yang akan dipertanggungjawab, akan jawab di hadapan Khadir Rabbuljalil kelak.

Tuan Yang Dipertua, selain daripada memperketatkan sistem atau meneliti sistem kenaikan pangkat ini, pegawai-pegawai kita juga perlu sering kali diberi pendedahan yang sesuai dengan tugas dan peranan sebagai seorang komander atau pekerja-pekerja di dalam pesawat penerbangan. Pengalaman dan pendedahan ini tidak hanyalah mesti terbatas di dalam negara sekalipun kita mempunyai segala kelengkapan yang moden, tetapi kita juga mestilah menjau bagaimana kemajuan-kemajuan, bagaimana kaedah-kaedah, bagaimana pendekatan-pendekatan yang dibuat oleh lain-lain negara di dunia ini. Maksud saya mereka mestilah didedahkan dengan pengetahuan-pengetahuan di peringkat antarabangsa. Mereka hendaklah dibenarkan membuat lawatan sambil belajar ke luar negeri supaya pengalaman dan pengetahuan mereka mampu untuk menghadapi cabaran yang bakal timbul dalam masa mereka bertugas.

Tuan Yang Dipertua, satu perkara yang menjadi bukan sahaja masalah nasional tetapi masalah international, masalah antarabangsa, ialah wujudnya

satu kumpulan penjenayah-penjenayah yang memang bertujuan dilatih, diasuh untuk menjadi penjenayah di dalam pesawat penerbangan di seluruh dunia. Ini sebagai contoh umpamanya, siapa sangka satu ketika pengawal-pengawal mereh kalau tidak salah saya, dari negara matahari telah sampai ke Kuala Lumpur dan kita hantar seorang orang kita, kalau tidak salah saya Yang Berbahagia Dato Ramli Omar untuk membawa balik penjenayah-pejenayah itu sampai ke Kuala Lumpur. Cerita-cerita yang berlaku di lain-lain negara banyak, boleh kata sering kali kita dengar perampasan-perampasan kapal terbang dan sebagainya. Keadaan yang berlaku di lain-lain negara itu tidak boleh dipandang sepi kerana mereka mempunyai rangkaian, hubungan dari satu negara ke satu negara. Kerja mereka ialah untuk mengancam penerbangan di seluruh dunia. Ini adalah satu perkara yang saya katakan tadi satu masalah di peringkat antarabangsa. Kita tidak boleh berpuas hati dengan ada konvensyen di antara negara-negara semata-mata, tetapi kita perlu mempelajari dan mengambil iktibar daripada keadaan-keadaan yang berlaku di lain-lain negara. Maksud saya, pihak Kementerian ini hendaklah memberi perhatian yang serius terhadap perbuatan perampasan kapal-kapal terbang yang berlaku di dunia sekarang ini. Kita tidak boleh berihat—relax, kerana di negara kita tidak berlaku. Bak kat pepatah Melayu "Jangan sangka air tenang tiada buaya." mungkin lebih besar daripada air deras buaya menunggu di sana; kita tidak nampak. Dengan kita-kita masuk mulut buaya.

Oleh sebab itu, saya menyokong pendapat-pendapat rakan-rakan saya bahawa pihak Kerajaan hendaklah bukan sahaja mempengaruhi lain-lain negara kalau boleh barangkali kita sendiri sekali sekala menganjurkan suatu konvensyen atau persidangan di

peringkat antarabangsa khusus membincangkan bagaimana kaedah dan cara hendak mencegah penjenayah-penjenayah perampasan kapal terbang yang berlaku di seluruh dunia ini. Kerana mereka yang melakukan atau menjadi penjenayah ini juga manusia, bukan jin atau syaitan. Dia ada mempunyai dua mata, dua telinga, dua tangan dan dua kaki seperti kita. Kalau dia boleh melakukan perbuatan, kita mesti boleh menangkis perbuatan mereka. Inilah kewajipan kita. Ini sudah menjadi lumrah alam hidup lawan mati, sihat lawan sakit.

Selain daripada itu, saya juga menyokong pendapat rakan saya dari Parit kita hendaklah bersikap sedia payung sebelum hujan. Janganlah sudah terantuk baru tengadah. Maksud saya kawalan keselamatan lapangan terbang ini hendaklah dijaga sepanjang masa dan setiap detik kerana orang-orang ini hanya menunggu masa, menunggu ruang; bila kita lalai, bila kita alpa dia akan masuk. Sedar-sedar duduk dalam kapal terbang, dalam tandas atau mana-mana kita tidak tahu.

Kita jangan hanya sibuk mengawal waktu penerbangan hendak berjalan atau waktu pesawat sampai tetapi waktu-waktu yang lain kita relax, tidak ada apa-apa. Kita tidak peduli siapa yang masuk, kita tidak merasa cemburu, tidak ada syak wasangka terhadap seseorang yang barangkali dia menyamar sebagai orang tua bongkok-bongkok masuk kita kata "ah ini pengemis, peduli apa", dia masuk. Dengan sebab itu kita perlulah sediakan payung sebelum hujan.

Kawalan-kawalan di lapangan terbang ini perlu diperketatkan kerana kalau sudah penjenayah ini masuk ke dalam kapal terbang ini merupakan satu dilema. Kata Pepatah Melayu "Telan mati emak, di luah mati bapa". Kalau dia ada sub-machine gun apa cerita komando kita, pistol entah di

mana. Awak letak pistol kalau tidak aku tembak, aku bunuh semua. Dia hendak jaga nyawa dia, masa itu terujilah ketaatan dia.

Barangkali kita tahu dia mati kerana dia mempertahankan negara maka kita pun memberikan penghormatan sebagai seorang komando harapan negara. Itu sahajalah. Tetapi mangsa orang yang di dalam kapal terbang itu sudah menerima akibatnya dari perbuatan jenayah. Sebab itu kita cegah. Dan pengawal-pengawal di lapangan terbang ini bukanlah disuruh mereka pakai cota sahaja. Apa hendak dibuat? Barangkali kalau zaman dulu ada ilmu sakti dia boleh tunjuk dan jadi macam-macam, sekarang cotar kita tidak ada apa-apa. Kita tunjuk sahaja dia senyum, cota!

Jadi, patutlah pengawal-pengawal ini diperlengkapkan dengan alat-alat moden sesuai dengan zaman kemajuan sains dan "teknologi" ini.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Teknologi.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Teknologi. Kadang-kadang tersilap.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Saya pun selalu silap Yang Berhormat.

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Di zaman sains dan teknologi ini. Saya tekankan "teknologi". Jadi, sesuai dengan keadaan kita yang menjadi sebagai negara di dalam kumpulan negara dunia ketiga, di mana kita bebas dari belunggu dan ikatan pengaruh kuasa-kuasa barat, bererti maknanya kita lebih bebas, hendak ke timur, hendak ke barat dan sebagainya kerana kita masuk negara-negara berkecuali atau dipanggil sekarang sebagai negara dunia ketiga.

Maka dengan sebab itu saya rasa tidak menjadi apa-apa masalah untuk kita melihat alat-alat moden dan berkesan yang digunakan di dalam lapangan-lapangan terbang di seluruh dunia ini.

Barangkali bukanlah kita mesti hendak melawat pada tiap-tiap negara di dunia, mungkin kita akan pilih negara-negara yang maju, negara-negara yang mempunyai kelengkapan yang moden dalam sistem pengawalan di lapangan terbang. Dengan adanya alat-alat yang seperti ini saya rasa sedikit sebanyak akan menjadi penghalang kepada penjenayah-penjenayah untuk masuk dengan sewenang-wenangnya di dalam kawasan-kawasan kawalan kita. Dan perkara ini kita juga perlu maklumkan kepada kedutaan-kedutaan asing di negara ini bahawa ini bukanlah menunjukkan bahawa negara kita dalam keadaan yang tidak setabil; semata-mata adalah untuk berjaga-jaga sahaja. Tidak semestinya kita meletak barisan tentera dengan benet terpacak di hujung senapang sepanjang jalan lapangan terbang periksa tiap-tiap orang hendak datang, tidak semestinya begitu. Kalau kita mengadakan pengawal-pengawal dengan alat-alat yang moden saya rasa ini bukan sahaja akan dapat membantu kita mencegah penjenayah-penjenayah masuk ke kawasan-kawasan larangan akan tetapi memberi jaminan keselamatan terutama kepada pelancong-pelancong yang datang daripada luar negeri ke negara kita.

Jika langkah-langkah yang positif dapat diambil bagi memperketatkan kawalan di lapangan-lapangan terbang ini saya berkeyakinan sedikit sebanyak kita akan dapat melihat kesan yang baik dalam sistem kawalan penerbangan di negara ini.

Tuan Yang Dipertua, selain daripada pengawal-pengawal keselamatan di lapangan terbang, kecekapan komander-komander dan pekerja-pekerja kita di dalam pesawat penerbangan satu faktor yang seringkali berlakau ialah kerosakan jentera-jentera pesawat-pesawat itu sendiri. Ini suatu masalah, bila kita

dingar berita sebuah pesawat rosak di udara, serta-merta jiwa kita atau perasaan kita merasa cemas, kerana kita dapat gambarkan apa akan berlaku kalau pesawat sudah rosak di udara, samalah seperti jentera kapal rosak di tengah lautan yang luas.

Kita seringkali mendengar jentera kereta rosak, tetapi perasaan kita tidaklah begitu gerun kalau motokar rosak kerana ianya berada di bumi. Walaupun barangkali susah mendapat formen, tetapi keselamatannya agak lebih terjamin, tetapi kalau jentera-jentera pesawat penerbangan ini rosak, maka sudah pasti akan menimbulkan suatu suasana yang cemas kepada penumpang-penumpang sekalipun belum lagi mereka menerima akibat daripada kerosakan itu. Umpamanya, kalau patut sampai di Kuala Lumpur ini dia mendarat, tiba-tiba dia tidak mendarat dia pusing sahaja.

Saya pernah sekali balik daripada Mekah. 2-3 kali dia berpusing, saya bertanya fasal apa? Dia kata tidak apa-apa kerana tidak ada tempat kosong—Alhamdulillah, kalau dia kata rosak Tuhan yang tahu, itu sudah dekat nampak bumi negara kita, kalau ditengah-tengah perjalanan yang apa pun tidak nampak, awan sahaja kita tengok, rosak tidak tahu hendak cerita, barangkali pada waktu itulah tempat yang paling mustajab manusia mengingat Allah, tidak lain dia ingat—Tuhan. Tetapi selepas itu . . . ! Ini Tuhan sendiri ada menyebut dalam Quran yang bermaksud, dengan izin, “manusia itu apabila dia sesak, susah dia minta pada aku, tetapi bila dia senang, dia lupa, itulah manusia ini sangat zalim”, firman Tuhan. Betul, masa itu kalau dia ada tasbih orang Islam tahulah tasbih—orang bukan Islam tidak tahu—ada tasbih ligat tasbih baca “Subhanallah” atau sebagainya, selepas daripada itu sumbat di mana tasbih tidak tahu. Itu kebanyakan kita, inilah manusia—kitalah termasuk saya. Manusia itu

saya, bukan orang lain. Jadi dalam hubungan ini walau bagaimanapun kita bersyukurlah setakat ini penerbangan MAS kita, pesawat penerbangan kita MAS jaranglah kita dengar, tetapi patutlah menjadi satu pengajaran kepada Kementerian ini di dalam memilih atau hendak membeli pesawat-pesawat penerbangan di masa-masa hadapan, kita handaklah berhati-hati meneliti, janganlah asalkan mudah beli—tak boleh, biar kata orang alah membeli menang memakai, ertinya biar mahal pun tidak apa asalkan tahan dan selamat. Ada setengah orang itu tidak mahu alah membeli dia hendak menang membeli, tetapi alah memakai, dia beli mudah, orang tahan dua tahun, dia dua bulan, dia kata dia pandai, biarkan dia. Kita pun macam itu, kita hendak pilih pesawat-pesawat yang tahan, yang baik, yang telah menunjukkan kesan-kesan yang sempurna.

Walau bagaimanapun saya mengucapkan tahniahlah kepada Kerajaan kerana pandai memilih, tetapi pada masa akan datang kita harap kepandaian itu akan terus kekal di dalam Kerajaan supaya dapat memilih pesawat-pesawat yang baik dan sekali lagi apabila kita menyebut soal pesawat tentulah ada hubungannya dengan para jurutera kapal terbang. Oleh sebab itu dalam hubungan ini pihak Kerajaan hendaklah menjamin bahawa setiap pesawat kita dapat dibekalkan dengan para jurutera. Sekali lagi para jurutera yang bukan sahaja berpengetahuan, berpengalaman, tetapi mesti disertai para jurutera yang bertanggungjawab terhadap nusa dan bangsa, kerana kalau dia juga tidak mahu memberi perkhidmatan, dia jangan lupa, dengan dia-dia sekali, kerana bila sudah rosak kapal terbang, dia tidak ada kecuali termasuk enjinnya sekali "Kuluhum", dengan izin—habis. Maknanya habis semua sekali tidak ada terkecuali. Tetapi perkara ini barangkali bagi mereka yang kurang

bertanggungjawab tidak sangat mengambil berat dalam hal ini, kadang-kadang mereka lupa, oleh sebab itu jika seorang para jurutera yang benar-benar bertanggungjawab, mereka mestilah sentiasa memeriksa segala alat-alat jentera kapal terbang sama ada waktu hendak melakukan penerbangan ataupun sesudah penerbangan pesawat-pesawat itu sampai di lapangan terbang, kerana penjenayah-penjenayah mereka bukan sahaja akan mengancam penumpang-penumpang, tetapi mereka juga terdiri daripada orang-orang yang berpengetahuan di bidang kejuruteraan.

Kita tidak tahulah mungkin mana-mana satu sekeru dilonggarkan, saya bukanlah engineer, kalau umpamanya basikal dibuka atau dilonggarnya sekeru mudguard dua itu kita pun nampak elok, kayuh, kayuh-kayuh tercabut tayar depan, tidak rompong gigi kita? Ini perlu, sebab itu para jurutera kita juga hendaklah sentiasa berwaspada, itulah saya katakan tadi kalau semangat kecintaannya, semangat kekitaannya wujud dalam hati sanubari. Ini kapal terbang kita, aku hendak naik, hendak selamatkan aku, semangat itu ada setiap masa mereka akan menjaga keselamatan jentera kapal terbang itu.

Walau bagaimanapun, kita tidak nafikan macam mana jaga pun hendak rosak, rosak juga, serupalah seorang doktor, doktor-doktor ada dalam Dewan ini, dia pun sakit juga, padahal dia tahu macam-macam cara hendak mencegah penyakit, bila dia sakit dia tidak pandai hendak ubat diri dia, dia kata panggil doktor, kalau anaknya kata doktor tidak ada dresser pun tidak ada, dia tidak pandai hendak ubat dirinya, dia panggil doktor. Serupa juga lawyer, ini lawyer ada, dia kena kes, dia panggil lawyer lain untuk bicara, tolong dia, macam kata pepatah Melayu "Amat sukar membuang sampah di dalam mata" betul sampah kalau masuk dalam mata kita susah

hendak buang, masuk mata kawan senang keluarkan dengan perca saputangan kita boleh kuis dengan mudah, cuba masuk dalam mata kita sendiri buang tengok, masuk serbuk tepung bagaimana hendak buang? Minta cari sebesin air, pergi celik dalam besin itu supaya keluar habis tepung-tepung, saya ada petua, orang tua saya beri, kalau ada sampah bubuh garam sedikit dalam air bubuh dalam besin, pergi celik, puya pedih Tuhan yang tahu. Celik dalam besin itu beri sampah keluar, angkat-angkat kepala—merah mata ini.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Yang Berhormat, waktu sekarang tepat!

Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: Saya hendak gulung, Tuan Speaker.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Saya minta Yang Berhormat duduk semula. Waktu sekarang tepat jam 6.30 petang. Mengikut Peraturan Mesyuarat 16, saya terpaksa menghentikan perjalanan mesyuarat. Oleh itu, saya minta salah seorang Ahli Kerajaan membawa usul, iaitu Majlis Mesyuarat ditangguhkan sekarang.

USUL

PENANGGUHAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad): Tuan Yang Dipertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 16 iaitu Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Yang Dipertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN PENANGGUHAN

TAPAK PEMBUANGAN RADIOAKTIF DI PAPAN

6.31 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang Dipertua, saya bangun membangkitkan usul ini kerana kontroversi tapak pembuangan radioaktif di Papan.

Kerajaan harus menangguhkan lesen Ascan Rare Earth Sendirian Berhad dengan serta-merta sehingga masalah penimbunan sisa hidroksidtoriam yang radioaktif itu diselesaikan.

Saya mencadangkan supaya Kerajaan menghormati dan menuruti kehendak rakyat. Adalah tanggungjawab Kerajaan untuk menerangkan dengan teliti kepada rakyat mengenai keselamatan penimbunan sisa hidroksidtoriam di Papan dari segi jangka pendek dan jangka panjang. Adalah bukan tanggungjawab rakyat untuk menerangkan

Tuan Tan Kok Hooi: (*Bangun*).

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Ya, Yang Berhormat?

Tuan Tan Kok Hooi: Tuan Yang Dipertua, kekurangan koram.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Yang Berhormat membangkitkan Peraturan Mesyuarat?

Dr Tan Seng Giaw: kepada Kerajaan mengapa

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: Yang Berhormat, sila duduk! (*Kepada Y.B. Tuan Tan Kok Hooi*) Adakah Yang Berhormat membangkitkan masalah Peraturan Mesyuarat?

Tuan Tan Kok Hooi: Ya, Tertib Mesyuarat iaitu kekurangan koram.

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh:
Yang Berhormat membangkitkan
masalah cukup bilang.

Tuan Setiausaha, sila bilang.

18 orang Ahli yang hadir, tidak
cukup bilang. Sila bunyikan loceng
selama 2 minit.

(Loceng dibunyikan)

*(Ahli-ahli dikira: Kurang daripada
26 Ahli hadir).*

Dr Abdul Hamid bin Pawanteh: 17
orang Ahli yang hadir, masih tidak
cukup bilang. Mesyuarat ini
ditangguhkan sekarang.

Majlis akan bersidang semula jam
2.30 petang esok.

*Dewan ditangguhkan pada pukul
6.33 petang.*